



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL KEEMPAT
Fourth Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 1557]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1976 dan 1977) [Ruangan 1598]

Jawatankuasa—

Jadual Pertama:

- Kepala B. 10 [Ruangan 1660]
- Kepala B. 20 [Ruangan 1667]
- Kepala B. 23 [Ruangan 1670]
- Kepala B. 25 [Ruangan 1672]
- Kepala B. 28 dan B. 29 [Ruangan 1672]
- Kepala B. 32 [Ruangan 1675]
- Kepala B. 34, B. 36, B. 38 dan B. 39 [Ruangan 1676]
- Kepala B. 45 [Ruangan 1678]
- Kepala B. 55 [Ruangan 1668]
- Kepala B. 56 [Ruangan 1680]

Jadual Kedua:

- Kepala B. 2, B. 4, B. 7, B. 8, B. 9 dan 11 [Ruangan 1660]
- Kepala B. 15 [Ruangan 1662]
- Kepala B. 18 dan B. 19 [Ruangan 1664]
- Kepala B. 22 [Ruangan 1665]

KANDUNGANNYA—(sam

Kepala B. 23 [Ruangan 1666]
Kepala B. 25 [Ruangan 1667]
Kepala B. 26 [Ruangan 1668]
Kepala B. 28 [Ruangan 1670]
Kepala B. 29 [Ruangan 1670]
Kepala B. 33, B. 34 dan B. 36 [Ruangan 1672]
Kepala B. 37 [Ruangan 1674]
Kepala B. 38 [Ruangan 1675]
Kepala B. 39, B. 41 dan B. 44 [Ruangan 1676]
Kepala B. 53 [Ruangan 1679]
Kepala B. 55, B. 59, B. 60 dan B. 61 [Ruangan 1680]
Kepala B. 64 dan B. 65 [Ruangan 1684]
Kepala B. 66 [Ruangan 1691]

Rang Undang-undang Peruntukan Diraja (Pindaan) [Ruangan 1694]

Rang Undang-undang Angkatan Tentera (Pindaan) [Ruangan 1698]

Rang Undang-undang Kumpulanwang Pinjaman Perumahan (Pindaan) [Ruangan 1706]

USUL:

Anggaran Pembangunan Tambahan (Bil. 2), Tahun 1976 [Ruangan 1609]

Jawatankuasa—

Kepala P. 62 [Ruangan 1680]

Kepala P. 65 [Ruangan 1684]

Anggaran Pembangunan Tambahan (Bil. 2), Tahun 1977 [Ruangan 1609]

Jawatankuasa—

Kepala P. 8 [Ruangan 1660]

Kelapa P. 15 [Ruangan 1662]

Kepala P. 31 [Ruangan 1672]

Kepala P. 32 [Ruangan 1672]

Kepala P. 52 [Ruangan 1680]

Kepala P. 53 [Ruangan 1679]

Kepala P. 55 dan P. 58 [Ruangan 1680]

Kepala P. 64 [Ruangan 1684]

Kepala P. 66 [Ruangan 1691]

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 1629]

Pertubuhan Antara Parlimen-parlimen ASEAN—Penubuhan [Ruangan 1708]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).**

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, **DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).**

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P. (Kubang Pasu).**

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, **DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).**

„ Menteri Perhubungan, **TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).**

„ Menteri Undang-undang, **DATUK SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).**

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).**

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, **TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).**

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, **DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).**

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K. (Tenggaroh).**

„ Menteri Kebajikan Am, **DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).**

„ Menteri Perusahaan Utama, **DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).**

„ Menteri Luar Negeri, **Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).**

„ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, **DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).**

„ Menteri Pelajaran, **DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).**

„ Menteri Kewangan, **Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).**

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).**

„ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, **TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).**

- Yang Berhormat** Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Menteri Pertanian, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bahru).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SERI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).
- „ Timbalan Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kemaman).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah,**
DATUK HAJI EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan,
DATO' SAADUN BIN MUHAMMAD NOH (Panti).
- „ **TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).**
- „ **TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP AL-HAJ, P.S.M. (Padang Rengas).**
- „ **TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).**
- „ **DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P.,**
P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Payang).
- „ **TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).**
- „ **TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS, P.J.K. (Dungun).**
- „ **DATUK HAJI ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S. (Machang).**
- „ **TUAN ABDULLAH MAJID, K.M.N. (Raub).**
- „ **PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).**
- „ **TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).**
- „ **DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).**
- „ **TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).**
- „ **PENGIRAN HAJI AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).**
- „ **TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).**
- „ **TUAN AJAD BIN O. T. OYONG, A.D.K. (Labuk-Sugut).**
- „ **TUAN A. K. ALIUDDIN (Kimanis).**
- „ **TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).**
- „ **TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).**
- „ **TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).**
- „ **TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).**
- „ **DR CHEN MAN HIN (Seremban).**
- „ **TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).**
- „ **TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).**
- „ **TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).**
- „ **PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).**
- „ **TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).**
- „ **TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).**
- „ **TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).**
- „ **TUAN FARN SEONG THAN (Sungei Besi).**
- „ **DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).**
- „ **TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).**
- „ **DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH (Keningau).**
- „ **TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).**
- „ **DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N.**
(Kuala Nerus).
- „ **TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).**

Yang Berhormat DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).

- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHYA (Maran).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN JAAFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TAN SRI DATO' LEE SIOK YEW, P.M.N., S.P.M.S., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK PETER LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ DATUK LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR, P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.P.M.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, S.P.M.K., P.G.D.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ DATUK MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH, A.S.D.K., A.D.K. (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).

- Yang Berhormat TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N., (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA DATO' NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ DATUK JAMES STEPHEN TIBOK, P.G.D.K., A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGGU ZAID AL-HAJ BIN TENGGU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Pemangku Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Jumaat, 7hb April, 1978

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

CUKAI TANAH

1. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan samada beliau sedar bahawa tuannya tanah terpaksa membayar lebih berkaitan dengan hasil ke atas tanah yang didiami mereka kerana tanah asalnya ialah tanah kebun, jika ya, apakah tindakan yang akan diambil di atas perkara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Haji Embong bin Yahya): Tuan Yang di-Pertua, soalan ini adalah kurang jelas. Jika soalan ini bermaksud bahawa cukai tanah yang dikenakan ke atas tanah-tanah yang telah dibina rumah-rumah kediaman adalah lebih tinggi berbanding cukai yang dikenakan bagi tanah kebun sahaja maka jawapannya perkara itu adalah benar, oleh sebab syarat-syarat kegunaan tanah telah berubah dari tanah kebun menjadi tanah kediaman ataupun perumahan.

Tanah-tanah yang asalnya tanah kebun adalah dibenarkan membina sebuah atau dua buah rumah untuk kediaman dan menjaga kebun, tetapi bila sebahagian besar daripada tanah itu hendak digunakan bagi maksud mendirikan rumah-rumah kediaman maka terpaksa tuan tanah itu menukar syarat-syarat dan penggunaan tanah. Tuan tanah terpaksa membayar premium baru dan cukai

tanah yang lebih tinggi yang ditentukan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri masing-masing mengikut peraturan di bawah undang-undang.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa yang menyebabkan bayaran tanah itu mahal ialah setelah tanah itu dijadikan tanah perumahan maka upah ukur dikenakan terlampau berat, bukan semua tanah di dalam bandar bahkan di luar bandar pun serupa. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menimbangkan dan mengkaji apakah sistem ini merengankan orang ramai ataupun ada cadangan-cadangan yang lain untuk merengankan orang-orang kampung.

Datuk Haji Embong bin Yahya: Seperti yang saya katakan tadi bahawa yang menentukan cukai tanah ini bukan Kementerian saya tetapi Kerajaan Negeri, berapa banyak ia hendak menetapkan cukai ke atas tanah-tanah kediaman atau tanah kebun kedua-duanya sekali, itu terpulanglah kepada Kerajaan Negeri. Boleh dikatakan cukai yang dikenakan antara satu Kerajaan Negeri dengan satu Kerajaan Negeri yang lain adalah berlainan. Ini bukanlah bermakna Kementerian yang menetapkan cukai tanah itu. Oleh itu, tidaklah dapat saya hendak memberi satu jaminan atas perkara ini sejauh mana cukai yang hendak ditimbanakan kepada tuannya-tuannya tanah itu.

UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN
HUKUM SYARAK

2. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan:

(a) kenapakah pendapat-pendapat yang berbeza di dalam masalah nikah cerai, nafkah, poligami, hukuman maksiat

atau sebagainya dijadikan satu undang-undang yang berlainan mengikut negeri masing-masing, padahal undang-undang Ugama Islam di zaman Nabi Muhammad s.a.w. tidak berbeza di antara satu tempat dengan satu tempat di atas muka bumi ini;

- (b) samada pihak berkuasa yang telah mengambil langkah-langkah mengatasi masalah yang disebabkan oleh perbezaan hukuman, kelemahan tadbir dan sistem Mahkamah Syariah di seluruh negeri, yang menyebabkan keadilan tidak dapat dilaksanakan; dan
- (c) samada semua faktor-faktor tersebut dapat disatukan dan diselaraskan untuk menjamin perlaksanaan undang-undang yang lebih kemas sesuai dengan semangat dan ajaran Islam yang maha suci.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Tidak ada pendapat-pendapat yang berbeza di dalam masalah nikah cerai, nafkah, poligami dan sebagainya yang dijadikan undang-undang yang berlainan dari segi Hukum Syarak. Yang ada berlainan ialah Undang-undang Pentadbiran Hukum Syarak di tiap-tiap Negeri itu kerana kuasa membuat Undang-undang (enactment) itu adalah di tanah Dewan-dewan Undangan Negeri.
- (b) Pihak berkuasa negeri telahpun mengambil langkah-langkah untuk mengatasi masalah kelemahan tadbir dan sistem Mahkamah Syariah Negeri masing-masing. Walau bagaimanapun, soal keadilan yang dikatakan tidak dapat dilaksanakan itu tidaklah timbul, kerana bilangan kes-kes Mahkamah Syariah yang dipohon ulangbicara adalah kecil sekali berbanding dengan ribuan kes-kes itu yang diselesaikan di Mahkamah-mahkamah Kadhi dan Kadhi Besar tiap-tiap tahun. Perkara ini sepatutnya ditimbulkan di Dewan-dewan Undangan Negeri.

- (c) Penyelarasan Undang-undang Pentadbiran di seluruh negara memanglah baik dan itulah yang sedang diusahakan mengikut saluran Perlembagaan Negara dan Negeri.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh sebab kita ada Majlis Hal Ehwal Ugama maka saya rasa soalan ini boleh ditunjukkan walaupun hubungan lebih tepat ialah kepada Kerajaan Negeri.

Saya ingin bertanya apakah perhatian yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan berkaitan dengan menyelesaikan masalah-masalah yang dikatakan masalah hal ehwal ugama ataupun kalau yang sebenarnya dari sudut ugama masalah babu nikah bukan masalah ugama, masalah ugama meliputi banyak perkara tetapi ini dalam satu perkara yang tertentu sahaja. Apakah pegangan yang diambil oleh pihak yang berkenaan berkaitan untuk menyelesaikan hal ini, adakah hanya semata-mata hukum fekah ataupun sekarang mereka mengambil juga daripada kajian-kajian dibuat oleh misalnya persatuan-persatuan wanita ataupun ahli undang-undang yang tidak pakar dalam segi undang-undang Islam ataupun mana-mana punca yang difikirkan menasabah.

Dato' Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini sebuah Majlis Ugama telah ditubuhkan yang dinamakan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. Sesuatu masalah yang timbul dari keputusan-keputusan seminar wanita, Lembaga Kebajikan Wanita ataupun badan-badan politik tidaklah dilaksanakan terus-menerus kecuali dibawa kepada Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam dan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam menyerahkan kepada Majlis Fatwa dan Majlis Fatwa itulah menentukan sesuatu hukum-hakamnya yang diperluluskan menerusi Majlis Raja-raja Melayu, kerana Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja itulah sebagai Ketua Ugama di Negeri-negeri.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat hendak bertanya hukum bab munakahad lagi?

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Ya. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar dengan sistem yang kita jalankan sekarang dan dengan banyak orang tidak mengetahui masalah-masalah hukum yang tertentu dalam bab munakahad ini di mana pihak Majlis-majlis Ugama mengetatkan perceraian dan poligami tetapi rangan ataupun kurang diambil perhatian kepada masalah nafkah anak-anak menyebabkan banyak orang bercerai dengan tidak mereport kepada Pejabat-pejabat Ugama dan banyak orang yang tidak berkahwin tetapi bersekedudukan, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar dan adakah ini satu cara yang mengikut pandangan saya tidak sesuai ataupun bertentangan dengan ugama, apakah perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya hal ini tidak berlaku?

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat itu bertanya berkenaan Jawatankuasa Mahkamah Syariah yang telah dilantik oleh Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam. Sila.

Dato' Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa: Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan ini agak lain daripada soalan asal tetapi dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan perkara ini. Sebenarnya sejak adanya Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia maka kita telah dan cuba menyelaraskan perkara-perkara pentadbiran hal ehwal ugama Islam Negeri-negeri. Begitu juga kita dapati undang-undang pentadbiran hukum Islam di Negeri-negeri telah mula dapat diselaraskan. Walaupun begitu, sebuah Jawatankuasa Penyelarasan Hal Ehwal Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam telah dibentuk dan rumusannya telah selesai dan sekarang ini sedang dirujuk kepada semua Majlis Ugama Islam Negeri-negeri bagi mendapat persetujuan. Kalau ini dipersetujui, penyelarasan mungkin dapat dijalankan di antara negeri-negeri. Walaupun begitu hukum-hukum; masalah munakahad dan lain-lainnya adalah sedang berjalan dengan baiknya dan tidak lagi dapat, misalnya seorang lelaki atau jeaka cuba melarikan seorang gadis ke

negeri lain untuk berkahwin, kerana penyerahan fahaman itu telah timbul dan bagi memahami kedudukan supaya rumah-tangga damai, Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia di bawah Pusat Islam telah menganjurkan semua Majlis-majlis Ugama Islam Negeri-negeri supaya mengadakan kursus-kursus perkahwinan ataupun kekeluargaan seperti yang kita telah mulakan di Masjid Negara baharu-baharu ini, iaitu bakal-bakal pasangan pengantin samada pemuda-pemuda ataupun pemudi-pemudi yang belum lagi melangkah ke gerbang perkahwinan ataupun pengantin-pengantin yang masih merah lagi hinai di kakinya supaya menghadiri kursus-kursus iaitu mengetahui tanggungjawab sebagai suami dan tanggungjawab sebagai isteri dan supaya tahu ke manakah sekiranya timbul sesuatu masalah patut mereka adukan. Dengan itu juga untuk menyelesaikan masalah-masalah wanita, boleh dikatakan seluruh Jabatan Ugama hari ini ada pegawai urusan wanita bagi memberi maklumat, memberi nasihat sekiranya timbul masalah-masalah.

Perkara sekedudukan tidaklah berbangkit, kerana ini adalah masalah moral, iaitu akhlak bagi tiap-tiap seorang. Kalau dia sedar, dia dilahirkan sebagai anak orang Islam dia tidak mahu mencuringkan arang ke muka ibubapanya, maka perkara seperti ini tidak akan timbul dan dalam hal ini badan-badan dakwah sedang menerangkan dengan luas samada ke dalam dan keluar supaya masalah keruntuhan moral dan perkara-perkara yang menyalahi undang-undang Islam itu dijauhi.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, di dalam menjawab soalan (b) Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa sungguhpun soal ugama merupakan tanggungjawab Kerajaan-kerajaan Negeri tetapi Kerajaan Persekutuan ada juga mengambil tindakan untuk menyelaraskan perkara-perkara yang tertentu. Saya suka hendak bertanya, apakah tindakan-tindakan Kerajaan Persekutuan yang dimaksudkan untuk menyelaraskan perkara-perkara yang tertentu itu, apakah dia tindakan penyelarasan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Setengahnya dalam jawapan yang terakhir tadi sudah ada terkandung di dalamnya tetapi kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak menambah lagi, silakan.

Dato' Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini memanglah telah banyak dapat difahami terutama dalam menentukan awal Ramadan atau berhari raya supaya serentak seluruh negara kita. Pada masa yang sudah-sudah ada pencanggahan iaitu pihak Negeri-negeri yang menentukannya. Sekiranya Hari Raya ini di Kedah, mungkin tidak di Perak, mungkin tidak di Selangor, begitu juga sekiranya Hari Raya di Selangor mungkin tidak di Kedah, mungkin tidak di Perlis. Pada masa ini kita telah dapat selaraskan seluruh Semenanjung Malaysia di bawah satu riyah Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam. Bukan itu sahaja malah kita dapat sefahaman dengan jiran-jiran negara ASEAN termasuk Singapura dan Indonesia mengistiharkan serentak supaya tidak bercanggah lagi dalam masaalah menentukan awal Ramadan ataupun awal Hari Raya Idilfitri dan Idiladha. Begitu juga perkara-perkara lain akan diselaras apabila terdapat persefahaman di atas perkara yang diedarkan dalam gubalan undang-undang sekarang.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan lagi. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan apakah cadangan untuk menyelesaikan masalah nafkah untuk anak-anak yang telah ditinggalkan dengan sebab perceraian berhubung dengan Undang-undang Majlis Ugama Islam itu.

Dato' Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa: Tuan Yang di-Pertua, telah ada satu Akta yang sekiranya seseorang menceraikan isterinya mestilah dibayar edahnya, membayar perbelanjaan anaknya, sekiranya si isteri yang ditinggalkan oleh suami itu membuat aduan kepada Majlis Hal Ehwal Ugama Islam. Jika sekiranya suami-suami itu berjawatan Kerajaan, undang-undang atau peraturan membolehkan, sekiranya sabit kesalahan, dipotong dari gaji si suami untuk dibayar terus perbelanjaan nafkah anak-anak itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Oh Keng Seng. Tidak hadir.

(Soalan No. 3 Y.B. Tuan Oh Keng Seng tidak hadir).

SETIAUSAHA AGONG ASEAN

4. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah hasil rundingan beliau dengan negara-negara anggota ASEAN berhubung dengan keputusan untuk memecat General Hartono R'Dharsono dari jawatannya sebagai SETIAUSAHA AGONG ASEAN—kerana beliau campurtangan/melibatkan diri dalam kegiatan para pelajar Indonesia baru-baru ini. Adakah ini merumitkan kedudukan ASEAN di rantau ini—setelah beliau dipecat oleh ahli-ahli anggota ASEAN.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri (Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, saya telah-pun menjawab soalan yang sama semasa menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Dungun pada 6hb April semalam. Saya tiada apa-apa lagi yang hendak tambah.

PERUBATAN TRADISIONAL

5. Datuk Haji Shafie bin Haji Abdullah minta Menteri Kesihatan menyatakan bahawa dengan tidak mengeneipkan cara-cara perubatan saintifik dan moden dalam negara ini, apakah minat dan cara-cara tindakan yang telah diambil oleh pihak Kementerian dalam tujuan hendak menggalak dan mempopularkan perubatan tradisional supaya bidang perubatan di dalam negara ini akan menjadi bertambah luas dan maju dan dengan demikian akan membolehkan bahan-bahan tempatan seperti akar-akar kayu, daun-daun dan tumbuhan-tumbuhan yang banyak kedapatan mempunyai khazanah perubatan itu digunakan dan menjadi sebagai salah satu sumber perusahaan dan kekayaan negara.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, amalan perubatan tradisional adalah dibenarkan di negara ini selagi ramuan-ramuan akar-akar kayu, daun-daunan dan tumbuh-tumbuhan yang digunakan, samada yang dikeluarkan secara tempatan ataupun yang diimport, tidak

mengandung apa-apa racun yang dikawal di bawah Ordinan Racun. Kementerian Kesihatan adalah sentiasa berpandangan luas mengenai perkara ini dan akan menjalankan penyelidikan terhadap ramuan-ramuan tertentu apabila dikira perlu berbuat demikian. Walau bagaimanapun, oleh kerana perubatan tradisional adalah suatu bidang yang luas, maka Kementerian Kesihatan tidaklah mungkin dapat menjalankan penyelidikan terhadap semua bahan-bahan yang digunakan sekarang dengan adanya daya tenaga kita yang terhad sekarang.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar bahawa pak dukun-pak dukun telah menggunakan satu cara tradisional bagi memulihkan penagih-penagih dadah.

Saya suka hendak bertanya samada Yang Berhormat Menteri berkenaan bercadang untuk hendak memberi pengakuan atau menggunakan khidmat-khidmat mereka ini yang menggunakan cara tradisional dan juga menggunakan bahan-bahan tradisional bagi memulihkan penagih dadah.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri sedar tentang rawatan ini oleh kerana ada juga satu deligasi terdiri dari dukun-dukun dan bomoh-bomoh berjumpa saya dengan pegawai-pegawai Kementerian Kesihatan baru-baru ini dan mereka berpendapat bahawa cara yang mereka gunakan untuk mengubati penagih-penagih dadah ialah berkesan dan memberi faedah bukan sahaja kepada penagih-penagih dadah bahkan kepada keluarga penagih-penagih dadah itu sendiri. Saya telah menyatakan bahawa sekiranya mereka ada satu cara yang baik eloklah mereka menjalankan terus kerja-kerja mereka untuk faedah rakyat.

Datuk Haji Shafie bin Abdullah: Adakah pihak Menteri mempunyai rekod bilangan doktor-doktor dan thabib-thabib yang menjalankan perubatan dalam bidang akar-akar kayu, daun-daun dan tumbuhan-tumbuhan dan adakah pihak Kementerian bercadang hendak membuat perincian bilangan dalam bidang tersebut.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana saya terangkan tadi apabila perlu Kementerian Kesihatan akan menjalankan penyelidikan atas bahan-bahan

yang tertentu, oleh kerana setakat ini kami tidak ada pengalaman yang luas ataupun daya tenaga untuk menjalankan semua penyelidikan.

BUKU TEKS—PEMBEKALAN

6. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerian beliau sedar bahawa buku-buku teks untuk dijual kepada kanak-kanak sekolah belum lagi tiba di sekolah-sekolah hingga kini tetapi buku-buku teks untuk dijual di kedai-kedai buku telah sampai di tempatnya lebih awal. Jika ya, nyatakan adakah pembekal-pembekal buku memberi keutamaan kepada peniaga-peniaga daripada sekolah-sekolah.

Timbaian Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran sentiasa mengingatkan pembekal-pembekal buku supaya mengutamakan pembekalan buku-buku teks ke sekolah-sekolah dan tidak kepada peniaga-peniaga buku. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran membuat pesanan terus kepada penerbit dengan memberi bilangan naskah buku yang diperlukan bagi buku-buku di bawah Skim Pinjaman Buku Teks dan juga buku keperluan murid-murid yang tidak termasuk dalam Skim ini.

Mengikut peraturan yang berjalannya sekarang pihak penerbit menghantar buku-buku tersebut kepada ejen-ejen seluruh negeri. Seterusnya ejen-ejen tersebut akan menghantar buku-buku yang telah dipesan ke sekolah-sekolah untuk Skim Pinjaman dan juga buku-buku untuk keperluan murid-murid yang tidak termasuk dalam Skim Pinjaman Buku Teks ini.

Bagi kedua-dua pembekalan itu pihak penerbit telah mengikat kontrak dengan Kementerian Pelajaran. Jika ada penerbit yang engkar, tindakan sesuai akan diambil terhadap mereka.

SUMBER AIR

7. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan apakah rancangan-rancangan jangka panjang sedang diambil oleh Kerajaan untuk memajukan sumber-sumber air sebagai satu jaminan terhadap krisis air masa akan datang di negara kita.

Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan yang hampir sama telahpun saya beri di Dewan yang mulia ini pada 20hb Mac 1978. Oleh yang demikian, saya tidak ingin memberi maklumat-maklumat tambahan.

BANK ISLAM

8. Tuan Lukman bin Abdul Kadir minta Menteri Kewangan menyatakan bilakah Kerajaan bercadang mendirikan Bank Islam sebagaimana yang diura-urakan untuk mendirikan di salah sebuah bandar Negeri Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Jika tidak, kenapa.

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu dari mana Ahli Yang Berhormat mendapat maklumat bahawa Kerajaan bercadang menubuhkan Bank Islam di salah sebuah negeri di Pantai Timur. Kerajaan setakat ini tidak ada cadangan untuk berbuat demikian. Perkhidmatan yang diberikan oleh bank-bank perdagangan biasa yang memberi kemudahan kepada rakyat jelata dalam negeri ini sudahpun mencukupi. Mungkin Ahli Yang Berhormat telah salah faham mengenai hal ini oleh kerana adanya cadangan bagi pihak Kerajaan Malaysia meminta Bank Pembangunan Islam yang beribu pejabat di Jeddah, Arab Saudi, menimbang untuk menubuhkan Pejabat Wilayahnya bagi kawasan Asia dan Pasifik di Kuala Lumpur. Ini ialah merupakan cadangan Kerajaan kita kepada pihak berkuasa di Bank Pembangunan Islam.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapannya Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa perkhidmatan bank adalah mencukupi. Adakah ini bermakna bahawa bank-bank yang ada tidak dibenarkan lagi menubuhkan cawangan-cawangan mereka di merata-rata tempat tanahair.

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, yang saya maksudkan bank yang mencukupi ialah dari segi ibu pejabat bank. Tentang menubuhkan cawangan-cawangan itu tidak menjadi masalah.

PENCETAK TANPA LESEN

9. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah (di bawah S.O. 24 (2)) bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:

- (a) sehingga hari ini berapa banyak pencetak-pencetak yang tidak berlesen yang didapati di negara kita dan apakah tindakan Kerajaan terhadap syarikat-syarikat cetakan ini; dan
- (b) di manakah pencetak-pencetak yang tidak berlesen ini didapati dan tidakkah pihak Kerajaan tempatan di tempat itu mengetahui syarikat-syarikat pencetak ini menjalankan perniagaannya dan apakah tindakan Kerajaan di masa hadapan kiranya syarikat-syarikat pencetak didapati berjalan tanpa lesen.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Ra's Yatim): Tuan Yang di-Pertua, ada sebanyak 11 kes pencetak yang tidak berlesen yang telah dapat dikesan oleh pihak Polis daripada maklumat-maklumat yang diterima dari orang ramai. Kesemuanya dalam Wilayah Persekutuan. Dari jumlah ini 8 daripadanya didapati telah membuat permohonan mendapatkan lesen-lesen mencetak dan sementara menunggu mendapatkan lesen tersebut mereka telah menjalankan kerja-kerja cetak. Kesemua pencetak ini telah diberi amaran kerana melakukan kesalahan tersebut. Manakala 3 kes lagi didapati tidak ada membuat permohonan langsung. Kes-kes ini telah dihadapkan ke mahkamah. Sehingga hari ini tidak ada lagi pencetak-pencetak yang menjalankan kerja-kerja cetak tanpa lesen.

SISTEM PENERBANGAN MALAYSIA (MAS)

10. Dr Chen Man Hin minta Menteri Perhubungan menyatakan samada pihak Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) dapat mengurangkan perbelanjaannya dengan menghentikan penerbangan-penerbangan yang tidak untung, memajak jalan-jalan yang tidak penting kepada firma-firma persendirian serta juga mengurangkan amalan mengadakan pejabat-pejabat yang "ostentatious" dan mahal seperti pejabat MAS di London.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shar'ff): Tuan Yang di-Pertua, MAS sebagai syarikat penerbangan

negara Malaysia adalah bertanggungjawab bagi mengadakan bukan sahaja perkhidmatan antarabangsa tetapi juga perkhidmatan dalam negeri yang mencukupi untuk memenuhi kewajipan sosial. Setengah-setengah daripada perkhidmatan dalam negeri itu sungguhpun tidak memberi keuntungan adalah perlu bagi kesenangan penduduk-penduduk di dalam negara ini. Dengan memberi pajakan setengah-setengah daripada jalan-jalan yang tidak untung itu kepada firma-firma swasta bukanlah bererti perkhidmatan-perkhidmatan itu akan memberi keuntungan. Adalah tidak benar bahawa pejabat-pejabat MAS di luar negeri adalah ostentatious. Pejabat-pejabat MAS termasuk pejabat-pejabat di London adalah sederhana sahaja jika dibandingkan dengan Pejabat-pejabat Syarikat Penerbangan Antarabangsa yang lain. Pejabat-pejabat itu patutlah sesuai dengan taraf dan imej negara Malaysia.

HARTA NEGARA

11. Tuan Mustapha bin Ali minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah hutang negara sehingga akhir tahun 1977;
- (b) berapakah jumlah bunga yang terpaksa dibayar tiap-tiap tahun untuk tiga tahun yang berakhir; dan
- (c) bilakah hutang-hutang ini dijangka dapat diselesaikan.

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah hutang negara sehingga akhir tahun 1977 adalah sebanyak \$15,827,649,899.27.
- (b) Jumlah bunga yang telah dibayar tiap-tiap tahun untuk tiga tahun yang terakhir adalah seperti berikut:

1975	1976
\$590,013,046.11	\$807,102,792.04
1977	
\$931,779,851.27	

- (c) Jumlah hutang ini yang dibuat sehingga akhir tahun 1977 dijangka dapat diselesaikan pada tahun 2018. Maklumat-maklumat selanjutnya boleh didapati daripada Laporan Ekonomi 1977/78 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan dan yang telah pun diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

PROGRAM TEMPATAN RTM

12. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Penerangan menyatakan samada beliau sedar bahawa program tempatan (Rancangan tempatan RTM hanya 55%) seperti siri drama dan filem Melayu selalu dimainkan siaran ulangan berkali-kali, seolah-olah tidak ada program yang tidak ditayangkan, jika ya, adakah oleh kerana tidak ada skrip drama yang sesuai, atau bayaran sewanya terlampau tinggi. Sekiranya bayarannya terlampau tinggi, bolehkah rancangan yang baik itu mendapat tajaan dari syarikat-syarikat swasta, atau boleh di-commissionkan sesuatu badan bebas untuk mengendalikannya rancangan yang lebih bermutu dan menarik. Jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Penerangan (Dato' Haji Othman bin Haji Abdullah): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya suka menerangkan bahawa TV Malaysia ada menyiarkan ulangan drama dan filem-filem Melayu kerana tujuan-tujuan yang tertentu umpamanya drama diulang untuk memenuhi dua tujuan. Yang pertama, untuk memberi peluang kepada penonton yang tidak dapat menonton drama pada masa ianya disiarkan bagi kali pertamanya oleh kerana perbezaan cuti mingguan di negeri-negeri. Yang kedua, ialah untuk menayangkan calun-calun drama untuk gelaran Seri Panggung. Sayugia diingatkan bahawa calun-calun drama untuk Seri Panggung adalah daripada drama-drama yang telah ditayangkan sepanjang tahun lalu. Masaalah kekurangan skrip drama yang sesuai atau bayaran sewanya terlampau tinggi tidaklah berbangkit mengenai drama. Amalan mengulang tayangan drama yang berkenaan itu tidak berkaitan dengan soalan skrip drama yang sesuai atau bayaran yang terlalu tinggi.

Mengenai filem-filem Melayu yang diulang siarannya, saya suka menerangkan bahawa ada di antara filem-filem itu amat diminati oleh sebahagian daripada penonton-penonton TV Malaysia dan siaran ulangannya adalah untuk memenuhi kehendak mereka. Namun demikian ada juga masanya TV Malaysia tidak mendapat filem-filem Melayu yang sesuai untuk memenuhi rancangan yang dijadualkan baginya disebabkan oleh firma-firma swasta yang membekalkan filem-filem tersebut tidak mahu menyewakan filem-filem yang dipilih oleh RTM atas sebab-sebab perniagaan.

Kementerian Penerangan sedang mengkaji langkah-langkah yang perlu bagi menambahkan mutu drama dan tayangan filem Melayu samada ianya merupakan tajaan oleh firma swasta ataupun cara-cara yang lain. Patut juga saya tambahkan di sini bahawa TV Malaysia merasa sangat kekurangan dari drama-drama yang lebih tinggi mutunya sesuai dengan kehendak kita. Dengan demikian Kementerian ini mempelawa para penulis-penulis drama agar tampil ke hadapan menyediakan skrip-skrip drama yang lebih baik bagi siaran TV Malaysia.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa pihak swasta cuma hendak menyewakan filem-filem yang mereka hendak sewakan. Ada setengahnya mereka tidak mahu menyewakan. Adakah ini bermakna dan bermaksud bahawa filem-filem yang mereka hendak sewakan kepada RTM merupakan filem-filem yang lama sahaja, filem-filem yang baru mereka tidak mahu sewakan kerana mereka hendak menunjukkan di panggung-panggung wayang mereka? Adakah ini keadaan yang sebenarnya?

Dato' Haji Othman bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, benar.

Raja Dato' Naron bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan ada menyatakan di dalam jawapannya bahawa soalan tidak ada skrip drama tidak timbul. Ini menggambarkan bahawa tidak ada kekurangan skrip. Disebaliknya pula, Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Menteri yang berkenaan menyatakan di dalam jawapannya yang penghabisan iaitu beliau mengalu-alukan sesiapa juga penulis-penulis skrip untuk menyampaikan skrip-skrip mereka kerana kekurangan skrip-skrip yang bermutu. Adakah ini menggambarkan bahawa sungguhpun ada skrip—tidak kurang, tetapi skrip-skrip yang ada itu kurang mutunya?

Dato' Haji Othman bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, satu hal yang tidak dapat dinafikan bahawa kita memang mempunyai kekurangan di dalam penulis-penulis skrip yang lebih bermutu. Keadaan sekarang ini kalau kita hendak menayangkan skrip-skrip yang ada maka kita rasa cukup, tetapi

kita mahu bahawa drama-drama itu lebih tinggi mutunya sesuai dengan perkembangan pembangunan rohani dan mental kita sekarang. Oleh kerana itu saya menyeru iaitu penulis-penulis drama akan lebih meninggikan taraf penulisan supaya sesuai dengan pembangunan yang kita kehendaki dan kalau kita berasa puas dengan apa yang ada, maka ertinya kita berasa kekurangan.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, oieh sebab keadaan di mana pihak RTM cuma dapat ditawarkan dengan filem-filem yang lama sahaja, maka pihak orang ramai terpaksa melihat kerana tidak ada lagi pilihan, terpaksa melihat wayang-wayang yang ditayangkan dan wayang-wayang gambar itu adalah filem-filem lama. Apakah tindakan Kementerian yang berkenaan supaya dapat memperbaiki keadaan ini supaya sekurang-kurangnya pihak swasta dapat menawarkan filem-filem yang lebih baru dan lebih disukai oleh orang ramai?

Dato' Haji Othman bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang kita telah faham bahawa firma-firma swasta mempunyai dasar untuk mencari keuntungan daripada filem-filem yang mereka buat. Oleh kerana itu mereka mengadakan satu peraturan bahawa filem yang umurnya kurang daripada 10 tahun tidak akan dijual untuk tayangan yang kita pilih dan hanya filem-filem yang berumur lebih daripada 10 tahun sahaja yang ditawarkan untuk kita pilih. Ini sebagai satu hal yang kita rasa sangat keciwa tetapi walau bagaimanapun kita akan cuba mendapatkan usaha-usaha yang lain bagi mengatasi keperluan kita. Tetapi kalau kita melihat kepada pendapat ataupun pendirian pengeluar-pengeluar filem sekarang, maka oleh kerana kepentingannya maka ia tidak dapat menjualkan kepada kita. Jalan keluarnya akan ditimbangkan cara bagaimana oleh Kementerian ini dari masa ke satu masa dan Kementerian ini memang sedar hal ini.

Tuan Mustapha bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada jawapan Timbalan Menteri yang berkenaan supaya pihak Kementerian sentiasa menggalakkan para penulis skrip supaya tampil ke hadapan, pertanyaan saya ialah apakah suatu daya galakan (incentive) yang telah diberi oleh pihak Kerajaan selama ini untuk menarik

mereka yang berbakat itu supaya tampil ke hadapan menulis skrip-skrip dan sebagainya?

Dato' Haji Othman bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, satu daya penarik kepada mereka bahawa usaha-usaha mereka itu akan diberi nilai, nilai yang rasa saya bukan sahaja daripada sudut kebendaan, daripada sudut wang tetapi penayangan filem, pengolahan daripada skrip drama yang filemkan di talivisyen merupakan satu nilai yang tinggi di samping nilai wang yang disediakan. Kalau sekiranya drama itu lebih bermutu tinggi nilainya, maka kita akan menimbangkan daripada satu masa ke satu masa tentang penilaian skrip-skrip drama yang kita maksudkan itu.

Raja Dato' Nasron bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, di dalam segi memberi galakan kepada penulis-penulis skrip, tidakkah ada satu rancangan yang dibuat oleh Kementerian yang berkenaan untuk menghantar penulis-penulis skrip yang sedang berkhidmat di dalam jabatan-jabatan yang berkenaan untuk pergi menuntut dan mencari pengalaman di seberang laut, di universiti-universiti dan sebagainya dengan diberi galakan dan biasiswa?

Dato' Haji Othman bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, bukan tidak ada galakan yang kita berikan seperti itu, tetapi yang kita katakan ialah kekurangan. Kalau kita merasakan ini kekurangan maka penulis-penulis skrip dari yang bukan daripada ahli atau pegawai daripada RTM patut tampil ke hadapan oleh kerana setiap kita menyoalkan tentang bentuk masyarakat yang kita mahu. Setengah-setengah kita membicarakan soal akhlak dan budi pekerti, setengah-setengah kita membahaskan soal dakwah dan sebagainya. Ini seluruhnya boleh disalurkan menerusi drama dan kami daripada Kementerian Penerangan ini bersedia menerima skrip-skrip yang lebih membina masyarakat, membina kerohanian dan sebagainya dan penulis-penulis inilah yang kita anggap kurang jumlahnya—bukan tidak ada, tetapi kurang jumlahnya daripada sudut-sudut yang kita perlukan. Oleh kerana itu kita meminta supaya penulis-penulis drama yang berasa cemburu kepada keruntuhan akhlak, cemburu kepada kekuatan mental kita dan soal pembangunan akhlak ini diminta supaya tampil ke hadapan dan menulis

skrip-skrip yang boleh kita tayangkan melalui TV bagi menolong Kerajaan membina satu masyarakat yang harmoni, berakhlak dan bersatu padu.

Tuan Mustapha bin Ali: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Satu perkara yang selalu ditimbulkan oleh penulis skrip ialah mereka tidak puas hati dengan bayaran yang diberikan kepada skrip yang disampaikan kepada mereka. Saya sendiri tidak dapat memastikan samada benar atau tidak perkara ini. Tetapi bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan itu dapat menerangkan berapakah jumlah bayaran yang diberikan kepada setiap satu skrip yang dihantar kepada RTM yang dikatakan tidak puas hati oleh pihak yang berkenaan.

Dato' Haji Othman bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat itu pun tidak tahu ada orang yang tidak puas hati dan dia sendiri pun tidak tahu ada orang tidak berapa senang dengan bayaran, bagaimana beliau boleh menimbulkan soal ini? Kalau andainya Ahli Yang Berhormat itu mendapat sungutan-sungutan daripada penulis-penulis drama ataupun penulis-penulis skrip kita maka saya persilakan Ahli Yang Berhormat itu berbincang dengan saya tentang mana perkara-perkara yang dia tidak puas hati, adakah dari segi soal bayaran, ataupun tentang pemotongan beberapa adegan di dalam skrip itu. Dan adakah bentuk skrip itu betul-betul dapat dijadikan sebagai satu skrip drama atau hanya menulis dan kemudian kami di RTM ini membuatnya secara skrip. Jadi apakah ertinya skrip drama ini sebagai satu pengalaman yang perlu diketahui. Oleh kerana itu saya minta Ahli Yang Berhormat itu kalau dia mungkin menulis skrip drama ataupun sesiapa juga yang menulis skrip saya persilakan. Dan nilainya kita timbangkan dan boleh dibahaskan kemudian.

Tuan Mohd. Zahari bin Awang: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa ada drama-drama yang dipentingkan sudut-sudut tertentu tentang messagenya. Apakah skrip-skrip ini dimestikan untuk dijadikan propaganda kepada Kerajaan atau dari sudut-sudut apakah yang diperlukan dalam sesuatu message yang akan ditayangkan menerusi TV.

Tuan Yang di-Pertua: Berkenaan dengan perkara itu, berundinglah dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri, mengikut sebagaimana yang dikatakannya tadi.

Dato' Haji Othman bin Haji Abdullah: (Bangun).

Tuan Yang di-Pertua: Hendak jawab juga?

Dato' Haji Othman bin Haji Abdullah: Ya. Kalau PAS berkuasa mungkin TV menjadi badan propagandanya. Tetapi selama Barisan Nasional memegang kuasa memerintah sebagai Kerajaan Pusat kita tidak berniat menggunakan TV ini sebagai propaganda. Tetapi ia merupakan satu badan penyiaran yang akan membuka mata rakyat daripada propaganda-propaganda yang selalunya mengelirukan seperti propaganda PAS misalnya (*Ketawa*) yang mesti kita salurkan di dalam satu drama bagaimana kebohongan yang dibuat oleh orang-orang yang gilakan kuasa dalam politik.

Jadi sudut ini akan kita timbangkan samada sesuai atau tidak untuk kita tayangkan. Begitu juga daripada sudut-sudut yang lain.

Tuan Yang di-Pertua: Itu bolehlah tengok melalui siri "Power politics".

Dato' Haji Othman bin Haji Abdullah: Ya, betul.

Tuan Mustapha bin Ali: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya kembali kepada soalan saya tadi dan saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan sebenarnya tidak mendengar dengan jelas yang asal tadi. Sebenarnya soalan saya itu, saya sedar ada orang yang bersungut tentang tidak puas hati itu. Cuma saya tidak pasti berapakah jumlah wang bayaran yang dikatakan oleh mereka itu tidak puas hati. Sebab itulah saya minta kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan itu menerangkan berapakah yang dibayar kepada setiap skrip itu, jika beliau dapat menerangkannya.

Dato' Haji Othman bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, skrip drama ini tidak serupa bayarannya. Ada tinggi, ada rendah, ada setengah dan sebagainya, paling tinggi mutunya kita beri harga yang paling tinggi.

Tuan Yang di-Pertua: Yalah, dia hendak tahu berapa? (*Ketawa*) Selepas itu tidak ada soalan tambahan lagi.

Dato' Haji Othman bin Haji Abdullah: Saya tidak suka menerangkannya di sini . . .

Tuan Yang di-Pertua: Kalau hendak notis, cakap hendak notis.

Dato' Haji Othman bin Haji Abdullah: Saya minta notis.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sejak beberapa hari yang lalu kita selalu diganggu oleh suara ketok-ketokan yang mengganggu kita. Ini saya sudah siasat dan bunyi ini timbul disebabkan ada di antara Ahli-ahli Yang Berhormat yang menggoyangkan kaki atau lututnya (*Ketawa*) kena pada meja depan, itulah yang menyebabkan bunyinya kerana terantok (*Ketawa*). Kalau kita senang sangat pun atau-suka sangat hati pada sesuatu hari itu, janganlah kita goyang kaki.

RUKUN TETANGGA

13. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (di bawah S.O. 24 (2)) minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) samada pihak Kerajaan memberi sebarang jaminan kepada ahli-ahli rukun tetangga bahawa mereka dilindungi insuran jika mendapat sebarang kemalangan atau kecederaan semasa bertugas; dan
- (b) samada Kerajaan sedar, bahawa dengan tidak adanya sebarang jaminan daripada pihak Kerajaan boleh menyebabkan orang ramai tidak hendak lagi mengawal di waktu malam.

Dato' Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa sekim Rukun Tetangga yang dikuatkuasakan oleh Ordinan Darurat (Kuasa-kuasa Perlu 1969) Ordinan 1, Peraturan-peraturan Perlu (Rukun Tetangga), 1975 tidak memperuntukkan perlindungan insuran bagi petugas-petugas Rukun Tetangga. Namun demikian, Kerajaan akan membayar pampasan yang setimpal kepada anggota-anggota Rukun Tetangga yang

ditimpa bencana, kecederaan ataupun kemalangan semasa menjalankan tugas-tugas mengikut Seksyen 30 Peraturan-peraturan Perlu (Rukun Tetangga), 1975. Kadar pampasan yang diberikan adalah berdasarkan kepada perkiraan yang terdapat di dalam Peraturan-peraturan Keselamatan Dalam Negeri (Pampasan Bencana Orang Awam) 1960.

- (b) Saya suka menjelaskan bahawa jaminan dari pihak Kerajaan kepada anggota-anggota Rukun Tetangga semasa menjalankan tugas mereka adalah dengan cara membayar pampasan seperti yang saya sebutkan tadi. Selain daripada itu, pihak Polis memberi kerjasama yang erat dengan menasihati serta menyelaraskan dengan Jawatan-kuasa-jawatankuasa Sektor dalam urusan rondaan dan kawalan sektor-sektor yang terdapat kegiatan-kegiatan jenayah yang boleh membahayakan anggota-anggota Rukun Tetangga.

Oleh yang demikian, keengganannya dari segelintir sahaja penduduk di dalam sektor-sektor untuk menjalankan tugas-tugas Rukun Tetangga tidaklah disebabkan oleh ketiadaan sebarang jaminan dari pihak Kerajaan. Pada pandangan saya, ia berpunca dari kurang kesedaran tentang matlamat Rukun Tetangga yang mana pihak Kerajaan sedang melipatgandakan usaha untuk menanamkan semangat dan kesedaran terhadap sekim Rukun Tetangga ini demi kepentingan rakyat dan kepentingan negara seluruhnya.

MUSIM KEMARAU BAGI PETANI-PETANI

14. Tuan Abu Bakar bin Arshad (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pertanian menyatakan kerugian petani-petani di Kedah kerana ditimpa musim kemarau dan apakah langkah-langkah beliau bagi membantu petani-petani tersebut dalam jangka pendek dan jangka panjang.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu anak Saga): Tuan Yang di-Pertua, jawapan telah dimaklumkan pada 27hb Mac yang lepas.

Saya suka menambah sedikit lagi iaitu dalam kawasan MADA, satu rancangan telahpun disediakan di bawah Projek Muda II supaya kemudahan pengairan dapat diperbaiki.

Bagi kawasan di luar MADA, di Negeri Kedah, 46 buah projek taliair kecil berharga \$26.8 juta akan disediakan sebelum tahun 1980.

LATIHAN MERAWAT PESAKIT-PESAKIT

15. Tuan Latip bin Haji Dris (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau bercadang melatih murid-murid yang telah lulus pelajaran menengah dan tinggal di rumah-rumah panjang dari segi perubatan, supaya mereka boleh memberi rawatan kepada penghuni-penghuni rumah panjang yang tidak begitu teruk sakitnya tanpa memerlukan mereka dibawa ke klinik dan dispensari di bandar-bandar kerana kebanyakan penduduk-penduduk rumah panjang ini tidak berkemampuan untuk dibawa ke bandar.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kementerian Kesihatan belum lagi ada cadangan memberi latihan dalam bidang merawat pesakit-pesakit kepada penuntut-penuntut yang mempunyai kelayakan persekolahan menengah dan yang tinggal di rumah-rumah panjang yang tertentu dengan tujuan mereka akan berkhidmat kepada penghuni rumah-rumah panjang tersebut.

Bagi mendekatkan lagi kemudahan-kemudahan kesihatan kepada penduduk-penduduk luar bandar, kawasan-kawasan luar bandar di Sarawak mempunyai pusat-pusat kesihatan, klinik-klinik desa dan dispensari kecil. Selain daripada itu ada juga dispensari-dispensari dan pusat kesihatan ibu mengandung dan kanak-kanak. Kampung-kampung di luar kawasan operasi yunit-yunit statik ini adalah dilawati oleh yunit-yunit bergerak dan perkhidmatan Doktor Udara. Perkhidmatan-perkhidmatan yang dibekalkan antara lain termasuklah rawatan perubatan, kesihatan ibu mengandung dan kanak-kanak dan kesihatan sekeliling.

Yunit-yunit ini adalah dilengkapi dengan pegawai-pegawai terlatih untuk mengendalikan perkhidmatan. Sekiranya ada

calun-calun yang berminat untuk menjalani latihan dan seterusnya bertugas di yunit-yunit ini, mereka bolehlah membuat permohonan apabila kursus-kursus latihan tersebut diiklankan.

KAMUS DEWAN

16. Toh Puan Oon Zariah binti Abu Bakar minta Menteri Pelajaran menyatakan bila sebuah Kamus Dewan yang lebih lengkap akan diterbitkan bagi menggantikan Kamus Dewan yang ada sekarang.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Dewan Bahasa dan Pustaka telahpun menyediakan sebuah kamus, namanya "Kamus Dewan" yang diterbitkan pada tahun 1970 dan saya sendiri pun ada mempunyainya sebuah. Kamus ini adalah sebuah kamus ekabahasa (mono-language) yang lengkap dalam Bahasa Malaysia.

Pada tahun 1972 ejaan baru bahasa Malaysia mulai dipakai. Pedoman ejaan baru untuk Kamus Dewan berbentuk pamphlet diselitkan sebagai panduan dalam menggunakan Kamus Dewan, yang dikeluarkan dalam tahun 1976. Kini Kamus Dewan yang bersifat umum dan lengkap untuk golongan pembaca yang menguasai bahasa Malaysia boleh didapati di merata-rata tempat di negara ini. Adalah menjadi satu perkara mustahil untuk menyediakan satu kamus yang boleh digunakan untuk semua golongan kerana ini tidak praktis. Dengan demikian untuk murid-murid sekolah menengah rendah dan menengah atas Dewan Bahasa dan Pustaka telah menyediakan Kamus Bahasa Malaysia (edisi pelajar) yang diterbitkan dalam tahun 1975. Untuk murid Darjah 3 hingga Tingkatan I Dewan akan menyediakan Kamus Berilustrasi, kira-kira 600 halaman, untuk sekolah rendah. Ini akan diterbitkan pada tahun 1979 iaitu tahun hadapan. Untuk memenuhi kehendak umum untuk dwibahasa (bilingual), Dewan Bahasa dan Pustaka bagi julung kali akan menerbitkan Kamus Dwibahasa: Bahasa Inggeris-Bahasa Malaysia yang akan diterbitkan dalam tahun 1978 ini. Di samping itu Dewan telah mengambil alih Kamus Bahasa Inggeris-Bahasa Malaysia, ANU-DBP juga dwibahasa dari Projek Kamus Australian National University di Canberra, Australia. Kamus ini yang hampir 3,000 halaman ada-

lah diusahakan dalam jangka panjang yang dijangka akan terbit dalam tahun 1983. Bezanya kamus ini dengan Kamus Dwibahasa: Bahasa Inggeris-Bahasa Malaysia ialah untuk kamus ini tidak diberi definisi tetapi hanya perkataan atau frasa dalam Bahasa Malaysia sebagai ekwivalen dari kata dan frasa Bahasa Inggeris. Seterusnya Dewan juga sedang menyusun sebuah Kamus Dwibahasa: Bahasa Malaysia-Bahasa Inggeris. Kamus ini disusun khas untuk pengguna kamus yang bahasa ibundanya Bahasa Malaysia tetapi ingin mempelajari bahasa Inggeris. Ini akan diterbitkan pada tahun 1982.

Akhirnya akan diteruskan Kamus Eka-bahasa dan Kamus Dwibahasa, kedua-duanya untuk menampung keperluan penuntut-penuntut di sekolah menengah aliran sains/sastera (arts) yang mengambil matapelajaran tertentu. Kamus Istilah Kimia akan dimulakan pada tahun 1979 dan dijangka akan terbit pada tahun 1981.

Perlu diingatkan di sini bahawa Bahasa kita bolehlah dikatakan sesuatu bahasa yang terbaharu sekali di dalam dunia ini yang sedang menjalani proses pemodenan. Ianya ialah bahasa yang sedang meningkat maju dan berasas kepada unsur-unsur yang begitu banyak yang sedang diserapkan ke dalamnya sebagai input. Proses ini akan berterusan, oleh sebab itu bolehlah dikatakan bahawa walaupun Kamus akan memainkan peranan besar dalam usaha perusahaan rakyat, tidak boleh dielakkan bahawa tiap-tiap kamus yang disediakan oleh sesiapa pun akan lebih cepat menjadi "out of date" kalau dibandingkan dengan kamus-kamus bahasa lain yang telah mencapai taraf tertentu.

Tuan Mohd. Zahari bin Awang: Adakah pihak Kementerian sedar bahawa sekarang ini oleh kerana perubahan istilah telah banyak hasil daripada perhubungan dan perbincangan kita antara Malaysia dengan Indonesia (Malindo) yang menyebabkan Kamus ini out of date sebagaimana disebut oleh Timbalan Menteri tadi. Jadi berapa kalikah semakan telah dibuat tentang Kamus ini untuk menambahkan istilah baru.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya telah jawab di dalam jawapan saya pada peringkat akhir tadi, iaitu oleh kerana bahasa kita ini ialah boleh dikatakan

satu bahasa yang baru di dalam dunia ini dan masih berkembang lagi, oleh kerana itulah dalam proses pemodenan ini barangkali ada "import" yang didapati banyak boleh memodenkan. Barangkali kita akan dapat mengambil masa yang panjang sedikit supaya betul-betul bahasa kita menjadi bahasa moden yang boleh dipelajari oleh negara-negara yang lain dalam dunia ini.

Tuan Yang di-Pertua: Mungkin pemodenan bahasa itu yang baru, bahasanya tidak baru, proses pemodenan yang baru.

Dato' Chan Siang Sun: Ya, pemodenan.

Tuan Mohd. Zahari bin Awang: Apa yang saya maksudkan tadi ialah tentang penyemakan semula kerana kita dapati bahawa dalam tahun 1976 ada diselit dengan pamphlet-pamphlet pada Kamus (dictionary) itu. Apakah ini merupakan satu perkara yang muktamad atau adakah berapa kali telah disemak Kamus ini kerana didapati bahawa banyak daripada istilah-istilah baru sedang masuk dalam perbendaharaan kata-kata Bahasa Malaysia sekarang hasil daripada persidangan di antara Malaysia dengan Indonesia. Jadi apakah perkara ini tidak mahu disemak ataupun bila akan disemak kembali untuk melengkapkan Kamus kita.

Tuan Yang di-Pertua: Maksud Ahli Yang Berhormat dari Kuala Krai Kamus khususnya dalam sesuatu bidang itu.

Dato' Chan Siang Sun: Sekarang kita pun sudah semak. Sebagaimana yang saya terangkan tadi barangkali bukan satu kali kita semak, tetapi perkara ini semuanya dapat diselesaikan, jadi revision memang kita sudah buat.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tengok Ahli Yang Berhormat ada mengemukakan sedikit kemuskilan daripada pertanyaan tadi, jadi saya menjelaskan di sini.

Raja Dato' Nasron bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Menteri yang berkenaan ada mengatakan bahawa bahasa kita adalah bahasa yang sentiasa hidup, tidak statik, bertukar dari satu masa ke satu masa dan kita perlu membaiki dan ditambah. Dari itu memandangkan peri mustahaknya kita mempunyai satu Kamus yang tertentu bukan dibuat oleh sesiapa yang suka sahaja, tetapi oleh pihak-pihak yang berkenaan

supaya dapat mengawal kehidupan bahasa kita itu hidup dengan segar untuk kegunaan keturunan kita yang akan datang, tidakkah ada satu badan yang khas atau jawatankuasa yang khas diberi tanggungjawab untuk membuat tugas menyusun satu Kamus berkenaan kegunaan daripada berbilang-bilang bidang yang disebutkan oleh Timbalan Menteri yang berkenaan, tetapi untuk semua golongan.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, memang pihak Dewan Bahasa dan Pustaka memainkan peranan yang penting dalam perkara ini dan ada satu panel yang meliputi semua pakar-pakar sastera dan sebagainya untuk menjadikan ahli panel ini. Saya fikir panel ini tentulah ada orang-orang yang "specialised" dalam perkara ini.

SISTEM GRADING SRP/SPM (MCE)

17. **Tuan Farn Seong Than** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau akan menimbang membatalkan sistem pemerinkatan Sijil Rendah Pelajaran (S.R.P.) Sijil Pelajaran Malaysia (S.P.M.) memandangkan bahawa sistem pemerinkatan yang ada sekarang akan melibatkan perasaan sikap mereka yang muda yang akan menjadi seperti kompleks pemerinkatan yang terdapat dalam kompleks darjat dalam alam orang dewasa.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran tidak bercadang untuk membatalkan sistem "grading" atau sistem pensijilan kumpulan bagi Sijil Rendah Pelajaran dan Malaysia Certificate of Education/Sijil Pelajaran Malaysia memandangkan sistem ini adalah berjalan dengan baiknya kerana ianya memenuhi kehendak-kehendak dasar pelajaran sekarang yang menegaskan kepada pendidikan umum yang luas ke atasnya atau broad based general education menerusi kurikulum teras yang sama (common core curriculum). Ini berfaedah bukan sahaja bagi mereka yang akan melanjutkan pelajaran tetapi juga bagi kebanyakan pekerjaan yang memerlukan pengetahuan umum yang luas sebagai kemahiran asas untuk latihan pekerjaan atau pendidikan khusus.

Dalam peperiksaan L.C.E. atau S.R.P. umpamanya, pensijilan ini merupakan pensijilan bagi menunjukkan paras kecekapan

di akhir pendidikan umum selama 9 tahun. Berasas kepada konsep inilah maka pensijilan secara kumpulan dalam beberapa matapelajaran dibuat, di samping itu sistem ini mematuhi kehendak negara dalam kecekapan bahasa dan sukatan dalam Ilmu Hisab dan Sains sebagai asas perkembangan dalam pendidikan sains dan teknologi yang mana kita mengadakan pada hari ini. Dari segi latihan pekerjaan dalam vokesyenal pula kehendak utama ialah pengetahuan umum yang luas sebagai kemahiran asas untuk latihan dalam pekerjaan dan juga latihan lanjutan yang khusus. Pensijilan terbuka sebagaimana yang berlaku dalam peperiksaan General Certificate of Education mungkin mengakibatkan kemerosotan taraf pendidikan umum yang diamalkan sekarang kerana ianya akan mendorong pengajaran dan pembelajaran tertumpu kepada beberapa matapelajaran yang digemari sahaja dan mengeneipkan matapelajaran-matapelajaran yang lain walaupun penting dari segi pembangunan negara, terutamanya Bahasa-bahasa Sejarah, Ilmu Alam, Ugama, Tata Rakyat dan sebagainya.

Pensijilan di peringkat S.P.M. dan M.C.E. merupakan pensijilan yang menunjukkan paras kecekapan dalam pendidikan umum lanjutan dalam bidang sastra, sains dan teknik selama 2 tahun lagi. Ini merupakan pengukuhan pada pendidikan umum yang telah berlaku selama 9 tahun hingga ke peringkat L.C.E. dan S.R.P. dan sebagai asas kepada pengkhususan di peringkat pengajian tinggi pada masa depan kelak.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 3 dan No. 18 hingga 39 adalah diberi di bawah ini).

LIMAU DARI ISRAEL

3. **Tuan Oh Keng Seng** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah beliau mengetahui bahawa buah-buahan dari Israel seperti buah limau mengandungi merkuri dan ianya merbahaya kepada manusia jika dimakan. Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian beliau untuk memeriksa buah-buah tersebut yang datang dari Singapura.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Ya, saya tahu tentang adanya lapuran-lapuran berkenaan buah-buah limau dari Israel yang dikatakan mengandungi merkuri. Setahu saya bahan-bahan tersebut telah dikesan di beberapa negara Eropah tetapi tidak terdapat di Singapura atau Malaysia. Oleh yang demikian tiada langkah istimewa yang diperlukan.

Untuk makluman Yang Berhormat negara kita tidak membenarkan pengimpotan barang-barang dari Israel, oleh itu soalan ini tidak timbul.

Walaupun begitu secara umum makanan-makanan yang diimpot dan dijual diserata Malaysia senantiasanya diperiksa dan dianalisa sepanjang masa. Misalnya pada tahun 1977 lebih dari 5,669 contoh berbagai makanan telah dianalisa dan lebih dari 232 kes telah didakwa di mahkamah.

PERKHIDMATAN BAS/BAS MINI

18. **Datuk Albert Mah** minta Menteri Kerjaya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan kriteria-kriteria yang digunakan di dalam peruntukan jalan bas dan mini bas di jalan-jalan sepanjang kawasan rumah kediaman di bandaraya Kuala Lumpur dan di kawasan-kawasan luar bandar. Adakah beliau akan membenarkan lebih banyak bas-bas untuk memberi khidmat kepada penduduk di Taman Mutiara, Taynton View, Suintex Garden di kawasan Cheras. Penduduk-penduduk di kawasan ini sedang menghadapi kerumitan kerana kekurangan kenderaan-kenderaan awam.

Dr Goh Cheng Teik: Perlu dimaklumkan bahawa Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan adalah menimbangkan dan seterusnya membenarkan perkhidmatan bas bagi kawasan-kawasan tertentu berdasarkan kepada permohonan-permohonan yang diterima baik daripada syarikat-syarikat baru ataupun syarikat-syarikat yang sedia ada. Di dalam menimbangkan permohonan-permohonan itu perkara-perkara yang ditkehadapkan ialah:

- (1) Memang ada keperluan dikehendaki bagi kawasan-kawasan atau jalan-jalan baru yang masih belum ada perkhidmatan bas dan lain-lain pengangkutan awam.

- (2) Bagi kawasan-kawasan atau jalan-jalan yang telah ada perkhidmatan bas, Lembaga Pelesenan mestilah berpuas hati bahawa perkhidmatan bas yang sedia ada tidak mencukupi dan memuaskan berbanding dengan keperluan perkhidmatan yang dikehendaki.

Berkenaan dengan jalan-jalan bagi bas mini pula (di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya), dimaklumkan bahawa kriteria yang digunakan untuk menentukan bilangan bas mini berkhidmat di sesuatu tempat seperti di kawasan perumahan ialah bilangan penduduk serta peluang pekerjaan di tempat tersebut. Setelah perkhidmatan bas mini dijalankan, jumlah ini akan berubah bergantung kepada permintaan orang ramai mengenai perkhidmatan ini.

Pada masa ini pengeluaran lesen-lesen bas mini telah dibekukan. Oleh itu bilangan bas mini tidak dapat di tambah untuk kawasan-kawasan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Walau bagaimanapun sebagaimana yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum bas mini Laluan 32 adalah membuat perkhidmatan di kawasan-kawasan Taman Mutiara dan Taynton View. Bagi kawasan Suntex Garden pula, permohonan belum lagi diterima bagi mengadakan perkhidmatan bas mini ke tempat tersebut.

SLIM RIVER TOL

19. Tuan Lim Cho Hock minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sebab-sebab mengapa Slim River Tol belum ditarik balik sungguhpun kutipan telah melebihi matalamat.

Dr Goh Cheng Teik: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kerajaan tidak berhasrat untuk menarik balik tol yang dikenakan di Slim River walaupun kutipan telahpun melebihi perbelanjaan pembinaan jalan tersebut. Sepertimana yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum Kerajaan telahpun mengumumkan untuk menggunakan kutipan tol sebagai satu cara membiayai pembinaan jalan-jalanraya di negara ini.

PUSAT KESIHATAN KAMPUNG BANGKALALAK

20. Tuan Haji Mohd. Taufek bin Datuk Haji Asneh minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah beliau sedar bahawa pusat

kesihatan desa bagi Kg. Bangkalalak, Beaufort sudah lama siap tetapi malangnya belum seorang pun jururawat luar bandar dihantar bertugas ke sana. Jika ya, adakah ini kerana kekurangan jururawat-jururawat luar bandar yang terlatih atau jururawat-jururawat sendiri yang tidak mahu dihantar bertugas di tempat tersebut kerana jauh dari bandar. Apakah tindakan yang beliau akan ambil untuk mengatasi perkara ini.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Pusat Kesihatan Kampung Bangkalalak disediakan dalam bulan Disember 1977 dan diambil alih oleh Jabatan ini dalam bulan Februari 1978. Setakat ini Jabatan Kesihatan dan Perubatan telah dapat menghantar seorang Jururawat Kesihatan Luar Bandar pada 20hb Mac 1978 dan tindakan selanjutnya sedang diambil untuk mengatasi masalah yang dihadapi. Pusat kesihatan kampung tersebut sedang memberi perkhidmatan pada masa ini.

SYARIKAT PERUMAHAN MALAYSIA BERHAD

21. Tuan Haji Hadadak bin Haji Daing Pasauk minta Menteri Kewangan menyatakan berapa banyakkah pinjaman yang telah dikeluarkan oleh MBSB untuk membeli rumah-rumah dari perbadanan-perbadanan dan swasta di Sarawak.

Puan Rafidah Aziz: Setakat masa ini kegiatan Syarikat Perumahan Malaysia Berhad (MBSB), adalah tertumpu kepada Semenanjung Malaysia sahaja. Oleh itu tidak ada pinjaman yang dikeluarkan oleh syarikat tersebut untuk membeli rumah di Sarawak.

LOJI AIR DI CHANGKAT JONG

22. Tuan Abu Bakar bin Arshad minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan samada beliau bercadang hendak memulihkan loji air di Changkat Jong Hilir Perak dan akan menggunakan sepenuhnya loji air di Changkat Lada Perak Tengah. Jika ada bila dan jika tidak mengapa.

Dr Goh Cheng Teik: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Loji pembersihan air (Water Treatment Plant) di Changkat Jong telah digunakan sehingga tahun 1963 sahaja

oleh kerana mulai tahun itu, bekalan air ke kawasan-kawasan yang berkenaan telah dibekalkan dari Sungai Woh, Tapah. Bekalan disalurkan dari Sungai Woh kerana ianya lebih ekonomik jikalau dibandingkan dengan bekalan dari Changkat Jong, di mana kos pengeluarannya adalah tinggi. Memandang faktor ini bekalan dari Changkat Jong telah diberhentikan. Pada masa ini, tidak ada cadangan untuk memulihkan loji tersebut oleh kerana bekalan air mencukupi dan pertimbangan akan diberi untuk memulihkannya sekiranya perlu di masa-masa hadapan.

Di Changkat Lada pula, satu kolam air (Reservoir) telah dibina dalam tahun 1969 dan pada masa ini sedang digunakan untuk membekalkan air ke kawasan-kawasan di sekitarnya. Kementerian saya bercadang untuk menggunakan kolam ini sepenuhnya dengan memperluaskan bekalan ke Kota Setia melalui Lubuk Chandang dan juga untuk memperbesarkan bekalan ke Kampong Kayan.

PENJAJA BUMIPUTRA

23. Datuk Haji Shafie bin Haji Abdullah meminta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menghurai adakah Kerajaan dalam usaha menggalakkan bumiputra menjalankan perniagaan telah mengadakan satu dasar tentang "quota" lesen-lesen umpamanya lesen-lesen penjaja (stall) dan sebagainya oleh Majlis-majlis Tempatan dan Bandaran kerana kedapatan keadaan pemberian lesen-lesen tersebut berbeza-beza di antara satu Majlis Tempatan atau Bandaran yang lain.

Tuan S. Subramaniam: Lesen-lesen bagi penjaja dan sebagainya dikeluarkan oleh penguasa-penguasa tempatan dari segi kesihatan, tempat perniagaan dan sebagainya. Di mana sesuai, "quota" adalah diberi kepada bumiputra mengikut Dasar Ekonomi Baru. Bagi tempat-tempat perniagaan yang dibina oleh penguasa-penguasa tempatan yang besar seperti Majlis Perbandaran, "quota" bagi ini memenuhi kehendak-kehendak Dasar Ekonomi Baru.

TOTO DI TV MALAYSIA

24. Tuan Lukman bin Abdul Kadir minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) berapa banyak hasil yang diperolehi oleh Kerajaan dari iklan judi TOTO dan berapa banyak pula perbelanjaan yang dikeluarkan kerana menyediakan rancangan ini; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang menghapuskan iklan ini sebagai satu langkah mengurangkan pengaruh judi kepada masyarakat Malaysia.

Timbalan Menteri Penerangan (Dato' Haji Othman bin Haji Abdullah):

- (a) Hasil yang diperolehi dari siaran TOTO ialah di antara \$10,000 hingga \$11,250 sebulan bergantung kepada kerapnya cabutan diadakan manakala perbelanjaan menyiarkan siaran TOTO ini ialah \$750 sebulan.
- (b) Bagi menjawab soalan (b) pula saya suka menerangkan bahawa:
 - (i) siaran TOTO di TV Malaysia yang disiarkan pada tiap-tiap hari Khamis dan Ahad bukanlah satu siaran iklan seperti iklan-iklan yang lain, tetapi ia merupakan satu rancangan bagi perkhidmatan orang ramai. Kerana itu menamakan dia sebagai iklan seperti soalan tersebut, tidaklah benar.
 - (ii) Kementerian Penerangan telahpun mengkaji semula rancangan itu sejak beberapa lama dahulu dan pendapat-pendapat orang ramai di atas rancangan itu. Keputusan telah diambil untuk memberhentikan rancangan tersebut mulai dari 1hb Mei, 1978. Bagi menggantikan rancangan tersebut TV Malaysia akan menyiarkan rancangan-rancangan yang lebih penting dan mendesak, bagi faedah orang ramai sekalipun masanya hanya di antara 20-25 minit, pada satu siaran. Adalah menjadi dasar Kerajaan bagi menjadikan TV bukan sahaja sebagai alat penghibur, tetapi juga akan dijadikan alat bagi mendidik keperibadian Nasional dan perpaduan rakyat.

Kerana itu rancangan-rancangannya adalah dikaji dari masa ke masa, bagi mencapai dasar Kerajaan tersebut.

TABUNG PINJAMAN PELAJAR-PELAJAR

25. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah-langkah yang Kerajaan bercadang hendak ambil untuk membantu penuntut-penuntut persendirian Malaysia di seberang laut yang menghadapi masalah yuran pengajaran yang tinggi.

Dato' Chan Siang Sun: Kerajaan sedang mengkaji cadangan untuk menubuhkan suatu tabung pusingan yang mana antara lainnya untuk memberi pinjaman kepada pelajar-pelajar yang memerlukannya.

KAD PENGENALAN BIRU KEPADA RAKYAT SABAH

26. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) samada beliau sedar terdapat beberapa ribu orang di Negeri Sabah yang dilahir di Negeri Sabah sebelum Negeri Sabah menyertai Malaysia di mana sijil beranak mereka ini tidak mengandungi nama mereka dan mereka juga tidak diberikan kad-kad pengenalan berwarna biru; dan
- (b) samada kerajaan akan menimbang untuk mengeluarkan kepada mereka kad-kad pengenalan biru.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):

- (a) Saya memang sedar ada sebilangan orang-orang Sabah yang mana sijil beranak mereka tidak mengandungi nama dan kebanyakan mereka ini diberi Kad Pengenalan merah. Bagaimana pun ada juga di antara mereka telah diberi Kad Pengenalan biru apabila sijil beranak mereka diteliti bersama-sama dengan bukti-bukti lain yang jelas menunjukkan bahawa sijil-sijil itu benar-benar kepunyaan mereka.
- (b) Seperti yang saya katakan tadi Kerajaan sudah dan akan seterusnya menimbang untuk mengeluarkan Kad

Pengenalan biru kepada mereka yang boleh membuktikan bahawa sijil beranak mereka itu adalah benar-benar kepunyaan mereka sendiri.

JAMBATAN ISKANDAR KUALA KANGSAR

27. Toh Puan Oon Zariah binti Abu Bakar minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada Kerajaan bercadang memelihara, membaiki dan mencantikkan Jambatan Iskandar Kuala Kangsar dan kawasan pelancungan dan perniagaan di sekitarnya seperti mengadakan kompleks pelancungan dan sebagainya untuk menarik lebih ramai lagi pelancung. Jika ya, bila dan jika tidak, mengapa.

Tuan Abdul Manan bin Othman: Tugas memelihara, memperbaiki dan mencantikkan Jambatan Iskandar, Kuala Kangsar adalah dijalankan oleh Jabatan Kerja Raya dan Majlis Kerajaan Tempatan. Ini dilakukan dari masa ke semasa dan di waktu-waktu ianya dianggap perlu dari segi keselamatan dan kecantikan.

Kawasan di sekitar Jambatan tersebut pada waktu ini nampaknya lebih sesuai dianggap sebagai kawasan jualan runcit kepada pengguna-pengguna jalanraya. Kerajaan Persekutuan tidak ada apa-apa rancangan pelancungan di tempat ini kerana ianya merupakan satu kawasan yang terhad dari segi penarikan pelancungan. Kawasan-kawasan seperti ini bolehlah diusahakan oleh Kerajaan Tempatan dan/atau Kerajaan Negeri.

PEMEGANG KAD PENGENALAN MERAH

28. Tuan Ngan Siong Hing bertanya kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat samada Kerajaan akan menimbang untuk membenarkan pemegang-pemegang kad pengenalan merah yang dilahirkan di sini mendapatkan pekerjaan yang menguntungkan demi untuk hidup.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Lee San Choon): Pertimbangan adalah senantiasa diberikan kepada pemegang-pemegang kad pengenalan merah yang bermohon untuk mendapatkan permit kerja, dan dengan demikian membolehkan mereka bekerja untuk nafkah hidup mereka dan keluarga mereka. Malahan bagi pemegang-pemegang kad pengenalan merah yang lahir di Malaysia dan telah bermohon kerakyatan dalam Borang E, dan juga bagi mereka yang telah bermohon kerakyatan dalam Borang C, atau layak bermohon kerakyatan dalam Borang A, lanjutan permit kerja mereka adalah diberikan secara automatik apabila sahaja mereka bermohon. Pada 31hb Disember, 1977 ada sejumlah 35,321 permit kerja hidup atau "active permit" dan di antaranya sejumlah 20,134 permit adalah layak dibaharui secara automatik.

PITA RAKAMAN UCAPAN

29. Tuan Hashim bin Ghazali minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar ada terdapat kumpulan yang tertentu memburuk-burukkan Kerajaan dan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional dengan cara memasang pita rakaman ucapan-ucapan orang-orang yang tertentu; jika sedar, apakah tindakan beliau bagi menahan perbuatan seperti ini.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Saya sedar adanya kumpulan-kumpulan tertentu yang menggunakan pita-pita rakaman suara semasa ceramah-ceramah yang diadakan di Kelantan sebelum pilihan raya negeri itu baru-baru ini. Walau bagaimanapun, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa di dalam sebuah negara demokrasi seperti negeri kita ini, kebebasan bercakap dan mengeluarkan pendapat adalah dijamin oleh perlembagaan negara. Oleh yang demikian, penggunaan pita rakaman sepertimana yang disebutkan tidaklah menjadi satu kesalahan. Namun begitu, kebebasan yang diberikan itu adalah mempunyai batas-batas tertentu sebagaimana yang ditetapkan oleh undang-undang yang sedia ada misalnya Akta Hasutan dan Akta Keselamatan Dalam Negeri. Sekiranya ada orang yang mengeluarkan pendapat yang melanggar batas-batas yang ditentukan, maka tindakan undang-undang bolehlah diambil ke atas mereka.

PUSAT-PUSAT PENGAJIAN TINGGI

30. Tuan Au How Cheong minta Menteri Pelajaran menyatakan memandangkan penuntut-penuntut yang berkelayakan telah bertambah tahun demi tahun, apakah rancangan-rancangan untuk menambahkan tempat-tempat di Universiti-universiti kita supaya lebih banyak penuntut dapat melanjutkan pelajaran di pusat-pusat pengajian tinggi.

Dato' Chan Siang Sun: Berhubung dengan kekurangan tempat di universiti-universiti sebagaimana yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, sebenarnya jawapan telah pernah diberi mengenai hal ini pada masa-masa yang lepas. Yang Berhormat Menteri Pelajaran sendiri juga dalam ucapannya sebagai menggulung perkara-perkara yang telah dibangkitkan dalam membaharui usul ucapan terima kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, oleh itu saya tidak bercadang untuk mengulas lagi perkara yang sama yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat yang berkenaan.

AKTA PENYELARASAN PERINDUSTRIAN

31. Tuan Lim Cho Hock minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adakah beliau sedar bahawa Akta Penyelarasan Perindustrian telah menghalang pembangunan ekonomi yang licin di negeri ini. Jika sedar, adakah beliau bercadang untuk menghapuskan Akta ini.

Tuan Abdul Manan bin Othman: Saya tidaklah sedar bahawa Akta Penyelarasan Perindustrian telah menghalang pembangunan ekonomi yang licin di negeri ini, dan saya tidak bercadang untuk menghapuskan Akta ini.

Seperti yang telah berulang kali dinyatakan dalam Dewan Yang Mulia ini Akta tersebut bukanlah bertujuan menghalang bahkan sebaliknya adalah menggalakan lagi pembangunan ekonomi di negara ini amnya dan sektor pengilangan khususnya agar perkembangan di dalam sektor ini dapat berjalan dengan sihat dan teratur selaras dengan dasar-dasar dan matlamat-matlamat negara kita.

Kerajaan telahpun mengambil berbagai langkah, seperti membuat beberapa pindaan kepada Akta asal, agar mereka yang terlibat dapat lebih memahami tujuan sebenar Akta ini dan cara-cara ianya akan dilaksanakan. Saya juga telah memberi jaminan bahawa Kementerian saya sanggup merundingkan apa-apa masalah yang spesifik yang mungkin dialami oleh pekilang-pekilang di dalam pelaksanaan Akta ini dengan tujuan mencari penyelesaian yang saksama. Kerajaan berazam untuk memastikan bahawa Akta ini tidak akan sekali-kali menjejaskan dasar Kerajaan untuk menggalakkan pelaburan swasta di dalam sektor perkilangan.

SYARIKAT PERAK HYDRO DAN KED

32. Toh Puan Oon Zariah binti Abu Bakar minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam samada beliau sedar bahawa Syarikat Perak Hydro dan KED telah diambilalih oleh Kerajaan Pusat pada bulan Mei, tahun 1976 dan menyatakan samada:

- (a) syarikat tersebut akan diserahkan kepada Lembaga Letrik Negara; dan
- (b) adakah benar bahawa tiada seorang bumiputra pun yang berjawatan tinggi bekerja di sana dan jika benar apakah tindakan beliau akan ambil untuk memperseimbangkan bilangan pegawai dan kakitangan Bumiputra dengan lain-lain bangsa di Lembaga tersebut.

Dr Goh Cheng Teik: Saya memang sedar bahawa Syarikat Perak Hydro dan Syarikat Pengeluaran Letrik Kinta (KED) telah diambilalih oleh Kerajaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, Kerajaan belum mengambil keputusan menentukan tarikh bagi mengintegrasikan kedua-dua Syarikat tersebut dengan L.L.N.

Berkenaan dengan Komposisi antara kaum dalam syarikat-syarikat tersebut, izinkan saya menjelaskan bahawa soal itu tidak akan timbul lagi selepas integrasi dengan L.L.N. dijalankan.

HARGA GULA

33. Tuan Hashim bin Ghazali minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada beliau sedar harga gula masih tetap

seperti lama juga; jika sedar, apakah langkah-langkah beliau supaya rakyat dapat membeli gula dengan harga yang kurang.

Tuan Abdul Manan bin Othman: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya telahpun menjawab soalan yang serupa semasa saya menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat daripada Mantin pada 24hb Mac, 1978.

PENYELUDUPAN OLEH DIPLOMAT/ PASPOT DUTA-DUTA MALAYSIA

34. Tuan Oh Keng Seng minta Menteri Luar Negeri menyatakan hasil siasatan mengenai penyeludupan jam-jam tangan oleh kaki-tangan dari Kedutaan Besar Malaysia di India. Adakah beliau sedar akan tuduhan bekas Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di India Tan Sri Haji Abdul Khalid Osman bahawa beliau tahu kes-kes dalam mana Diplomat-diplomat yang telah bersara masih menggunakan paspot-paspot mereka berbulan-bulan dan jua hingga bertahun-tahun selepas pesaraan mereka dan sebut kenapa keadaan ini dibiarkan berlaku.

Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Seperti yang telah saya nyatakan di dalam Dewan ini pada 24hb Mac, 1978, tindakan tatatertib sedang diambil atas pegawai yang terlibat.

Bilangan paspot-paspot yang masih ada lagi di tangan bekas Duta-duta Besar Malaysia adalah kecil dan tindakan telahpun diambil meminta mereka memulangkan paspot-paspot ini.

CONCORDE—PENCEMARAN ALAM SEKITAR

35. Dr Chen Man Hin minta Menteri Perhubungan menyatakan kemajuan perbincangan yang diadakan dengan pihak British Airways mengenai perkara kapalterbang Concorde berkait dengan soal pencemaran alam sekitar serta juga perkara hak saksama untuk penerbangan Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) ke London.

Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam): Maksud soalan Ahli Yang Berhormat ini adalah terkandung di dalam soalan mulut yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar

pada 21-3-1978 dan soalan tambahan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas pada 22-3-1978 yang mana jawapan-jawapannya telah diberikan di dalam Dewan yang mulia ini pada tarikh-tarikh tersebut. Saya harap Ahli Yang Berhormat itu supaya merujuk kepada jawapan-jawapan tersebut. Buat masa ini saya tidak hendak menambahnya lagi.

PUSAT REAKTOR ATOM (PUSPATI)

36. Tuan Mustapha bin Ali minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) samada Kementerian telah membuat keputusan muktamad untuk memindahkan pembinaan pusat reaktor atom dan nuklier dari tapak asalnya di Sungai Buloh ke suatu kawasan lain; dan
- (b) apakah benar pihak Universiti Kebangsaan telah menawarkan satu kawasan yang sesuai untuk mendirikan pusat ini di kawasan Kampus Bangi. Jika ya, nyatakan sebab kenapa Kerajaan tidak menerima tawaran ini.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui):

- (a) Setakat ini Kerajaan belum membuat keputusan muktamad untuk memindahkan pusat reaktor atom atau PUSPATI dari tapak yang asal di Sungai Buloh ke suatu kawasan yang lain.
- (b) Adalah benar bahawa pihak Universiti Kebangsaan Malaysia telah menawarkan satu kawasan di Kampus Bangi untuk penempatan projek PUSPATI. Walau bagaimanapun, pihak Kerajaan sedang mengkaji kesesuaian tapak ini serta tapak-tapak lain berdasarkan kepada ciri-ciri yang ditetapkan bagi penentuan tapak projek ini.

PUSAT REAKTOR ATOM (PUSPATI)

37. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan kenapa projek Pusat Atom Tun Dr Ismail (PUSPATI) terbengkalai. Apakah bentuk perundingan akan diadakan untuk menjayakan projek ini dan

dengan negara mana. Di manakah pula tapak pusat itu nanti. Apakah latihan yang telah diberi kepada pegawai-pegawai kita untuk mengendalikannya pusat tersebut.

Tan Sri Ong Kee Hui: Projek PUSPATI telah terbengkalai kerana didapati bahawa tapak yang ada sekarang di Sungai Buloh tidak lagi sesuai oleh sebab adanya beberapa masaalah teknikal.

Tiada perundingan tertentu dibuat dengan mana-mana negara untuk menjayakan projek PUSPATI kecuali dengan pihak Agensi Tenaga Atom Antarabangsa atau IAEA.

Sehingga ini belum ada keputusan yang muktamad berkenaan dengan penempatan projek PUSPATI.

Latihan yang diberi kepada pegawai-pegawai PUSPATI merupakan latihan akademik untuk mendapat ijazah-ijazah lanjutan dalam bidang sains dan teknologi nuklear dan latihan praktikal "on-the-job" di negara-negara yang mempunyai fasilitas reaktor untuk mendapatkan pengalaman.

PELAJAR-PELAJAR DI UNIVERSITI-UNIVERSITI

38. Tuan Mak Hon Kam minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar bahawa angka-angka kaum pelajar-pelajar yang diambil masuk di 5 universiti tempatan pada tahun 1977 ialah:

Bumiputra	...	4,463 atau 75.3%
dan lain-lain	...	1,463 atau 24.7%

tidaklah membayangkan komposisi kaum negara ini dan telah menjadikan perhatian dan membimbangkan ibubapa kaum-kaum lain. Jika sedar adakah beliau akan membuat kajian semula atas perbezaan ini dan mengambil tindakan-tindakan yang perlu supaya menjamin bahawa di masa depan, pengambilan masuk di universiti-universiti itu akan membayangkan komposisi kaum Malaysia kita.

Dato' Chan Siang Sun: Memandangkan bahawa saya telah memberi penjelasan yang panjang lebar mengenai pengambilan penuntut-penuntut ke universiti-universiti tempatan semasa menggulung perkara-perkara yang telah dibangkitkan dalam membahas usul ucapan terima kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda

Yang di-Pertuan Agong, oleh itu saya tidak bercadang untuk mengulas lagi perkara yang sama yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat yang berkenaan.

PELAJAR-PELAJAR DI UNIVERSITI PERTANIAN

39. Tuan Mak Hon Kam minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan kemasukan pelajar-pelajar di Universiti Pertanian pada 1977 adalah Bumiputra—848 atau 89.5% dan lain-lain—100 atau 10.5% telah dijadikan masalah perhatian dan membimbangkan. Oleh kerana Rancangan Malaysia Ketiga telah membuat tegasan bahawa rakyat Malaysia berketurunan yang lain patut mengambil bahagian yang aktif dalam bidang pertanian, tetapi hanya satu peratus yang kecil, iaitu hanya 10.5% dari tempat kemasukan dalam Institusi Latihan Pertanian tinggi itu diberi kepada pelajar-pelajar berketurunan yang lain. Untuk mempercepatkan penyusunan semula masyarakat dan menghapuskan identifikasi kaum mengikut perbezaan ekonomi, adalah menyeru Y.B. Menteri Pelajaran mengambil tindakan-tindakan serta-merta supaya menambahkan bilangan pelajar-pelajar berketurunan yang lain masuk ke Universiti Pertanian itu.

Dato' Chan Siang Sun: Memandangkan bahawa saya telah memberi penjelasan yang panjang lebar mengenai pengambilan penuntut-penuntut ke Universiti-universiti tempatan semasa menggulung perkara-perkara yang telah dibangkitkan dalam membahaskan usul ucapan terima kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, oleh itu saya tidak bercadang untuk mengulas lagi perkara yang sama yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri mengemukakan, saya suka mengingatkan iaitu sedapat-dapatnya Usul ini dan juga Rang Undang-undang No. DR 4/78 ini diselesaikan di antara pukul 5.30-6.00 petang dalam kedua-dua peringkat, iaitu peringkat membahaskan dasar dan juga dalam jawatankuasa. Ini harapan saya supaya dapat diteruskan kepada perkara-perkara lain dalam Peraturan Urusan Mesyuarat itu. Sila!

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PER- BEKALAN TAMBAHAN (1976 DAN 1977)

Bacaan Kali Yang Kedua

3.35 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Puan Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa "Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan-wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1976 dan 1977 dan bagi memperuntukkan wang itu bagi maksud-maksud yang tertentu" dibaca kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi dua Anggaran Tambahan iaitu Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga, 1976 yang berjumlah \$384,631,529 dan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua, 1977 yang berjumlah \$399,210,235. Terlebih dahulu saya bercadang hendak mengemukakan Tambahan Ketiga, 1976 dan diikuti oleh Tambahan Kedua, 1977. Keperluan bagi membentangkan kedua-dua Anggaran Tambahan ini adalah mengikut kehendak Perkara 101 Perlembagaan.

Fasal 2 Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi perbelanjaan tambahan sebanyak \$384,631,529 bagi perkhidmatan tahun 1976, yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan sepenuhnya dalam Anggaran Belanja Mengurus, 1976 dan Tambahan Pertama dan Kedua, 1976.

Sebenarnya, Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga, 1976 berjumlah \$467,236,129 tetapi sebanyak \$384,631,529 sahaja yang diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini oleh kerana sebanyak \$82,604,600 lagi itu merupakan Perbelanjaan Tanggungan yang telahpun tertakluk kepada perbekalan-perbekalan undang-undang yang tertentu. Pembahagian peruntukan tambahan ini mengikut Kepala Bekalan adalah seperti dinyatakan dalam Jadual Pertama kepada Rang Undang-undang ini. Sekarang, sukalah saya menghuraikan tambahan bagi Kepala-kepala Bekalan itu satu-persatu.

Di bawah Kepala B. 10 tambahan sebanyak \$720,000 adalah dikehendaki bagi membiayai pembayaran gaji, bonos dan lain-lain perbelanjaan Jabatan Kehakiman.

Di bawah Kepala B. 20 pula, tambahan sebanyak \$202,000 adalah dikehendaki bagi membiayai pembayaran gaji dan bonos kakitangan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Kepala Bekalan 23—Kementerian Pelajaran, memerlukan tambahan sebanyak \$32,000,000 bagi membiayai pembayaran gaji, bonos kakitangan dan guru-guru di Sekolah-sekolah Menengah dan Rendah dan bagi membiayai perbelanjaan bagi mengadakan Mesyuarat Majlis Penasihat Hal Ehwal Pelajaran Ugama Islam dan bagi Kursus Intensif Bahasa Malaysia bagi guru-guru sekolah rendah yang telah diadakan dalam tahun 1976.

Tambahan sebanyak \$3.8 juta adalah diperlukan di bawah Kepala B. 25 bagi menambah belanja mengurus Kementerian Luar Negeri oleh kerana peruntukan yang disediakan sebanyak \$41,137,400 telah didapati tidak mencukupi.

Di bawah Kepala B. 28—Peruntukan Kepada Kumpulanwang Terkanun, sebanyak \$300 juta adalah dikehendaki bagi menambah peruntukan Kumpulanwang Pembangunan bagi tujuan membiayai projek-projek pembangunan. Peruntukan \$300 juta ini diperolehi dari lebih hasil dalam tahun 1976. Sistem perakaunan memerlukan supaya pemindahan hasil dari Akaun Hasil Disatukan kepada Kumpulanwang Pembangunan hendaklah dibuat dengan cara peruntukan. Dengan pemindahan ini, kekurangan yang didapati dari Kumpulanwang Pembangunan akan berkurangan dari semasa ke semasa.

Tambahan sebanyak \$2.8 juta adalah dikehendaki di bawah Kepala B. 29 bagi membiayai perbelanjaan gaji dan bonos kakitangan Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja.

Di bawah Kepala B. 32, tambahan sebanyak \$11 juta adalah dikehendaki bagi membiayai pembayaran bonos, gaji dan kenaikan kadar Kumpulanwang Simpanan Pekerja untuk kakitangan-kakitangan Kementerian Kesihatan.

Tambahan sebanyak \$32 juta di bawah Kepala B. 34—Polis Di Raja Malaysia, adalah dikehendaki bagi membiayai tunggakan dan gaji Inspektor dan Anggota Pangkat Rendah Polis berikutan dengan pelaksanaan tanggagaji baru dan pembayaran bonos bagi kakitangan di Jabatan tersebut.

Di bawah Kepala B. 36, tambahan sebanyak \$14,000 adalah dikehendaki bagi membiayai pembayaran gaji dan bonos kakitangan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan.

Tambahan sebanyak \$945,000 di bawah Kepala B. 38 adalah dikehendaki bagi membiayai perbelanjaan gaji, bonos kakitangan dan lain-lain perbelanjaan Jabatan Penjara.

Tambahan sebanyak \$956,000 pula adalah dikehendaki di bawah Kepala B. 39 bagi membiayai pembayaran gaji kakitangan, menyelaraskan bil-bil bekalan air dan api di hospital serta asrama-asrama bagi pelajar-pelajar Orang Asli di Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

Kepala B. 45—Jabatan Pemegang Harta, memerlukan tambahan sebanyak \$24,276 bagi membiayai gaji kakitangan dan lain-lain perbelanjaan Jabatan ini.

Tambahan sebanyak \$102,083 di bawah Kepala B. 55 adalah dikehendaki bagi membiayai pembayaran bonos kakitangan dan lain-lain perbelanjaan Muzium Negara.

Akhir sekali, tambahan sebanyak \$68,170 di bawah Kepala B. 56 adalah dikehendaki bagi membiayai pembayaran gaji, bonos kakitangan dan lain-lain perbelanjaan Kementerian Perhubungan.

Butir-butir lanjut berkenaan tambahan ini boleh didapati dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah Bilangan 8 Tahun 1978.

Dengan tambahan sebanyak \$384,631,529 yang diminta diluluskan di bawah fasal 2 Rang Undang-undang ini, maka jumlah perbelanjaan Bekalan bagi tahun 1976 ialah \$4,818,964,171. Jika dimasukkan anggaran Perbelanjaan Tanggungan yang berjumlah \$1,322,926,535, maka jumlah besar Anggaran Belanja Mengurus bagi tahun 1976 ialah \$6,141,890,706.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya mohon izin mengemukakan pula Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua, 1977. Tambahan ini berjumlah \$401,165,075 tetapi jumlah yang diminta diluluskan di bawah Fasal 3, Rang Undang-undang ini ialah sebanyak \$399,210,235. Bakinya sebanyak \$1,954,840 adalah merupakan Perbelanjaan Tanggungan yang telahpun tertakluk kepada perbekalan Undang-undang tertentu. Dari jumlah \$399,210,235 yang diminta diluluskan di bawah Fasal 3 itu, sebanyak \$227, 588,648 telah didahulukan daripada Kumpulanwang Luar Jangka.

Sebahagian besar dari peruntukan yang diminta dalam Tambahan ini iaitu sebanyak \$229,896,790 ialah untuk membiayai pembayaran tunggakan dan gaji kakitangan Kerajaan termasuk Badan-badan Berkanun dan Kerajaan-kerajaan Negeri berikutan dengan pelaksanaan Lapuran Gaji Jawatankuasa Kabinet. Lain-lain peruntukan tambahan yang dikehendaki adalah seperti berikut: sebanyak \$65.8 juta untuk mengimpot 125,000 tan beras bagi meninggikan paras stokpail dan perbelanjaan mengurus yang melibatkan sewaan gudang tambahan untuk menyimpan beras yang diimpot itu; \$28,743,164 bagi pembayaran tunggakan dan gaji guru-guru agama di beberapa buah negeri di Semenanjung Malaysia berikutan dengan pengambilalihan pentadbiran pelajaran Agama Islam oleh Kerajaan Persekutuan dari Kerajaan-kerajaan Negeri; \$14 juta sebagai caruman kepada Kumpulanwang Pinjaman Perumahan untuk memberi pinjaman perumahan kepada pegawai-pegawai Kerajaan dan \$15 juta dikehendaki bagi membiayai projek-projek keugamaan dan bantuan kebajikan.

Pembahagian peruntukan tambahan ini mengikut Kepala Bekalan adalah seperti dinyatakan dalam Jadual Kedua kepada Rang Undang-undang ini. Sekarang sukaiah saya menghuraikan tambahan bagi Kepala-kepala Bekalan itu satu persatu.

Di bawah Kepala B. 2—Majlis Raja-raja, tambahan sebanyak \$36,742 adalah dikehendaki bagi menambah Peruntukan Emolumen Jabatan ini bagi membiayai pembayaran tunggakan dan gaji kakitangan-kakitangan berikutan dengan pelaksanaan Lapuran Gaji Jawatankuasa Kabinet.

Tambahan sebanyak \$789,656 adalah dikehendaki di bawah Kepala B. 4—Suruhanjaya Pilihanraya, bagi membiayai perbelanjaan mengurus Jabatan ini termasuk pembayaran tunggakan, gaji dan tambahan kadar Carum Kumpulanwang Simpanan Pekerja berikutan dengan pelaksanaan Lapuran Gaji Jawatankuasa Kabinet.

Di bawah Kepala B. 7 tambahan sebanyak \$412,840 adalah dikehendaki bagi membiayai perbelanjaan berikutan dengan pembukaan cawangan-cawangan Urusetia Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran di Sabah dan Sarawak, membayar tunggakan dan gaji kakitangan berikutan dengan pelaksanaan Lapuran Gaji Jawatankuasa Kabinet dan lain-lain perbelanjaan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran.

Di bawah Kepala B. 8 pula, tambahan sebanyak \$20,932,758 adalah dikehendaki. Dari jumlah ini, sebanyak \$994,952 adalah bagi membiayai perbelanjaan berikut:

- (i) Pengujudan aktiviti Lembaga Penasihat yang telah dipindahkan daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri;
- (ii) Pembelian bintang-bintang kehormatan untuk penganugerahan tahun 1977;
- (iii) Pembayaran bil-bil api dan air bagi Rumah Sabah, Rumah-rumah Peranginan di Morib dan Port Dickson serta lampu-lampu jalan di sekitar kawasan-kawasan ini dan di rumah-rumah Kerajaan; dan
- (iv) Perbelanjaan memperbaiki dan pemajakan York House London selama 99 tahun.

Sebanyak \$546,200 adalah dikehendaki bagi menubuhkan Urusetia Rukun Tetangga dan Sektor-sektor cawangan negeri, sebanyak \$215,150 bagi membiayai rancangan amalan makanan dan permakanan dan sebanyak \$1,520,000 bagi membiayai tunggakan dan gaji kakitangan di Lembaga Perancang Keluarga Kebangsaan berikutan dengan pelaksanaan Lapuran Gaji Jawatankuasa Kabinet.

Tambahan sebanyak \$1,484,021 adalah dikehendaki bagi memperbaiki dan membeli perabot serta kelengkapan untuk Rumah Sabah dan rumah-rumah Kerajaan, membeli

kereta-kereta resmi Kerajaan dan sumbangan kepada Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia untuk membina bangunan.

Tambahan juga dikehendaki bagi membayar ansuran pertama sumbangan Kerajaan kepada Kumpulanwang Komanwel untuk Kerjasama Teknik sebanyak \$160,000; ansuran pertama sumbangan Kerajaan atas penyertaan dalam projek "Asia and Pacific Centre for Women and Development" sebanyak \$12,435 dan bantuan kepada peniaga-peniaga kecil sebanyak \$1 juta.

Kepala B. 9—Jabatan Perkhidmatan Awam, memerlukan tambahan sebanyak \$5,736,527 iaitu sebanyak \$5,221,513 bagi menampung kenaikan kadar biasiswa dan yuran pengajian dan mengadakan elaun penempatan dan elaun tanggungan keluarga, biasiswa ASEAN dan lanjutan tempoh kursus bagi pegawai-pegawai P.T.D. dari 6 bulan kepada satu tahun; sebanyak \$281,360 bagi membiayai perbelanjaan berkaitan dengan Projek Mengumpulkan Rekod Kakitangan Kerajaan dengan menggunakan Komputer dan sebanyak \$233,654 bagi penubuhan Bahagian Perundingan Perkhidmatan Awam di Jabatan tersebut untuk mengkaji anomali-anomali tanggagaji baru Jawatankuasa Kabinet.

Tambahan sebanyak \$30,000 adalah dikehendaki di bawah Kepala B. 11 bagi membiayai pembayaran tunggakan dan gaji kakitangan Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah berikutan dengan pelaksanaan Lapuran Gaji Jawatankuasa Kabinet.

Di bawah Kepala B. 15—Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, tambahan sebanyak \$1,143,583 adalah dikehendaki bagi membiayai perbelanjaan perjalanan dan pengangkutan Kementerian ini bagi membolehkan pegawai-pegawai menjalankan tugas dan projek-projek perumahan, membiayai tunggakan dan gaji kakitangan berikutan dengan pelaksanaan Lapuran Gaji Jawatankuasa Kabinet, caruman tambahan kepada Kumpulanwang Simpanan Pekerja dan bayaran balik kepada Lembaga Perumahan Malaysia berikutan dengan penyerapan Pegawai dan kakitangan Lembaga itu ke dalam Jabatan Perumahan Negara.

Di bawah Kepala B. 18 pula, tambahan sebanyak \$4,486,583 adalah dikehendaki bagi membiayai belanja mengurus Jabatan Bomba

berikutan dengan pengambilalihan pentadbiran Perkhidmatan Bomba oleh Kerajaan Persekutuan dari Kerajaan-kerajaan Negeri yang mula berkuatkuasa dari tahun 1976.

Tambahan di bawah Kepala B. 19—Arkib dan Perpustakaan Negara, sebanyak \$134,547 adalah dikehendaki bagi membiayai projek Pustaka Peringatan Tun Abdul Razak (PINTAR).

Tambahan sebanyak \$279,976 di bawah Kepala B. 22 adalah dikehendaki bagi membiayai perbelanjaan berkaitan dengan suatu projek penyiasatan Kimiabumi—"Central Belt"—di bawah Kementerian Perusahaan Utama.

Di bawah Kepala B. 23—Kementerian Pertanian, tambahan sebanyak \$6,912,484 adalah dikehendaki iaitu sebanyak \$5,224,684 untuk membiayai tunggakan dan gaji kakitangan Badan-badan Berkanun di bawah jagaan Kementerian ini berikutan dengan pelaksanaan Lapuran Gaji Jawatankuasa Kabinet dan sebanyak \$1,687,800 bagi membeli 30 yunit jentera menuai padi bagi mengatasi kekurangan tenaga buruh di waktu penuaian dalam musim hujan berikutan dengan kemarau panjang yang melawatkan jadual tanaman padi di Kawasan Muda.

Di bawah Kepala B. 25 pula, tambahan sebanyak \$2,590,000 adalah dikehendaki bagi membiayai perbelanjaan mengadakan bayaran tunggakan dan gaji kakitangan di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian berikutan dengan pelaksanaan Lapuran Gaji Jawatankuasa Kabinet, dan juga bagi mempergiatkan lagi usaha-usaha galakan pelancungan dan kursus-kursus tambahan di bawah Rancangan Pembangunan Keusahawan Bumiputra di dalam perniagaan dan perindustrian.

Tambahan sebanyak \$3,416,276 adalah dikehendaki di bawah Kepala B. 26—Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan iaitu sebanyak \$2,194,276 bagi membeli dan memasang "scoreboard" di Stadium Merdeka; sebanyak \$1,072,000 sebagai sumbangan Kerajaan kepada Tabung Sukan Asia Tenggara ke 9 dan sebanyak \$150,000 bagi menurap semula "bitumen track" di Stadium Merdeka.

Di bawah Kepala B. 28—Kementerian Pertahanan, tambahan sebanyak \$51,080 adalah dikehendaki bagi membiayai bayaran caruman pencen kepada 8 orang pegawai dan 17 orang anggota Tentera Laut India yang telah dipinjamkan untuk berkhidmat dengan Tentera Laut Di Raja Malaysia secara berperingkat-peringkat antara tahun 1966 hingga tahun 1975.

Tambahan sebanyak \$66,305,964 adalah diperlukan di bawah Kepala B. 29—Kementerian Pelajaran. Dari jumlah ini, sebanyak \$34,758,140 adalah dikehendaki bagi membiayai tunggakan dan gaji kakitangan di Universiti-universiti dan Pusat-pusat Pengajian Tinggi berikutan dengan pelaksanaan Lapuran Gaji Jawatankuasa Kabinet; sebanyak \$28,743,164 bagi membiayai pembayaran tunggakan dan gaji guru-guru Agama di beberapa buah Negeri di Semenanjung Malaysia dan lain-lain perbelanjaan berikutan dengan pengambilalihan pentadbiran Sekolah-sekolah Agama Islam oleh Kerajaan Persekutuan dari Kerajaan-kerajaan Negeri, sebanyak \$1,836,160 bagi mengadakan kursus matrikulasi sains, sekim latihan Tenaga Pengajar di Universiti Sains Malaysia dan untuk menampung kekurangan peruntukan dalam tahun 1976; \$880,000 bagi menubuhkan Pusat Asasi Sains Universiti Malaya dan \$88,500 bagi membiayai kerja-kerja membina sekatan ruang pejabat Kementerian Pelajaran di Wisma Mirama, Kuala Lumpur.

Di bawah Kepala B. 33—Perkhidmatan Am Perbendaharaan, tambahan sebanyak \$51,774,751 adalah dikehendaki. Dari jumlah ini, sebanyak \$42,405,646 adalah sebagai pinjaman kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan Penguasa-penguasa Tempatan bagi membayar gaji dan tunggakan kakitangan berikutan dengan pelaksanaan Lapuran Gaji Jawatankuasa Kabinet. Sebanyak \$5 juta adalah dikehendaki sebagai pinjaman kepada Dewan Bandaraya bagi membolehkannya menubuhkan Sekim Pinjaman Pembangunan Bumiputra di Kuala Lumpur. Di bawah sekim ini, Dewan Bandaraya akan memberikan pinjaman wang kepada penduduk-penduduk Bumiputra dalam kawasan Wilayah Persekutuan untuk membolehkan mereka

membina berbagai jenis bangunan di atas tanah mereka sendiri. Kemudahan-kemudahan pinjaman ini diutamakan kepada mereka yang mempunyai tanah di dalam kawasan “Malay Reservation”.

Sebanyak \$4,369,105 pula adalah dikehendaki sebagai pinjaman kepada Negeri Pulau Pinang bagi membiayai pembayaran tunggakan gaji kakitangan Penguasa-penguasa Tempatan berikutan dengan pelaksanaan Lapuran Suruhanjaya Gaji Harun.

Di bawah Kepala B. 34—Peruntukan kepada Kumpulanwang Terkanun, tambahan sebanyak \$14,618,000 adalah dikehendaki. Dari jumlah ini, sebanyak \$14 juta adalah dikehendaki bagi diperuntukkan kepada Kumpulanwang Pinjaman Perumahan untuk memberi pinjaman perumahan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan yang berkelayakan dan sebanyak \$618,000 bagi diperuntukkan kepada Kumpulanwang Pampasan kerana Nateriam Arsenita bagi membolehkan Kementerian Pertanian menyelesaikan tuntutan-tuntutan gantirugi yang telah dibuat oleh penternak-penternak akibat dari kematian ternakan-ternakan mereka kerana termakan racun tersebut.

Tambahan sebanyak \$469,104 di bawah Kepala B. 36 adalah dikehendaki bagi membiayai perbelanjaan pengangkutan, menyewa ruang pejabat cawangan penaksiran di Wisma Perdana Kuala Lumpur, bayaran mahkamah, bayaran guaman dan iklan di akhbar-akhbar tempatan serta lain-lain perbelanjaan mengurus Jabatan Hasil Dalam Negeri.

Di bawah Kepala B. 37 pula, Kementerian Perusahaan Awam memerlukan tambahan sebanyak \$70,633,059. Dari jumlah ini, sebanyak \$65,800,000 adalah dikehendaki untuk mengimpot 125,000 tan beras bagi meninggalkan paras stokpail dan belanja mengurus yang melibatkan sewaan gudang tambahan untuk menyimpan beras tersebut; sebanyak \$2,551,800 bagi membayar tunggakan dan gaji kakitangan Majlis Amanah Rakyat (MARA) berikutan dengan pelaksanaan Lapuran Gaji Jawatankuasa Kabinet; sebanyak \$2,057,600 bagi membiayai pembayaran tunggakan, tambahan gaji, bonos dan ganjaran kepada kakitangan projek kenderaan MARA berikutan dengan pelaksanaan Lapuran Suruhanjaya Gaji Harun; dan sebanyak \$223,655 bagi membeli perabot

dan keengkapan pejabat untuk Kementerian ini yang telah berpindah ke Wisma P.K.N.S. Kuala Lumpur.

Tambahan sebanyak \$90 juta di bawah Kepala B. 38 adalah dikehendaki bagi membiayai pembayaran tunggakan dan gaji kakitangan Kementerian Kesihatan berikutan dengan pelaksanaan Lapuran Gaji Jawatankuasa Kabinet dan bagi mengisi jawatan-jawatan kosong di Sarawak.

Di bawah Kepala B. 39, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri memerlukan tambahan sebanyak \$4 juta bagi menampung perbelanjaan mengurus Kementerian tersebut.

Di bawah Kepala B. 41 pula, Jabatan Imijeresen memerlukan tambahan sebanyak \$3,780,000. Dari jumlah itu, sebanyak \$3.6 juta adalah dikehendaki bagi pembayaran tunggakan gaji kakitangan Jabatan tersebut berikutan dengan pelaksanaan Lapuran Gaji Jawatankuasa Kabinet dan bagi membayar elaun-elaun seberang laut dan sebanyak \$180,000 bagi membekalkan uniform kepada pegawai-pegawai, membaiki kenderaan-kenderaan dan lanci-lanci Jabatan dan perbelanjaan pengangkutan barang-barang.

Tambahan sebanyak \$10,229,600 adalah dikehendaki di bawah Kepala B. 44—Penjara, bagi membiayai perbelanjaan berkaitan dengan pembukaan penjara baru di Muar, membayar tunggakan gaji kakitangan berikutan dengan pelaksanaan Lapuran Gaji Jawatankuasa Kabinet, membayar catuan makanan banduan-banduan dan untuk menampung lain-lain perbelanjaan Jabatan ini.

Di bawah Kepala B. 53, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar memerlukan tambahan sebanyak \$590,440 bagi membiayai tuntutan-tuntutan pembayaran balik yang telah dibuat oleh beberapa buah negeri bagi tahun 1973 dan 1974 berikutan dengan pengambilalihan pentadbiran hidupan liar oleh Kerajaan Persekutuan.

Di bawah Kepala B. 55 pula, Kementerian Perhubungan memerlukan tambahan sebanyak \$1,297,534 bagi membiayai pembayaran tuntutan Kerajaan Singapura mengenai perbelanjaan Pusat Kawalan Terafik Udara Kawasan bagi tahun 1971, 1972 dan 1973 dan juga lain-lain perbelanjaan Kementerian tersebut.

Jabatan Laut berkehendakkan tambahan sebanyak \$1,336,018 di bawah Kepala B. 59 bagi membiayai pembayaran tunggakan dan gaji kakitangan berikutan dengan pelaksanaan Lapuran Gaji Jawatankuasa Kabinet, elaun lebihmasa dan lain-lain elaun. Di bawah Kepala B. 60 pula, Jabatan ini memerlukan tambahan sebanyak \$10,000 bagi membiayai perbelanjaan bekalan elektrik dan bekalan air.

Di bawah Kepala B. 61—Perkhidmatan Pos, tambahan sebanyak \$16,229,269 adalah dikehendaki bagi membiayai tunggakan dan gaji kakitangan berikutan dengan pelaksanaan Lapuran Gaji Jawatankuasa Kabinet dan pembayaran bonos kakitangan Jabatan tersebut.

Tambahan sebanyak \$9,856,300 di bawah Kepala B. 64 adalah dikehendaki bagi membayar tunggakan dan gaji berikutan dengan pelaksanaan Lapuran Gaji Jawatankuasa Kabinet dan lain-lain perbelanjaan bagi Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam.

Tambahan juga adalah dikehendaki di bawah Kepala B. 65—Pengangkutan Jalan, bagi membiayai pembayaran tunggakan dan gaji kakitangan Jabatan ini berikutan dengan pelaksanaan Lapuran Gaji Jawatankuasa Kabinet.

Akhirnya, di bawah Kepala B. 66, Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah memerlukan tambahan sebanyak \$8,486,644 bagi membiayai pembayaran tunggakan dan gaji kakitangan Jabatan Ukur berikutan dengan pelaksanaan Lapuran Gaji Jawatankuasa Kabinet.

Keterangan lanjut mengenai Anggaran Tambahan ini ada diterangkan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah Bilangan 10 Tahun 1978.

Dengan tambahan sebanyak \$399,210,235 yang diminta diluluskan di bawah Fasal 3 Rang Undang-undang ini, maka jumlah perbelanjaan bekalan bagi tahun 1977 ialah \$5,263,415,547. Jika dimasukkan anggaran Perbelanjaan Tanggungan yang berjumlah \$1,583,528,160, maka jumlah besar Anggaran Belanja Mengurus bagi tahun 1977 ialah \$6,846,943,707.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 2) TAHUN 1976 DAN ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 2) TAHUN 1977

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa usul yang dikemukakan atas nama Menteri Kewangan dalam Aturan Urusan Mesyuarat yang berbunyi:

“Dewan ini membuat ketetapan bahawa sejumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$31,816,602 dan sejumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$147,536,670 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan masing-masing bagi tahun kewangan 1976 dan 1977, dan bagi menampung maksud kepala-kepala dan pecahan-pecahan kepala perbelanjaan yang dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 11 Tahun 1978 bagi wang tambahan untuk tahun 1976 dan Kertas Perintah 13 Tahun 1978 bagi wang tambahan untuk tahun 1977, diuntukkan jumlah-jumlah yang dinyatakan dalam ruangan sembilan dan sepuluh dan lapan dan sembilan bertentangan dengan Kepala-kepala dan pecahan-pecahan kepala dalam Kertas Perintah 11 Tahun 1978 dan Kertas Perintah 13 Tahun 1978 masing-masing.”

dirujuk kepada Jawatankuasa Majlis.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Usul ini meliputi dua Anggaran Pembangunan Tambahan, saya bercadang hendak mengemukakan dahulu Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua, 1976 yang berjumlah \$31,816,602 diikuti oleh Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua, 1977 yang berjumlah \$147,536,670.

Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua, 1976 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 11 Tahun 1978 terdiri dari Perbelanjaan Cara Langsung sebanyak \$192,488 dan Perbelanjaan Pinjaman sebanyak \$31,624,114.

Di bawah Perbelanjaan Cara Langsung, tambahan sebanyak \$192,488 adalah dikehendaki di bawah peruntukan Kepala P. 65—Pengangkutan Jalan, bagi membiayai kos pembinaan sebuah pejabat baru bagi Pendaftar dan Pemeriksa Kereta-kereta Motor di Kuala Trengganu.

Di bawah Perbelanjaan Pinjaman pula, tambahan sebanyak \$31,624,114 adalah dikehendaki di bawah Kepala P. 62—Jabatan Talikom, sebagai pinjaman kepada Jabatan tersebut untuk membiayai projek-projek pembangunannya. Peruntukan berjumlah \$38,424,114 adalah dikehendaki bagi maksud ini tetapi sebanyak \$6,800,000 telahpun disediakan dalam Anggaran Pembangunan. 1976.

Keterangan lanjut mengenai Anggaran Tambahan ini boleh didapati dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 12 Tahun 1978.

Dengan tambahan ini, jumlah peruntukan Anggaran Pembangunan bagi tahun 1976 termasuk Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama ialah \$3,433,795,194.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkan saya mengemukakan pula Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua, 1977 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 13 Tahun 1978. Anggaran ini terdiri dari Perbelanjaan Cara Langsung sebanyak \$117,728,640 dan Perbelanjaan Pinjaman sebanyak \$29,808,030. Saya akan menerangkan tambahan ini mengikut pembahagian di bawah tiap-tiap satu Kepala Pembangunan seperti berikut:

Di bawah Kepala P. 8—Jabatan Perdana Menteri, hanya peruntukan tanda sebanyak \$10 sahaja dikehendaki. Jumlah sebenar yang dikehendaki ialah \$41,923 iaitu sebagai sebahagian daripada peruntukan yang dikehendaki bagi membiayai Projek Penilaian Punca-punca Alam Semula jadi. Walau bagaimanapun, sebanyak \$41,913 lagi itu boleh diperolehi secara pindah peruntukan.

Tambahan sebanyak \$3,808,000 adalah dikehendaki di bawah Kepala P. 15—Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan. Dari jumlah ini sebanyak \$1,808,000 adalah dikehendaki sebagai pinjaman kepada Kerajaan Negeri Sabah bagi membolehkan Suruhanjaya Perumahan Sabah membiayai projek-projek Rumah Awam Kos Rendah di Negeri tersebut dan sebanyak \$2 juta adalah dikehendaki bagi membiayai projek-projek kecil di kawasan kampung-kampung baru dan kampung-kampung lain diperekitarannya.

Di bawah Kepala P. 31—Kementerian Luar Negeri, tambahan sebanyak \$4,346,000 adalah dikehendaki bagi membiayai pembelian residen-residen resmi di Belgrade dan Manila, pembinaan residen resmi di Wellington, pembelian tanah di Jakarta dan pembelian bangunan Canseri di Rome.

Di bawah Kepala P. 32—Perbendaharaan, tambahan sebanyak \$25 juta adalah dikehendaki sebagai pendahuluan kepada Kerajaan Negeri Selangor bagi membiayai kerjasama pembangunan di Shah Alam berikutan dengan penubuhan Kuala Lumpur sebagai Wilayah Persekutuan pada 1hb Februari, 1974.

Peruntukan tanda sebanyak \$10 adalah dikehendaki bagi meminda anggaran harga pecahan kepala 1—Pejabat-pejabat Buruh di bawah Kepala P. 52—Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, daripada \$365,244 kepada \$450,457.

Di bawah Kepala P. 53—Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, tambahan sebanyak \$2,947,330 adalah dikehendaki bagi membeli alat-alat kelengkapan untuk menghadapi kejadian-kejadian tumpahan minyak di Selat Melaka.

Tambahan sebanyak \$25,800,030 adalah dikehendaki di bawah Kepala P. 55—Kementerian Perhubungan. Dari jumlah ini, sebanyak \$15.3 juta ialah sebagai pembayaran ansuran ketiga pinjaman kepada Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia Berhad bagi membiayai lima buah "L.N.G. Carriers"; sebanyak \$10.5 juta adalah dikehendaki sebagai pinjaman kepada Lembaga Pelabuhan Kelang bagi membiayai pembelian dan pemasangan Karen Kontena ke 3 dan 4 dan peruntukan tanda \$10 tiap-tiap satu bagi butiran (vi) Lampu-lampu

Jalan dan Kawasan Pelabuhan, butiran (vii) Mengorek "Approach Channel" dan "Berthing Basin" Dermaga-dermaga di bawah Pecahan Kepala 31—Pembesaran dan Penyambungan Selat Utara II.

Hanya peruntukan tanda \$10 dikehendaki di bawah Kepala P. 58—Perkhidmatan Kajicuaca bagi mengujudkan semula Pecahan-kepala 8—Unit Pencetak.

Tambahan sebanyak \$73,854,060 adalah dikehendaki di bawah Kepala P. 64 Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam. Dari jumlah ini, sebanyak \$69 juta adalah dikehendaki sebagai penambahan kepada stok biasa Lembaga Letrik Negara (L.L.N.) oleh Kerajaan. Dengan tambahan ini, modal Kerajaan dalam L.L.N. akan bertambah daripada \$164.7 juta kepada \$233.7 juta. Sebanyak \$2,654,000 adalah dikehendaki bagi membiayai rancangan-rancangan bekalan air luar bandar di Sabah dan Sarawak, sebanyak \$2 juta sebagai pinjaman kepada Kerajaan Negeri Sembilan dan Sabah bagi membiayai rancangan-rancangan bekalan air di negeri-negeri tersebut dan sebanyak \$200,000 sebagai baki bayaran ansuran pinjaman kepada Kerajaan Negeri Melaka untuk membiayai pembinaan Kompleks Pejabat Kerajaan Negeri.

Akhirnya, tambahan sebanyak \$11,781,220 adalah dikehendaki di bawah Kepala P. 66—Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah. Dari jumlah ini, sebanyak \$10,462,200 adalah dikehendaki bagi membiayai tunggakan dan gaji kakitangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan dan Wilayah Jengka berikutan dengan pelaksanaan Lapuran Gaji Jawatankuasa Kabinet untuk membeli kenderaan, alat-alat kelengkapan pejabat dan pembinaan rumah-rumah kakitangan sementara; sebanyak \$250,000 untuk menyiapkan projek bekalan air bagi projek-projek Jengka Peringkat III dan sebanyak \$1,069,000 sebagai pemberian kepada Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak bagi membiayai pembinaan tambahan rumah peserta, bangunan pentadbiran rumah kakitangan dan perbelanjaan pembelian jentera ladang bagi kawasan penempatan semula Naga Sakau di Sarawak.

Keterangan lanjut mengenai tambahan ini boleh didapati dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 14 Tahun 1978.

Dengan tambahan ini, jumlah peruntukan Anggaran Pembangunan bagi tahun 1977 termasuk Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 1977 ialah \$5,028,186,139.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

4.15 ptg.

Tuan Oo Gin Sun (Alor Star): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut bersama menyokong Rang Undang-undang Anggaran Tambahan bagi tahun 1976 dan 1977 dan saya ingin mengemukakan beberapa masalah-masalah berhubung dengan Biro Pengaduan Awam (Public Complaints Bureau) di bawah Jabatan Perdana Menteri—B. 8 atas langkah-langkah pemulihan banjir itu, pension, dan juga perlaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga.

Saya percaya orang ramai memang ber sukacita dan bergembira supaya mengetahui bahawa tindakan-tindakan sedang diambil supaya Biro ini sebagai satu pertubuhan yang lebih berkesan, kerana ianya adalah salah satu alat di mana mereka dapat mengemukakan tidak puashati dan dakwa-dakwa mereka tentang perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan. Tindakan-tindakan diambil juga akan menunjukkan keinginan-keinginan Kerajaan membekalkan perkhidmatan-perkhidmatan yang berkesan kepada rakyat jelata dalam semangat memberi perkhidmatan kepada rakyat. Ini juga membuktikan keinginan-keinginan Kerajaan supaya meninggikan perkhidmatan-perkhidmatan dan mencegah tidak berkesan, kelewatan, rasuah dan salah-jelaskan atau penyelewengan dasar-dasar Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab ini, kami nampak bahawa Biro Pengaduan Awam mempunyai satu peranan penting untuk dimainkan, bukan hanya menjamin satu perkhidmatan yang baik kepada rakyat jelata tetapi juga ianya mempunyai satu

fungsi yang mustahak menjamin perlaksanaan menasabah dasar-dasar dan membetulkan sebarang penyelewengan atas penerimaan pengaduan-pengaduan daripada orang ramai. Dalam hubungan ini, untuk faedah-faedah rakyat jelata dan Kerajaan, adalah mustahaknya bagi mereka sedar bagaimana Biro Pengaduan Awam berfungsi dan menjamin bahawa Biro itu dipenuhi dengan kakitangan-kakitangan berkelayakan dan berkebolehan. Kami telah menarik perhatian bahawa satu jawatankuasa tetap telah ditubuhkan supaya menyiasat dan mengkaji semula fungsi-fungsi Biro itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah kakitangan-kakitangan, saya ingin akan mendesak Menteri berkenaan itu menjamin bahawa kakitangan-kakitangan berkelayakan adalah diambil supaya menjamin fungsi-fungsi Biro itu dilaksanakan lebih berkesan sebagai satu contoh baik kepada agensi-agensi Kerajaan yang lain. Adalah perlunya bahawa bila melaksanakan fungsi-fungsi, Biro itu telah mengambil kelakuan yang adil dalam usaha-usahnya menghadapi pengaduan-pengaduan yang ia menerima daripada orang ramai. Dengan terangnya, ini adalah satu tugas yang bercabaran kerana telah difahami bahawa hanya tahun lalu, Biro itu menerima sebanyak 2,500 pengaduan-pengaduan. Jumlah pengaduan-pengaduan yang diterima oleh Biro itu tidaklah diumumkan, tetapi adalah diketahui bahawa Biro itu telah memproses sebanyak 21,486 pengaduan-pengaduan semenjak pertubuhannya pada 1971 hingga Jun tahun lalu. Berdasarkan atas angka-angka ini, adalah terangnya bahawa Biro itu menghadapi satu tugas yang sangat berat, walau bagaimanapun angka-angka ini juga menunjukkan bahawa adalah perlunya mengadakan Biro itu menyiasat pengaduan-pengaduan orang ramai dan mencegah tidak berkesan dalam jentera Kerajaan atau menyalahgunakan kuasa oleh kakitangan-kakitangan sivil.

Tuan Yang di-Pertua, pada peringkat ini, mungkin bukan banyak orang ramai sedar apakah fungsi-fungsi dijalankan oleh Biro itu dan apa jenis-jenis pengaduan-pengaduan yang boleh dikemukakan oleh orang ramai kepada Biro itu. Oleh yang demikian, saya ingin bercadang bahawa Kerajaan memberitahu dengan terangnya

apa-apa yang boleh dikemukakan kepada Biro itu dan melaksanakan satu kempen publisiti supaya menguatkan kesedaran terhadap Biro itu dan bolehlah minta pertolongan Biro itu supaya mengurangkan pengaduan-pengaduan mereka. Hadnya fungsi-fungsi Biro itu juga perlu dibuat jika ianya boleh mengatasi pengaduan-pengaduan yang sebanyak-banyak itu. Jika bukan, mungkinnya Biro itu tidak dapat berfungsi dengan licinnya. Walau bagaimanapun, oleh kerana terdapat sebilangan besar pengaduan-pengaduan yang diterima oleh Biro itu adalah perlunya melengkapi Biro itu dengan kuasa yang lebih besar supaya ia boleh menyelesaikan tugas-tugas besar dan mustahak agar menjaminkan pengaduan-pengaduan orang ramai dapat diatasi dengan berkesan dan keadilan dapat dipertahankan.

Saya sedar, misalnya satu kes di mana pengadu itu tidak berpuashati terhadap tindakan-tindakan yang diambil oleh Biro itu. Nampaknya Biro itu hanya mengambil kenyataan-kenyataan daripada beliau dan orang lain yang berkenaan, seorang Pegawai Daerah yang telah didakwa berkelakuan kasar terhadap pengadu itu. Adalah mustahaknya bahawa Biro Pengaduan Awam patut menyelesaikan pengaduan seperti ini dengan berjayanya jika kami ingin mewujudkan satu imej yang baik kepada jentera Kerajaan. Memanglah kami sedar adalah luar kebolehan Biro itu supaya mengatasi semua pengaduan-pengaduan bagi kepuasan semua pihak-pihak berkenaan. Sebenarnya adalah satu batasan kepada Biro itu, walau bagaimanapun, Biro itu mesti nampak melaksanakan fungsi-fungsi dalam menyiasat semua pengaduan-pengaduan yang dikemukakan oleh orang ramai. Membolehkan orang ramai mengetahui apa-apa pengaduan-pengaduan patut dikemukakan dan Menteri yang berkenaan memberitahu orang ramai bagaimana Biro itu membuat siasatan dan mengambil apa tindakan-tindakan jika pengaduan itu dibuktikan benar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan satu masalah yang lain yang juga di bawah lingkungan jabatan yang sama, iaitu Jabatan Perdana Menteri. Sebagaimana yang kita sedar, bukanlah hanya demam pilihanraya yang selalu hangat atau sejuk, tetapi juga dengan hawanya. Selepas kemarau yang bermasa panjang, pada masa

ini kawasan-kawasan utara Semenanjung Malaysia mengadakan hujan yang ribut. Berikutan kerugian hasil-hasil pertanian dan penyakit wabak taun yang dibawa oleh kemarau itu, penduduk-penduduk di sana ketika ini akan sedia menghadapi masaalah bah. Saya ingin minta Menteri yang berkenaan menyatakan langkah-langkah pemulihan banjir (flood relief measures) yang tidak disediakan bagi musim bah yang akan datang itu. Apakah kemudahan-kemudahan yang telah disediakan oleh Pusat Kawalan Pemulihan Banjir dan apa yunit-yunit penyelamat bencana yang telah disediakan? Sebagaimana yang saya berkata tadi, ini adalah satu persoalan yang kita menghadapi tiap-tiap tahun, oleh kerana lokasi dan keadaan bumi alam kita adalah begitu, dan saya juga ingin minta Kerajaan bolehkah kita mengambil langkah-langkah jarak panjang supaya mengurangkan bencana bah itu bila ia datang atau lebih baik belum datang. Saya mengingati bahawa selepas banjir besar di Kuala Lumpur pada tahun 1971, tindakan telah diambil untuk mendalamkan sungai-sungai dan memperbaiki sistem pengaliran. Saya ingin minta Menteri yang berkenaan menyatakan hasil-hasil langkah-langkah itu dan samada sistem pengaliran yang dibuat bolehkah masih mempertahankan banjir yang besar di masa akan datang dan jika tidak boleh, apakah langkah-langkah akan diambil oleh Kerajaan itu?

Tuan Yang di-Pertua, kebajikan pesara-pesara hendaklah juga dilayani dengan baik-nya. Terdapat ramai pesara-pesara yang telah berkhidmat dengan baik dan berkorban semasa zaman keagungan mereka. Jadi ini bukan sahaja sudah menjadi tanggungjawab tetapi juga kewajipan Kerajaan untuk memelihara mereka. Baru-baru ini Kerajaan telah melaksanakan Lapuran Kabinet berkenaan dengan Peninjauan Semula Gaji dengan gaji-gaji arrears kakitangan Kerajaan diperhitungkan dari tarikh 1hb Januari, 1976. Sudahlah tiba masanya Kerajaan meneliti keadaan-keadaan yang dihadapi oleh pesara-pesara ini dan menaikkan sedikit juga bayaran yang diberikan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya hendak bercakap cara ringkas pelaksanaan projek-projek Rancangan Malaysia Ketiga darihal Kerajaan-kerajaan Negeri. Di dalam proses pelaksanaan projek-projek, ia mesti

mengadakan koordinasi yang lebih erat di antara Kerajaan-kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan supaya semua rancangan-rancangan dapat dilaksanakan dengan lancar dan licin demi menguntungkan rakyat.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka mengingatkan semula ucapan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua sebentar tadi supaya perbincangan atas masalah ini dapat dihabiskan sebelum pukul 6.00 petang. Saya harap seboleh-bolehnya Ahli-ahli Yang Berhormat dapat memendekkan ucapannya dan tujuannya perbincangan Yang Berhormat itu kepada masalah peruntukan tambahan yang diminta dalam Rang Undang-undang ini sahaja. Jangan bawa lain daripada perkara itu.

4.20 p.g.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Akta Perbekalan Tambahan 1976 dan 1977 dan ingin saya menyentuh dua tiga perkara terutama sekali Jabatan Perdana Menteri iaitu masalah kemiskinan suara

rakyat di kawasan Wilayah Persekutuan ini.

Kita semua difahamkan bahawa setiap rakyat mempunyai wakil rakyat negeri dan wakil rakyat Parlimen tetapi di Wilayah Persekutuan kita tidak ada mempunyai wakil rakyat di peringkat negeri dan cuma ada wakil rakyat di peringkat Parlimen sahaja. Walhal penduduk-penduduk ramai dan masalah-masalah di sini amatlah besar dan tanggungjawab-tanggungjawab Kerajaan Pusat pun banyak dan selalunya orang ramai banyak hendak mengadu hal-hal mereka dan suara-suara mereka ini tidak berapa didengari di dalam Dewan yang mulia ini dan juga Dewan Senate.

Memandangkan perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, sukacitalah pada hari ini saya mencadangkan kepada Kerajaan supaya melantik lima kerusi Senate di dalam Wilayah Persekutuan iaitu tiap-tiap kawasan Parlimen ada kerusi Senatannya sendiri di dalam Dewan Negara. Ini cadangan saya yang pertama, supaya tiap-tiap kawasan Parlimen dalam Wilayah Persekutuan selain daripada ada Ahli Parlimennya juga diperuntukkan kerusi Dewan Negara (Senate).

Yang kedua, saya ingin menyentuh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian iaitu masalah baru-baru ini berbangkit mutu alat-alat keluaran dalam negeri kita ini khasnya alat-alat gantian kenderaan. Perkara ini menipu consumer—orang ramai ini telah mula balik sebab kalau Kerajaan relax sedikit tidak membuat pencegahan dan sebagainya telahpun timbul. Baru-baru ini telahpun berlaku beberapa perkara keluaran kereta-kereta baru di mana didapati benda itu kecil tetapi memakan belanja yang besar kepada orang-orang yang berpendapatan kecil yang telah membeli kereta. Sebagai contoh tali kipas, itu sahaja. Apabila kereta dikeluarkan yang baru, tali kipas itu umurnya hanya boleh tahan setakat warranty period. Selepas sahaja warranty period, tali kipas pun putus. Apabila hendak dibeli, harganya bukan-bukan, sampai \$45-\$50. Kadang-kadang tidak ada stok dan sebagainya. Jadi saya berharap pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dalam perkara ini supaya Enforcement Unit tolonglah siasat dan juga Kementerian yang berkenaan supaya masalah hendak menentukan mutu barang-barang buatan Malaysia ini terjamin kepada pengguna-pengguna.

Yang ketiganya, baru-baru ini telah kecoh juga masalah undang-undang yang ditangguhkan tetapi sekarang ini baru sahaja digazettekan, iaitu masalah cermin gelap (tinted glass) yang telah pada suatu ketika dulu telah digalakkan penggunaannya oleh beberapa orang tertentu untuk keselamatan dan sebagainya dan sekarang telah dikeluarkan pula undang-undang yang telah digazettekan iaitu akan dikuatkuasakan pada 15hb April, 1978.

Dalam perkara ini saya mintalah Kerajaan bertegas dan dalam pada itu saya minta pihak Menteri yang berkenaan hendaklah diberi kuasa selain daripada kereta-kereta Kerajaan hendaklah juga diberi kuasa boleh membenarkan kepada sesuatu badan ataupun seseorang yang tertentu setelah dibuat penyiasatan dari segi keselamatan terutamanya di dalam Bandaraya ini dan khasnya saya tujukan kereta-kereta yang diberi ataupun yang dipakai oleh Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Ini patutlah diberi keistimewaan supaya kalau ada di antara mereka yang suka dipakai tinted glass, eloklah diberi kebenaran.

Yang akhir sekali berkenaan dengan Kementerian Perhubungan. Di sini sukalah saya menyokong supaya Bahagian Kajicuaca elok diberikan peruntukan yang lebih sedikit supaya penyelidikan Bahagian Kajicuaca dapat dijalankan dengan sempurna oleh pegawai-pegawai yang berkenaan. Kita semua sedia maklum kajicuaca di dalam negeri ini memanglah orang ramai belum lagi menghiraukan sangat kedudukan Jabatan Kajicuaca sebab kita di sini belum ada lagi ditimpa malapetaka seperti puting beliong dan sebagainya, sekali-sekali sahaja ada rumah-rumah yang kena ribut, itupun tidak berlaku.

Tetapi untuk jangka panjang, yang mana Kerajaan kita telahpun membesarkan pelabuhan dan menggalakkan perniagaan-perniagaan dalam bahagian laut maka sudah tibalah masanya Bahagian Kajicuaca di negara kita ini dilengkapi dengan alat-alat yang cukup dan mempunyai pegawai-pegawai yang mahir. Dan untuk mengadakan pegawai-pegawai yang mahir ini berkehendakkan latihan di luar negeri sedangkan ianya memerlukan belanja yang besar. Dengan sebab itu saya memohon kepada pihak Kerajaan supaya Jabatan Kajicuaca ini dilengkapi dengan alat-alat dan pegawai-pegawainya.

4.35 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan. Dan saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengemukakan dua tiga perkara yang mana pada anggapan saya adalah penting.

Yang pertama, saya ingin sentuh mengenai Suruhanjaya Pilihanraya. Memandangkan perbelanjaan mengurus yang bertambah yang diminta oleh Suruhanjaya Pilihanraya ini, benarkanlah saya menegaskan di sini betapa pentingnya pentadbiran Suruhanjaya Pilihanraya dipercepatkan lagi supaya dengan bertambah cekapnya (efficient) maka suruhanjaya itu tentulah dapat memberi perkhidmatan yang lebih berkesan dalam menjadikan pilihanraya dan proses demokrasi berparlimen lebih bermakna kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya apa yang diperlukan pada hari ini ialah bagi Suruhanjaya Pilihanraya untuk mengembalikan keyakinan rakyat terhadap pilihanraya sebagai satu cara untuk menjadikan demokrasi berparlimen lebih bermakna dan berkesan dalam usaha ke arah mencapai objektif dan aspirasi hasrat rakyat.

Suruhanjaya Pilihanraya yang dikatakan bebas itu, pada pendapat saya sehingga hari ini rakyat masih lagi perlu diyakini bahawa Suruhanjaya Pilihanraya itu benar-benar sebuah badan bebas dan mendapat keyakinan mereka.

Satu perkara yang nyata rakyat merasa amat tidak puashati dengan sistem yang ada sekarang terutama sekali mengenai pendaftaran mengundi yang tidak membenarkan pendaftaran pengundi secara maksima. Pada masa Suruhanjaya Pilihanraya hanya meluaskan 42 hari maksima untuk pendaftaran pengundi-pengundi. Ini amatlah tidak mencukupi dan oleh kerana ramai orang kita dapat mendaftar. Meskipun pendaftaran sedang berjalan, kita telah mendapat tahu bahawa di masa lalu terdapat banyak bakal-bakal pengundi-pengundi tidak dapat mendaftarkan diri mereka semasa tempoh 42 hari itu kerana kekurangan borang-borang misalnya dan juga kehadiran kerani-kerani pendaftaran yang tidak kerap.

Tidak syak lagi apa yang perlu dijalankan oleh Suruhanjaya Pilihanraya di negara kita ini adalah mengadakan satu sistem pendaftaran sepanjang tahun dalam mana semua bakal pengundi yang layak boleh mendaftarkan diri mereka sebagai pengundi tanpa sebarang had masa. Ini telah dibangkitkan beberapa kali di dalam Dewan ini. Dan saya harap Suruhanjaya Pilihanraya di bawah Pengerusinya yang baru akan mengulangkaji perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu masalah yang amat serious yang hendak saya bangkitkan di sini adalah mengenai kehilangan hak mengundi. Dalam tahun 1974, iaitu pada masa pilihanraya tahun itu, kira-kira suku juta pengundi telah kehilangan hak mengundi yang mengakibatkan mereka tidak boleh mengundi. Mereka kehilangan hak mengundi bukanlah kerana kesalahan ataupun kesilapan mereka dan mereka tidak menyedari hal ini sekiranya mereka hadir di tempat-tempat itu untuk melihat nama

mereka dan menentukan samada nama mereka tercatat di dalam pendaftaran pengundi untuk membolehkan mereka mengundi. Tetapi mereka agak terperanjat kerana nama didapati hilang dari daftar pengundi itu. Sebaliknya apa yang menakutkan adalah nama orang-orang yang telah meninggal dunia masih lagi tercatat di dalam daftar pengundi, sedangkan mereka yang masih hidup segar tidak dapat mengundi kerana nama mereka tidak ada dalam daftar pengundi-pengundi itu. Masalah ini adalah satu-satunya yang serius dan saya merayu Suruhanjaya Pilihanraya supaya menyasat perkara ini dengan teliti dan memberi penjelasan yang penuh lagi memuaskan kepada rakyat tentang bagaimana hak mengundi mereka telah hilang dan mengapa perkara ini berlaku.

Seperti yang saya katakan tadi jumlah mereka yang tidak dapat mengundi bukanlah kecil iaitu dalam tahun 1974 sahaja $\frac{1}{4}$ juta orang hilang hak mengundi mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pilihanraya Kelantan pada baharu-baharu ini Yang Berhormat Menteri Kewangan sendiri dilaporkan oleh akhbar-akhbar tidak dapat mengundi dalam pilihanraya negeri Kelantan itu kerana nama tidak tercatat dan dengan demikian hilang hak mengundinya. Memandangkan perkara ini amat serius saya menyeru agar Suruhanjaya Pilihanraya memberi penjelasan sepenuhnya. Penjelasan itu adalah perlu untuk mengembalikan keyakinan rakyat terhadap pilihanraya dan juga terhadap kebebasan dan keutuhan Suruhanjaya Pilihanraya. Tetapi yang utama adalah memberi makna yang cukup terhadap pilihanraya dan demokrasi berparlimen. Juga saya telah mencadangkan bahawa Suruhanjaya Pilihanraya haruslah mengambil segala langkah-langkah yang perlu untuk menjamin bahawa perkara ini iaitu kehilangan hak mengundi tidak akan berulang lagi di masa hadapan.

Perkara yang kedua yang saya ingin menyetujui di sini ialah dalam Kertas Perintah 13 tahun 1978 yang tadi dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan bahawa peruntukan meminta mendapatkan wang tambahan sebanyak \$2 juta yang dikehendaki bagi membiayai projek-projek kecil di kawasan kampung-kampung baru.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kesal bahawa hanya \$6 juta telah diperuntukkan bagi pembangunan atau kemajuan kampung-kampung baru pada tahun 1977. Bagi tahun 1978 saya rasa lebih kesal bahawa hanya \$4 juta telah diperuntukkan untuk kemajuan perkampungan. Memandangkan perkara peruntukan yang begitu kecil yang diluluskan tiap tahun oleh Kementerian yang berkenaan adalah nyata dan terang bahawa Kerajaan tidak memberi perhatian utama kepada kemajuan perkampungan. Macam mana jumlah yang diperuntukkan ini boleh dianggap sebagai jumlah yang cukup, yang wajar untuk memodenkan kampung-kampung baru di seluruh negara kita ini. Jika Kerajaan benar-benar hendak melancarkan satu rancangan jangka panjang untuk memodenkan kampung-kampung baru dan membawa faedah dan kemajuan kepada penduduk-penduduk di kampung-kampung baru itu saya rasa adalah mustahak supaya jumlah ini dapat ditambah dan mesti ditambah pada tiap-tiap tahun.

Pada 20 tahun yang lepas sejumlah 1 juta penduduk-penduduk yang tinggal di dalam lebih kurang 450 lebih kampung-kampung baru dalam negara kita telah tertinggal dari mainstream pembangunan negara dan tidak diberi wang pembangunan yang cukup dan bermakna. Memandangkan kepada peruntukan yang langsung tidak cukup ini Kerajaan telah gagal sehingga hari ini untuk berusaha dan sebenarnya mengurangkan dan mengatasi masalah-masalah asas yang dihadapi oleh penduduk-penduduk kampung-kampung baru berkaitan dengan masalah kemiskinan, kekurangan security of tenure dan kekurangan pembaikan infrastruktur kampung-kampung baru itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menjawab satu soalan yang dibangkitkan oleh saya dalam mesyuarat Dewan ini pada bulan November yang lalu Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan ada menyatakan bahawa penyelidikan telah mula dijalankan bagi 12 kampung-kampung baru dengan tujuan menyasat keadaan dan juga masalah sosio-ekonomi yang dihadapi oleh penduduk-penduduk. Penduduk kampung baru yang datang daripada 450 lebih kampung-kampung baru dalam negara kita merasa sangat keciwa bahawa setakat ini Kerajaan belum membuat apa-apa untuk memperbaiki kualiti

kehidupan mereka di kampung-kampung baru kecuali menyatakan bahawa penyelidikan telah mula dijalankan dalam 12 buah kampung-kampung baru. Ini adalah amat tidak memuaskan dan saya mahu menggesa Kerajaan supaya memberi perhatian yang lebih berat dan bergiat kepada masalah kemajuan perkampungan dan memperuntukkan wang yang cukup untuk pemodenan kampung-kampung baru itu. Dalam hubungan ini saya ingin menyeru Kerajaan supaya mengadakan satu pelan induk atau Master Plan yang positif untuk menghapuskan kemiskinan dan memodenkan 450 lebih kampung-kampung baru di negara kita ini.

Satu hal lagi yang saya ingin sentuh ialah mengenai soal alam sekitar

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu yang menghabiskan sekali?

Tuan Lee Lam Thye: Lagi dua perkara.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat telah berucap selama 11 minit.

Tuan Lee Lam Thye: Tetapi perkara ini mustahak

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya benarkan satu perkara sahaja.

Tuan Lee Lam Thye: Benarkan saya mengemukakan satu masalah hakisan tanah yang disebabkan oleh pembangunan tanah di beberapa bahagian Kuala Lumpur yang menyebabkan banjir dan malapetaka yang lain. Baru-baru ini dan sehingga sekarang satu daripada masalah-masalah yang dihadapi oleh Kuala Lumpur dan oleh penduduk-penduduk Kuala Lumpur terutamanya penduduk-penduduk di setengah-setengah estet-estet perumahan ialah banjir mengejut atau flash floods yang bukan sahaja menyusahkan tetapi keadaan malapetaka. Setinggalan juga terlibat dengan teruk, Tuan Yang di-Pertua. Hujan lebat yang hanya turun setengah jam boleh menyebabkan beberapa tempat di seluruh Wilayah Persekutuan mengalami banjir mengejut. Banjir mengejut ini adalah selalunya disebabkan oleh munculnya lumpur di kebanyakan parit dan sungai-sungai akibat daripada

tanah dibawa daripada pembersihan tanah dan pembangunan untuk pembinaan perumahan atau untuk melebarkan jalan dan pembangunan jalan. Saya menyeru Kerajaan supaya mengambil pandangan yang serious mengenai kewujudan lumpur (silt) dan hakisan. Kementerian yang berkenaan hendaklah mengadakan satu undang-undang untuk mengelakkan daripada wujudnya lumpur di sungai-sungai dan parit-parit disebabkan oleh hakisan tanah (soil erosion) mengakibatkan banjir mengejut ini. Kedua-dua sektor, Kerajaan dan swasta, mestilah dipaksa dengan undang-undang mengambil langkah-langkah yang perlu bagi mengelakkan hakisan tanah dalam rancangan pembangunan tanah mereka.

Akhirnya saya hendak menyentuh mengenai dengan Kementerian Perhubungan. Di sini saya ambil lebih kurang 2-3 perenggan sahaja iaitu mengenai Jabatan Telekom.

Di dalam Wilayah Persekutuan hari ini terdapat lebih kurang 20,000 pemohon-pemohon telefon di dalam senarai menunggu telefon dan kebanyakan dari mereka memerlukan perkhidmatan telefon untuk tujuan perniagaan. Memandangkan kepada masalah ini saya ingin menggesa Jabatan Telekom untuk mempercepatkan projek pembangunannya di dalam Wilayah Persekutuan supaya permohonannya dapat dilayani dan perkhidmatan telefon dapat disediakan. Juga saya ingin mengambil kesempatan untuk menarik perhatian Jabatan Telekom kepada perkhidmatan telefon di kawasan perindustrian di Jalan Sungai Besi, Kuala Lumpur yang pada masa ini amat tidak memuaskan. Banyak aduan-aduan telah dihantar kepada Jabatan Telekom mengenai kesusahan yang dihadapi oleh penduduk-penduduk apabila mereka mahu menggunakan perkhidmatan telefon. Saya harap bahawa Kementerian yang berkenaan atau Jabatan yang berkenaan akan mengambil perhatian atas aduan ini dan juga mengambil tindakan yang sewajarnya bagi mengatasi masalah ini.

4.50 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun peruntukan perbelanjaan bagi tahun 1976 dan 1977 tidak mencukupi, namun kita menganggap bahawa perbelanjaan tambahan ini adalah perlu di luar daripada jangkauan.

Walaupun begitu, saya ingin menyentuh beberapa perkara mengenai peruntukan tambahan yang diminta. Tidakkah dapat di- napikan bahawa perbelanjaan tambahan ini perlu, tetapi tiap-tiap tambahan perbelanjaan itu mestilah wajar berdasarkan kepada keperluan.

Saya menyentuh khusus mengenai arrears gaji akibat pelaksanaan Lapuran Gaji Jawatankuasa Kabinet.

Dengan pelaksanaan ini, Kerajaan terpaksa membayar sebanyak \$229.9 juta. Jentera Kerajaan berjalan seperti biasa. Kecekapan kakitangan Kerajaan begitu juga, walaupun gaji mereka telah dinaikkan. Tetapi sejak akhir-akhir ini, kecekapan kakitangan Kerajaan semakin menurun. Ini terbukti sekarang. Konsep yang ada pada mereka ialah samada mereka bekerja kuat atau tidak, mereka juga menerima kenaikan gaji tahunan. Jadi, soal mutu kecekapannya tidakkah menjadi soal kepada mereka.

Mutu kecapaian bagi pegawai-pegawai Kerajaan telah banyak diperkatakan dalam Dewan ini dan ianya tinggal begitu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, perbelanjaan ini melibatkan wang orang ramai, maka dengan kerana itu satu kajian di tiap-tiap Jabatan Kerajaan, Badan-badan Berkanun, atau Ajensi-ajensi Kerajaan, perlulah disiasat samada terdapat pegawai-pegawai yang berlebihan, atau disebaliknya.

Pada satu ketika dahulu di Jabatan Perdana Menteri ada mengadakan Management Analyst, yang menghantar pegawai-pegawainya menyiasat di beberapa buah Jabatan Kerajaan dan menentukan samada betul-betul Jabatan yang berkenaan itu berkehendakkan staff tambahan. Samada lapuran yang dibuat oleh tiap-tiap pegawai yang berkenaan itu dipakai atau tidak, tidakkah dapat dipastikan, tetapi memandangkan desakan dan tuntutan naik gaji dari berbagai pihak, maka saya ingin mengesyorkan Management Analyst ini perlu digerakkan semula dan menumpukan penyiasatannya di tiap-tiap Jabatan Kerajaan. Saya difahamkan bahawa ada pegawai-pegawai yang berlebihan di dalam Jabatan-jabatan Kerajaan. Saya rasa ini adalah menjadi tugas dan tanggungjawab pihak yang berkenaan menyiasat secara keseluruhan Jabatan-jabatan Kerajaan mengenai tugas mereka yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap mengenai arrears ini, saya ingin menarik perhatian Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) tentang bagaimana perbelanjaan tambahan ini naik begitu tinggi. Saya tidakkah sekali-kali menapikan hak mereka. Saya menyentuh ini hanyalah berdasarkan kepada prinsip sahaja. Satu contoh:

- (1) Gaji "A" sebelum dilaksanakan gaji baru, ia mendapat \$720 sebulan. Selepas dilaksanakan Lapuran Kabinet, "A" mendapat tunggakan \$7,000 dan gajinya dipindahkan kepada \$1,165.
- (2) Gaji "B" sebelum dilaksanakan gaji baru, ia mendapat \$885 sebulan. Selepas dilaksanakan Lapuran Kabinet, "B" mendapat tunggakan \$10,000 dan gajinya dipindahkan kepada \$1,405.

Saya ingin bertanya pihak Jabatan Perkhidmatan Awam, bagaimanakah prinsip pemindahan gaji dikira dari satu mata hingga ke 12 mata atau lebih dibuat? Misalnya, "A" sepatutnya 7 tahun lagi baru mencapai tingkat maksima \$1,165 tetapi dengan pemindahan gaji dari satu mata hingga ke 12 mata, maka ia terus melompat kepada had maksima. Manakala "B" pula yang sepatutnya 9 tahun lagi akan sampai ke had maksima, telah melompat gajinya kepada \$1,405.

Akibat dari pemindahan gaji biasa kepada maksima iaitu masing-masing 6 hingga 9 tahun menerima lebih awal daripada hadnya, maka saya percaya mutu kecekapannya tidakkah akan meningkat tinggi. Sebaliknya, mengikut saikoloji manusia, apabila seseorang itu telah mencapai ke kemuncaknya, ia tidak akan bekerja dengan begitu ber-sungguh-sungguh, dan akhirnya mutu kecekapan bekerja akan turun dan merosot.

Tuan Yang di-Pertua, hasil dari perlaksanaan ini, Kerajaan terpaksa mencari wang dari berbagai sumber. Satu daripadanya ialah menaikkan cukai impot. Dengan kenaikan cukai impot inilah maka baru Kerajaan boleh menampung segala perbelanjaan Kerajaan.

Kita hendaklah ingat bahawa tiap-tiap kenaikan cukai, akan menjejaskan kehidupan rakyat terutama rakyat di luar bandar khususnya penoreh getah, petani, nelayan, penarik beca dan mereka yang tidak berpendapatan tetap.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengesyorkan kepada pihak Kerajaan bahawa walau apapun Suruhanjaya yang akan dibentuk pada masa hadapan kelak, pemindahan mata gaji dari 1 hingga 12, hendaklah diketepikan. Sebaliknya, kenaikan gaji dua kenaikan purata adalah memadai, dan kuatkuasanya hendaklah berjalan pada tarikh surat pekeliling itu dikeluarkan; ataupun dengan lain perkataan mengikut kadar sara hidup (cost of living) pada masa itu dan diselaraskan mengikut grading jawatan masing-masing, dengan tidak merombak kedudukan gaji asalnya dan tidak seharusnya dibayar gaji kebelakangan 2 tahun kemudian. Ini adalah amalan biasa yang dibuat oleh mana-mana negara di dunia ini dan dianggap sebagai prektikal.

Dalam pada itu, Tuan Yang di-Pertua, sebagai peringatan kepada Kerajaan bahawa dalam apa bentuk persamaan dan keadilan atas perlaksanaan gaji ini, supaya pegawai dari berbagai profesyen hendaklah dilantik sama supaya pandangan yang dibuat itu akan meliputi kesemua golongan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit mengenai pembayaran pendahuluan kepada Kerajaan Negeri Selangor sebanyak \$25 juta untuk membiayai projek pembangunan di Shah Alam. Kita tahu projek pembangunan di Shah Alam tidak berjalan begitu lancar. Wang pendahuluan ini sepatutnya telah dijelaskan, walaupun berbagai rungutan telah timbul akibat kelambatan siapnya Ibu Negeri Selangor, namun kita berharap pembangunannya akan digerakkan secepat yang dapat.

Tuan Yang di-Pertua, satu hakikat yang nyata ialah kelambatan mengeluarkan suratan hak-milik (Q.T.) kepada pemilik tanah. Pegawai Pemungut Hasil Tanah yang dipinjamkan kepada Pejabat Kemajuan Negeri Selangor (P.K.N.S.) tidak menjalankan tugasnya dengan betul. Terdapat kecuaihan berlaku. Aduan-aduan telahpun dibuat tetapi tidak mendatangkan kesan. Sekiranya satu suratan hak-milik telah ditandatangani dan distem, boleh memakan masa 3 hingga 6 bulan baru dikeluarkan, maka bagaimanakah pemilik tanah hendak mendirikan rumahnya, sedangkan mereka terpaksa mendapatkan wang pinjaman dari bank atau dari badan-badan kewangan

sebagai cagarannya. Sekiranya perkara ini berpanjangan, saya khuatir pembangunan di Shah Alam tidak dapat berjalan begitu lancar sebagaimana yang dikehendaki oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit mengenai Lembaga Letrik Negara terutamanya mengenai letrik di luar bandar.

Saya telah banyak kali membangkitkan perkara letrik di luar bandar di Dewan ini, tetapi tidak mendapat tindakan yang sewajarnya dari Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam.

Saya menyentuh khusus mengenai bekalan letrik di kawasan saya, Tumpat. Satu di Kampung Palekbang Hilir termasuk Sungai Nyior dan Palekbang Taliair, peruntukan yang disediakan ialah sebanyak \$13,000. Yang kedua, Kampung Pasir, Pasir Pekan peruntukan yang disediakan sebanyak \$20,000. Sepatutnya peruntukan kecil letrik ini telah disiapkan pada tahun 1976 lagi, tetapi sehingga sekarang ini bekalan letrik tersebut terbengkalai begitu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Panjang lagi Yang Berhormat?

Tengku Noor As'ah binti Tengku Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, semasa pilihanraya Dewan Undangan Negeri Kelantan

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya bertanya panjang lagi?

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad: Tidak panjang, pendek sahaja.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Pendekkan sedikit.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad: yang diadakan baru-baru ini, perkara bekalan letrik ini menjadi satu issue kempen pilihanraya. Sekarang pilihanraya kebangsaan menjelang tiba. Saya berharap dengan jasa baik Menteri yang berkenaan, bekalan letrik di kedua-dua tempat yang saya sebutkan tadi mendapat perhatian dan tindakan segera.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja dan saya menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga semua urusan Kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat telah selesai dipertimbangkan dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.

Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan usul yang berbunyi:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga semua urusan Kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat telah selesai dipertimbangkan dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan. Ahli-ahli yang bersetuju kata bersetuju

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun hendak mengemukakan satu pindaan kepada usul ini:

Bahawa selepas urusan untuk menggantikan Urusan Kerajaan, urusan dalam Aturan Urusan Mesyuarat supaya bahawa semua urusan termasuk usul yang terakhir mengenai Universiti Merdeka boleh dibincang dan boleh dibahaskan.

Dan saya sangat terperanjat bahawa Yang Berhormat Menteri yang menjadi Deputy Whip tidak memersetujui dengan cadangan saya tadi dan saya ada berjumpa beliau, saya harap kalau beliau boleh menimbang-kan perkara ini tidak payahlah saya kemukakan satu pindaan, oleh kerana kalau

tidak dibahaskan usul ini saya rasa apa guna sebuah Parlimen di mana usul-usul yang penting, yang mustahak yang rakyat semua menumpu perhatian tidak ada peluang untuk dibahas dan dibincang.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, saya tidak dapat terima pindaan kerana mengikut peruntukan di bawah Peraturan Mesyuarat 12 (1) cadangan itu tidak dapat diterima. Saya merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 12 (1) yang berbunyi:

“12 (1) . . . Dengan syarat bahawa sesuatu usul yang akan diputuskan tanpa pindaan atau bahasan boleh dikeluarkan oleh seseorang Menteri pada bila-bila masa tanpa pemberitahu untuk mengubah waktu persidangan Majlis.”

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, tetapi oleh kerana apa yang saya katakan bolehkah Yang Berhormat menimbang-kan semula dan bolehkah beliau

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya tidak dapat terima

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak buat pindaan, tetapi saya menyeru Yang Berhormat Menteri boleh meminda usul sendiri.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah memberi peluang yang cukup kepada semua Ahli-ahli dalam Dewan ini mengemukakan ucapan di dalam Titah Di Raja dan sekarang masa yang kita tetapkan ialah sampai pukul 6.30 hari ini. Tetapi kalau semua urusan Kerajaan boleh diluluskan sebelum pukul 6.30 petang, usul daripada Ahli Yang Berhormat itu memang boleh ditimbang-kan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya ingat perkara ini tidak payah ditimbang-kan.

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sila duduk!

Tuan Lim Kit Siang: Saya minta penjelasan di atas usul itu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, sila duduk.

Tuan Lim Kit Siang: Saya minta penjelasan, apa usul Yang Berhormat Menteri kata boleh ditimbang. Oleh kerana beliau sekarang mengemukakan satu usul sendiri, apa usul yang boleh ditimbang. Kita tidak mahu Dewan ini menjadi satu gelanggang untuk menipu sahaja.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sila duduk! Saya tidak benarkan perkara ini dibahaskan.

Saya kemukakan usul yang berbunyi demikian:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga semua urusan Kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat telah selesai dipertimbangkan dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan. Ahli-ahli yang bersetuju kata setuju, yang tidak kata tidak

Tuan Lim Kit Siang: Ini tipu rakyat, Tuan Yang di-Pertua. Ini demokrasi kosong dan tipu rakyat dan dalam Dewan ini semua Ahli-ahli Barisan Nasional takut, takut menghadapi usul, takut kepada rakyat, takut kepada kenyataan dan sekarang saya akan keluar daripada Dewan ini. (*Ahli-ahli DAP keluar Dewan*)

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga semua urusan Kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat telah selesai dipertimbangkan dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1976 DAN 1977) DAN ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 2), TAHUN 1976/1977

Perbahasan disambung semula

5.07 ptg.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir (Ulu Nerus): Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan mengenai peruntukan yang diminta dan perbahasan mengenai usul yang baru sekejap tadi, saya suka mengambil perbahasan sedikit iaitu oleh kerana masa amat terbatas, saya suka menyentuh dalam dua kepala tetapi satu perkara iaitu mengenai Suruhanjaya Pilihanraya dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang menjadi keganjilan di dalam satu-satu pilihanraya yang diadakan bahawa pihak Suruhanjaya Pilihanraya mengadakan pilihanraya tanpa membuat jaminan ataupun tanpa membuat rundingan dengan pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mengenai keselamatan di dalam kawasan-kawasan yang hendak dipilihanrayakan.

Dari satu segi ternyata benar bahawa pihak Suruhanjaya Pilihanraya dan pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ini tidak mempunyai kerjasama langsung dan dalam satu lagi adalah ternyata bahawa pihak Suruhanjaya Pilihanraya dan pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mempunyai satu pakatan yang kurang baik dalam pelaksanaan demokrasi di dalam negeri ini.

Di antara dua segi ini, saya tidak dapat memastikan mana satu yang benar dan mana satu yang betul. Tetapi satu keganjilan telah berlaku di dalam pilihanraya, umpamanya pilihanraya Kelantan baru-baru ini. Selepas penamaan calon, pengumuman dibuat bahawa parti-parti yang bertanding di dalam pilihanraya itu tidak diizinkan, tidak dibenarkan membuat rapat umum. Dari satu segi kita ternampak bahawa ini adalah suatu keadilan sebab samada pihak Barisan Nasional, pihak BERJASA ataupun

pihak PAS yang bertanding di dalam kawasan itu kesemuanya tidak dibenarkan mengadakan rapat umum. Memang saya mengakui dari sudut ini ternyata ataupun ternampak keadilan, tetapi dari sudut lain ternyata tidak adil sebab parti-parti pihak Menteri-menteri daripada Kerajaan dapat mengadakan himpunan umum yang mana kehadiran beribu-ribu orang, sedangkan parti-parti lain yang tidak mempunyai Menteri di dalamnya tidak dapat ataupun tidak dibenarkan. Maka dari segi ini ternyata tidak mempunyai keadilan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi keanehan yang berlaku iaitu pihak Keselamatan Dalam Negeri memberi kebenaran untuk mengadakan ceramah-ceramah umum. Maksud saya ceramah umum ini diadakan yang dihadiri oleh 500-600 orang yang melebihi kawasan yang tertutup yang diertikan bahawa ini tidak umum, tetapi ternyata bahawa apa yang berlaku itu adalah umum, sedangkan ceramah-ceramah umum ini tidak mempunyai kawalan langsung daripada pihak Keselamatan Dalam Negeri. Walhal kalaulah dibenarkan mengadakan rapat umum sudah tentu pihak Keselamatan Dalam Negeri dapat mengawal majlis-majlis yang seperti ini. Ini ternyata pelik kepada saya dan kepada pihak yang bertanggungjawab Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, di manakah letak lojiknya yang menyatakan bahawa kawasan itu tidak selamat, sedangkan ceramah umum dibiarkan. Pada hal ceramah umum itu tidak dikawal dan tidak diberitahu kepada pihak keselamatan, tidak berani hendak membenarkan rapat umum. Kalau dibenarkan rapat umum maka pihak keselamatan dapat mengawal majlis itu. Mana lojiknya Kementerian ini? Kalau tidak kerana mempunyai suatu niat yang tertentu di dalam menghalangkan perjalanan demokrasi di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang menjadi tanda tanya kepada kita, kalaulah benar-benar pihak keselamatan di dalam negeri ini tidak mampu dan tidak sanggup, lemah atau gagal dalam menjaga keselamatan dalam negeri ini untuk diadakan rapat umum di waktu malam, kenapakah tidak dibenarkan rapat umum di waktu siang hari atau petang? Dan kalaulah pihak Kementerian tidak mampu menjaga keselamatan di

waktu petang, kononnya juga pihak keselamatan dalam negeri amat lemah, tidak berkemampuan, tolong benarkan rapat umum di waktu pagi, waktu matahari naik, sebaliknya langsung tidak dibenarkan perhimpunan umum tetapi ia memejamkan matanya apabila diadakan ceramah-ceramah umum di waktu malam ataupun diadakan rapat-rapat umum oleh Menteri-menteri yang berkenaan. Ini adalah satu tanda tanya yang sedang berlaku di dalam negara kita ini dan mungkin akan terus berlaku di dalam pilihanraya umum yang akan datang. Inilah satu perkara yang terang dan nyata sekali pihak Kerajaan dalam negara kita ini menyembunyikan, menyorokkan sesuatu dan menonjolkan sesuatu demi kepentingan mereka di dalam memenangi pilihanraya yang telah diadakan dan mungkin yang akan diadakan tidak berapa lama lagi. Ini saya nampak dan saya rasa meragui kejujuran pihak Suruhanjaya Pilihanraya yang bertanggungjawab di negara kita yang keseluruhan rakyat dalam negara ini memberi amanah, memberi kepercayaan kepada Suruhanjaya Pilihanraya itu. Ciri-ciri ini memberi satu gambaran yang menjadi tanda tanya di mana letaknya kejujuran Suruhanjaya Pilihanraya di dalam negara kita dan di mana letaknya kejujuran pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Kalau ini terus menerus berlaku dan ini ternyata bahawa kebebasan bercakap sekarang ini sudah beransur hapus, kebebasan mengemukakan pendapat ditekan, ditutup mulut bagi satu pihak tetapi bagi pihak tertentu dibiarkan.

Tuan Rais Yatim: (*Bangun*)

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak habiskan ucapan saya, saya minta Timbalan Menteri yang berkenaan duduk.

Tuan Ra's Yatim: Tuan Yang di-Pertua, on a point of order, boleh dibangkitkan bila-bila masa seseorang Ahli itu sedang berucap dan Yang di-Pertua mesti mendengarnya. Point of order itu ialah menurut Peraturan Mesyuarat 36 (8) seseorang itu tidak boleh membangkitkan sebarang prasangka berhubung dengan mana-mana perkara, salah satu daripadanya ialah Suruhanjaya Pilihanraya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Bagaimanapun saya minta Ahli Yang Berhormat bercakap dalam perkara yang ada kaitan sahaja dalam peruntukan tambahan Bill ini dan ketetapan ini sahaja. Sila teruskan.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, mengenai teguran Timbalan Menteri yang berkenaan, saya memang hendak tamatkan ucapan saya baru sebentar tadi dan supaya jangan dikelirukan ucapan saya itu, saya membuat tanda tanya, saya bukan menuduh. Ini adalah satu persoalan dan Menteri yang berkenaan itu menjawab di dalam Dewan ini. Saya sedia mendengar jawapannya.

5.15 ptg.

Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut sama menyokong satu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan perkhidmatan, 1976 dan 1977 seperti yang terdapat dalam Rang Undang-undang Perbekalan di hadapan kita sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, kita memang berbangga kepada segala tugas dan perkhidmatan semua jabatan dan Kementerian pada keseluruhannya yang terdapat di negara kita pada hari ini dengan menggunakan sepenuh tenaganya untuk menjayakan tanggungjawab yang bersungguh-sungguh dalam usaha melaksanakan cita-cita dan dasar Kerajaan. Walau bagaimanapun, kehendak rakyat umum lebih lagi yang dahagakan kemajuan dan perubahan pembangunan mungkin sukar untuk diatasi dalam masa yang singkat dan tertentu. Walau berbagai rancangan dibuat oleh pegawai-pegawai dan kakitangan perkhidmatan Kerajaan untuk kepentingan rakyat, namun demikian sungutan rakyat terutama yang di luar bandar selalu dengar atas kelemahan perkhidmatan yang tertentu menjalankan tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan ke arah matlamat 100% berjaya. Saya yakin walaupun jika ada kelemahan di bidang-bidang tertentu hasrat pemimpin Kerajaan pada hari ini hendaklah diambil sebagai azimat sepertimana yang ditegaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam dan di luar Dewan yang mulia ini supaya amalan jujur, bersih dan ikhlas mestilah

dijunjung tinggi supaya menghindarkan nama baik pihak perkhidmatan dan Kerajaan Barisan Nasional sejajar dengan lambang dacing.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dinyatakan dalam Jadual Kedua bagi Perkhidmatan 1977, Kementerian Kesihatan mendapat peruntukan yang paling banyak jika dibandingkan dengan Kementerian lain bagi Anggaran Belanja Mengurus Tambahan 1977 ini. Kepada saya sangat menasabah dan sejajar dengan kehendak rakyat untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan yang lebih baik lagi di seluruh negara kita ini iaitu tidak kira di bandar atau luar bandar. Walaupun peruntukan diberi sebanyak \$90 juta bagi perkhidmatan Kesihatan, saya rasa belum lagi dapat menunaikan kehendak rakyat terutama seperti kawasan luar bandar di negeri Sarawak, yang boleh saya katakan belum dapat memberi perkhidmatan kesihatan yang sepatutnya.

Pertama, kekurangan doktor begitu banyak serta juga tidak ada pakar perubatan untuk memberi perkhidmatan yang boleh dibanggakan oleh rakyat di luar bandar. Seperti apa yang saya ketahui misalnya di satu daerah, Dalat kawasan saya mempunyai penduduk lebih 20,000 orang terdapat sebuah gedung ubat kecil peninggalan penjajah dahulu dan beberapa buah lagi klinik kecil untuk kesihatan ibu dan anak-anak. Apa yang mendukacitakan rakyat di sana mengenai perkhidmatan di gedung ubat atau dispensari itu umumnya terdapat seorang sahaja Pembantu Rumah Sakit dan seorang Attendan. Keadaan seperti itu sejak beberapa puluh tahun sudah boleh saya katakan dengan tegas dalam Dewan ini sebelum Jepun menduduki negara kita ini tahun 1941 dahulu pun dispensari Dalat itu mempunyai seorang Pembantu Rumah Sakit (Dresser) dan seorang Attendan sampai hari ini tidak berubah. Oleh yang demikian, saya berharap pihak yang bertanggungjawab dapat memberi perhatian yang bersungguh-sungguh bagi perkhidmatan kesihatan luar bandar apabila mengkaji Mid-Term Review Rancangan Malaysia Ketiga, yang sekarang sudah sampai masanya, supaya perkhidmatan kesihatan untuk rakyat luar bandar dapat pertimbangan sewajarnya sesuai dengan dasar Kerajaan Barisan Nasional

bagi mempertingkatkan lagi taraf kesihatan yang lebih baik kepada semua rakyat, lebih-lebih lagi seperti rakyat di Daerah Dalam yang berjauhan daripada doktor prebet ataupun doktor Kerajaan yang sukar daripada segala pertolongan untuk mendapat perkhidmatan doktor atau pakar perubatan.

Sukalah saya mengesyorkan kepada pihak yang berkenaan supaya membesarkan lagi sekolah latihan jururawat di negeri Sarawak serta menambah lagi bilangan pelatih-pelatih jururawat untuk menampung kekurangan kakitangan perkhidmatan kesihatan yang sangat-sangat diperlukan. Secara ketbetulan pula sekarang Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan adalah seorang doktor dan anak negeri Sarawak dan banyak mempunyai pengalaman dan pengetahuan mengenai keadaan yang sebenarnya tentang perkhidmatan kesihatan rakyat luar bandar di negeri itu. Tidak payahlah saya menerangkan lagi bagi menjimatkan masa Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang Wakil Rakyat dari luar bandar dan diam di luar bandar saya rasa tidak keterlaluan jika saya katakan masalah rakyat luar bandar adalah merupakan satu perkara yang harus mendapat perhatian pihak-pihak yang berkenaan. Perkara ini memang tiap-tiap kali apabila kami diberi peluang oleh Tuan Yang di-Pertua bercakap menyentuh tentang Kementerian Pertanian, Pelajaran dan Kesihatan inilah menitikberatkan oleh kami. Jarang-jarang kami menyentuh perkara-perkara perdagangan dan perindustrian, perkara luar negeri dan sebagainya oleh kerana kami menunaikan hasrat rakyat di kampung dan di rumah panjang di kawasan kami masing-masing. Oleh yang demikian, saya yakin pihak-pihak yang berkenaan dapat memberi perkhidmatan yang lebih baik dan berkesan daripada yang ada sekarang lagi kepada rakyat yang tidak bernasib baik di luar bandar negeri Sarawak, di semua bidang dalam tempoh masa jangka pendek yang boleh membawa kepada kemakmuran rakyat yang sudah lama menderita dan ketinggalan di belakang sejajar dengan aliran perubahan dan pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkhidmatan pos pula adalah satu perkara yang sangat penting kepada rakyat samada di

bandar mahu pun di luar bandar. Di sini sukacita saya mengatakan supaya pihak yang bertanggungjawab dapat mengadakan satu perkhidmatan pos kecil di daerah kecil Kuala Oyak di mana di masa sekarang ada mempunyai Pejabat Daerah di bawah pentadbiran seorang pegawai yang dinamakan Pegawai Pentadbiran Sarawak (Sarawak Administrative Officer). Maksud saya walaupun daerah itu tidak disediakan dengan seorang kerani pos bahkan kerana Pejabat Daerah di situ boleh dipakai untuk menjual setem dan mengurus surat-surat berdaftar dan mengatur, mengirim mel dan kiriman-kiriman wang melalui pos. Daerah kecil Oyak di waktu penjajah dahulupun memang ada pejabat pos kecil untuk perkhidmatan pos di situ, malangnya baharu-baharu ini Pejabat Pos di Pejabat Daerah itu telah ditutup. Sungguhpun begitu pada masa sekarang Pejabat Daerah dan pegawai yang bertanggungjawab telah ada berkhidmat di situ seperti yang telah saya terangkan tadi, dukacita perkhidmatan pos tidak ada terpaksa rakyat di situ pergi ke Mukah dan Dalam sejauh 20 batu lebih dari situ untuk mendapat perkhidmatan pos seperti mengurus surat berdaftar dan lain-lain lagi. Haraplah pihak yang berkenaan menimbangkannya supaya perkhidmatan pos di seluruh negara ini memberi perkhidmatan kepada semua rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya mengambil bahagian untuk perhatian pihak yang berkenaan mengenai elaun dan gaji Imam, Khatib dan Bilal di negeri Sarawak. Semenjak penjajah 30 tahun dahulu sampailah hari ini boleh dikatakan di semua tempat dan daerah tidak ada perubahan iaitu Imam \$15, Khatib \$12 dan Bilal \$10 sebulan. Saya merayu kepada pihak yang berkenaan mengambil perhatian perkara ini sejajar dengan pembangunan negara.

Menyentuh Kementerian Kemajuan Tanah dan Wilayah, sukalah saya mengambil kesempatan bercakap di sini mengenai Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak di mana sekarang ini Lembaga ini masih lagi belum membayar bayaran gantirugi tanah rakyat bumiputra di kawasan saya yang digunakan untuk ladang kelapa sawit dan ladang ternakan lembu. Apa yang saya dengar tadi waktu Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan membentangkan Rang Undang-undang ini tidak ada peruntukan disediakan

untuk bayaran gantirugi tanah yang saya sebutkan itu. Saya berharap pihak yang berkenaan mengambil perhatian berat atas perkara ini supaya rakyat tidak tertunggu-tunggu begitu lama serta menjaga nama baik Kementerian yang berkenaan ini supaya tidak menjadi bahan perkataan rakyat di luar bandar.

5.27 ptg.

Raja Dato' Nasron bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong semua peruntukan dan tambahan-tambahan yang dikehendaki oleh Kementerian yang berkenaan di bawah kedua-dua Kepala mahupun untuk Mengurus dan juga untuk Pembangunan. Di samping itu, saya suka menyentuh pertamanya kepala P. 55 iaitu untuk peruntukan yang dikehendaki diluluskan oleh Dewan ini sebanyak \$15.3 juta iaitu merupakan tambahan pembayaran yang ketiga untuk membolehkan Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia Bhd. membeli kapal-kapal dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang bangga atas berita bahawa Perbadanan Perkapalan Antarabangsa telah mendapat keuntungan yang begitu besar di dalam bidang perniagaan yang dijalankan oleh mereka pada tahun lampau, kalau tidak salah lebih \$60 juta keuntungan. Tetapi, oleh kerana wang-wang ini ialah pinjaman daripada Kerajaan selain daripada Kerajaan sendiri mempunyai equity participation di dalam Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia Bhd. itu, hendaklah kita mengawasi supaya segala wang yang kita pinjam dan kita laburkan itu digunakan dengan betul dan jangan ada seorangpun kakitangan dan pegawai-pegawai menjalankan apa-apa penyelewengan. Kalaulah saya mengatakan ada penyelewengan secara umum maka kelak apabila Menteri yang berkenaan menjawab, dia mengatakan tuduhan saya adalah tuduhan umum dan barangkali meminta supaya saya menyebut specific case ataupun menentukan perkara-perkara yang tertentu supaya disiasat.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya ada menerima satu surat yang menyatakan kepada saya di mana beberapa pegawai tinggi di dalam M.I.S.C. telah membuat penyelewengan beratusan ribu ringgit iaitu

tuntutan-tuntutan palsu seperti tuntutan membayar entertainment allowance dan tuntutan membeli barang-barang wiski-berandi. Semuanya ada photostat; photostat baucer, photostat resip dan sebagainya dan ada tuntutan-tuntutan yang dibuat oleh pegawai tersebut, dia sendiri mengesahkan dan dia sendiri menerimanya. Surat ini telah disampaikan kepada Jabatan Perdana Menteri, bukan tempatnya di Dewan ini untuk saya menepok air di dalam dulang tetapi saya berharap kerana Jabatan Perdana Menteri telah menerima, maka hendaklah perkara itu jangan didiamkan.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua saya suka menyentuh berkenaan dengan Kepala B. 41 iaitu Imigeresen. Di sini juga saya suka menghubungkan dengan Kepala B. 28 Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Dengan adanya pengurusan-pengurusan ataupun wang-wang tambahan yang telah diberi untuk pengurusan merupakan tambahan gaji ataupun membayar tunggakan dan sebagainya, saya berharap kedua-dua jabatan ini menjadi lebih efficient untuk diperhatikan supaya jangan ada di mana-mana badan swasta mengambil kesempatan yang kita selalu menerima laporan iaitu senior executivenya bekerja di Malaysia ini dengan menggunakan tourist visa, mereka duduk di Singapura, datang dengan tourist visa, bekerja selama dua minggu, balik ke negara jiran kita, duduk pula dua minggu di sana dan balik pula ke Malaysia bekerja. Ini caranya. Dan juga ada firma-firma antarabangsa yang menggunakan bukan warganegara bekerja di sini sungguhpun work permitnya telah tamat tetapi kerana beberapa sebab maka work permit itu dipanjangkan walaupun sudah ada endorsement bahawa pemanjangan itu adalah final tetapi dapat juga permohonan memanjangkan itu diluluskan. Sekali lagi, kalau secara umum saya mengatakan perkara ini, nanti ada pihak-pihak yang berkenaan menjawab bahawa tuduhan itu tuduhan umum. Dengan sebab itu, saya ambil peluang menyentuh sebagai satu contoh dua syarikat

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ini sebenarnya masuk detail. Kalau detail, boleh sentuh dalam jawatankuasa nanti. Ini patut disentuh perkara am sahaja, dasar am dan pentadbiran.

Raja Dato' Nasron bin Raja Ishak: Saya patuh kepada arahan itu. Dengan begitu secara am sahajalah maka saya sebutkan perkara-perkara yang saya katakan tadi iaitu menggunakan tourist visa untuk bekerja dan juga work permit yang telah diendorse sebagai "final" tetapi dapat juga diperpanjangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh berkenaan dengan Kepala B. 25. Di kawasan saya Kuala Selangor saya dapati harga padi \$28 sepikul sebagaimana ditetapkan oleh L.P.N. Tetapi petani-petani di sana apabila menjual padinya dipotong oleh orang tengah sebagai tambang pengangkutan dan juga sebagai harga basah. Kononnya kalau padi itu sepikul, kerana basah dipotong lagi beberapa sen dan didapati biasanya potongan berjumlah \$2.80. Dengan sebab itu harga yang diterima oleh petani-petani adalah \$25.20 sahaja. Saya berharap pihak Jabatan Pertanian dan juga L.P.N. bekerjasama menyiasat perkara ini supaya petani-petani dapat menerima harga maksimum sebagaimana ditentukan oleh L.P.N.

Saya suka menyentuh berkenaan dengan Kepala B. 32 iaitu Kementerian Kesihatan. Petani-petani di Kuala Selangor dan saya percaya juga di kawasan-kawasan yang lain pada masa ini didapati mengidap satu penyakit kulit. Penyakit kulit ini membawa kepada petani-petani itu kulitnya menjadi sebagai kulit biawak, gatal, digaru dan ada pula kadang-kadang gatal itu di tempat privatnya. Jadi tergaru-garu sahaja petani itu

Tuan Yang di-Pertua: Tak payahlah cakap mengenai hal itu.

Raja Dato' Nasron bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya harap Kementerian Kesihatan dapat menyiasat samada penyakit kulit ini ada hubungannya dengan racun-racun serangga yang digunakan oleh petani dan juga adakah hubungannya pula dengan ketiadaan bekalan air paip ke luar bandar

maka disebabkan mereka terpaksa menggunakan air-air di saluran-saluran air yang telah dicemar oleh racun-racun serangga, ini membawa kepada penyakit yang saya katakan itu.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini sejumlah hampir 40 orang Ahli-ahli Dewan Rakyat dapat peluang meninjau ke Pusat Tentera Laut di Raja Malaysia di Woodlands. Dengan adanya Kepala B. 28, Kementerian Pertahanan diberi juga peruntukan di bawah pengurusan ini, saya haraplah orang-orang yang bertanggungjawab menyiasat dan menguruskan untuk kebaikan pelatih-pelatih, membratkan sedikit berkenaan dengan keadaan berek ataupun rumah tinggal pelatih-pelatih di Woodlands di mana saya dapati rendah dan juga tanpa kipas angin. Di situlah pelatih-pelatih tinggal dan di situlah juga, dengan keadaan begitu panas siang dan malam, mereka terpaksa membuat kajian, membuat bacaan tanpa kipas angin. Kipas angin ini tidak mahal harganya kalau diambil berat oleh orang-orang yang menguruskan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya suka menyentuh Kepala B. 8—Jabatan Perdana Menteri. Saya tidak tahu samada pihak-pihak yang berkenaan di Jabatan Perdana Menteri ataupun di Parlimen ini mengetahui adanya Ahli-ahli Dewan Rakyat ataupun Dewan Negara sesudah bersara, diberi pencen dan mereka ini balik bermastautin ke negara ibundanya mahupun India atau di lain tempat. Saya berpendapat kerana orang-orang ini berkhidmat di Dewan Rakyat atau di Dewan Negara tindakan tegas hendaklah diambil supaya mereka yang telah menjadi Wakil Rakyat dan juga mereka yang telah menjadi Senator kalau pencen selain daripada pegawai-pegawai Kerajaan, itu lain, tetapi dia ini Wakil-wakil Rakyat dan Senator jangan diberi pencen kalau dia sesudah bersara balik ke negeri ibundanya.

Tuan Yang di-Pertua, inilah teguran-teguran dari saya dengan harapan perkara-perkara ini dapat diambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli ahli Yang Berhormat, saya akan tamatkan perbahasan di peringkat dasar am ini pada jam 6.00 petang. Saya akan minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab pada pukul 6.00 petang. Sekarang saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Teluk Anson.

5.38 *ptg.*

Tuan Au How Cheong (Teluk Anson): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Kerajaan khususnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana beliau telah membaharui janjinya pada 4hb April tahun ini bahawa Kerajaan sentiasa memberi perhatian khas supaya segala rancangan pembangunannya mencapai matlamat-matlamat yang telah ditetapkan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

Beberapa bulan dahulu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan bahawa naik turunnya masa depan politik beliau adalah bergantung kepada Rancangan Malaysia Ketiga juga. He staked his political future on the Third Malaysia Plan. Ini bermakna Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkeyakinan penuh matlamat-matlamat Rancangan Malaysia Ketiga boleh dan akan dicapai. Setiap rakyat yang bertanggungjawab harus menghargai niat (intention) Kerajaan yang baik serta ikhlas bahawa Kerajaan hendak membina sebuah negara yang maju dan bersatu padu. Tidak sesiapa patut meragu-ragukan tujuan baik Perdana Menteri. Walau bagaimanapun bukan setiap orang pegawai atau Menteri juga—minta maaf, yang mempunyai semangat sense of urgency yang dirasakan oleh Perdana Menteri.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyentuh tentang pencapaian matlamat semua projek dan perancangan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Tetapi masih terdapat projek-projek dan perancangan-perancangan di bawah Rancangan Malaysia Yang Kedua yang belum lagi dilakukan, jangan dikatakan telah siap.

Misalnya, mengikut Yang Berhormat Menteri Kesihatan dalam jawapan beliau kepada soalan saya pada 30hb Mac beliau berkata bahawa dari sejumlah 46 buah hospital yang dirancangan 10 tahun dahulu hanya 6 buah telah siap dan 4 buah lagi masih dalam pembinaan di Semenanjung Malaysia. Hospital Daerah baru Teluk Anson telah mula dirancangan dalam tahun 1971 tetapi dalam tahun 1978 pokok-pokok getah atas tapak hospital itupun belum lagi ditebang. Bagi selama lebih 25 tahun penduduk-penduduk Teluk Anson telah meminta supaya sebuah bandar baru didirikan

kerana bandar lama itu sedang diancam oleh hakisan dan banjir. Tetapi malangnya hingga kini tidak sesiapa pun yang menghulur tangan pertolongan dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, hasrat baik Perdana Menteri adalah kawannya tetapi masa mungkin menjadi musuhnya kerana masa itu tidak menunggu sesiapa jua pun. Jadi janganlah kita meletakkan tanggungjawab membina negara itu atas bahu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri seorang sahaja. Kita harus turut memainkan peranan kita masing-masing supaya membantu dalam usaha mencapai matlamat yang mulia itu. Marilah kita bersama-sama mengikut jejak langkah Perdana Menteri dan terus mara ke hadapan supaya cita-citanya dapat dipenuhi dan akan membawa hasil yang diidam-idamkan.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya ingin menyatakan banyak peruntukan tambahan yang diminta dalam Rang Undang-undang ini ialah bertujuan membiayai gaji di bawah tanggagaji baru. Ini bermakna Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan di bawah Kerajaan Persekutuan ataupun Kerajaan-kerajaan Negeri akan mendapat bantuan atau grant untuk menyelesaikan gaji baru atau tunggakan. Tetapi Kerajaan-kerajaan Tempatan adalah kurang bernasib baik. Adalah hakikatnya bahawa kedudukan kewangan Pihakberkuasa-pihakberkuasa itu sangat buruk. Mereka terpaksa meminjam daripada Kerajaan Negeri untuk melaksanakan tanggagaji baru. Sudah tentulah Kerajaan-kerajaan Tempatan itu tidak sanggup membayar balik pinjaman itu.

Oleh yang demikian, saya merayu kepada Kerajaan supaya bantuan khas diberi kepada Kerajaan-kerajaan Tempatan dengan cara langsung atau tidak langsung untuk tujuan tertentu itu atau pinjaman yang telah diberi kepada mereka dianggap sebagai grant supaya pinjaman yang diperolehi itu tidak payah dibayar balik. Sekianlah sahaja, terima kasih.

5.45 *ptg.*

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin (Sepang): Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri menyokong penuh di atas Rang Undang-undang ini. Saya cuma hendak menyentuh tiga perkara di atas perkara-perkara yang telah disentuh oleh Yang

Berhormat Timbalan Menteri semasa menghuraikan pembacaannya kepada Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama saya hendak menyentuh berkenaan dengan Kertas Perintah 10 tahun 1978 berkenaan dengan B. 8—Jabatan Perdana Menteri di Pecahan (3) di mana semasa menghuraikan pembentangan tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada merujuk kepada perkara ini yang mana di situ dinyatakan sebahagian daripada wang ini diperlukan untuk pembayaran bil-bil api dan air bagi Rumah Sabah dan rumah-rumah peranginan di Morib.

Sejauh yang saya faham, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada rumah Persekutuan di Morib. Walau bagaimanapun, saya suka hendak mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan.

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan. Bukan rumah Persekutuan Morib, tetapi rumah peranginan Morib yang saya katakan tadi.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Begitu juga kalau rumah peranginan di Morib, saya juga kurang pasti samada ada rumah peranginan Kerajaan Persekutuan di Morib. Walau bagaimanapun kalau saya tersilap saya mengakuilah kesilapan saya, tetapi setakat yang saya tahu tidak ada juga rumah peranginan Kerajaan Persekutuan di Morib.

Satu lagi perkara yang saya suka hendak sentuh, Tuan Yang di-Pertua, di bawah perkara B. 8 juga iaitu Jabatan Perdana Menteri berkenaan dengan jumlah wang sebanyak \$1,484,021 yang mana sebanyak \$490,510 daripadanya telahpun diasingkan bagi membeli 14 buah kereta untuk kegunaan Persidangan ASEAN dan sejumlah \$138,000 bagi membeli kereta-kereta untuk kegunaan tetamu kehormat Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya membangkitkan perkara itu untuk bertanya apakah kereta-kereta yang ada sekarang tidak mencukupi dan tiap-tiap kali waktu persidangan seperti ASEAN maka terpaksa negara kita membeli berbagai-bagai kereta. Saya suka hendak menimbulkan amalan itu, adakah

ini satu amalan bahawa tiap-tiap kali ada persidangan yang besar seperti ASEAN, maka kita terpaksa membeli kereta-kereta yang baru? Sejauh yang saya faham bahawa Kerajaan Persekutuan ada kereta poolnya yang banyak juga bilangannya dan mengapakah tidak boleh kereta-kereta yang ada digunakan dan mengapakah amalan untuk membeli kereta-kereta yang baru sebanyak 14 buah dan selepas dibeli 14 buah itu, beli lagi untuk kegunaan tetamu-tetamu yang lain pula? Saya suka hendak bertanya dan mendapat sedikit penjelasan di atas perkara itu.

Di bawah kepala yang sama juga, Tuan Yang di-Pertua, ada sumbangan Kerajaan Persekutuan sebanyak \$286,511 kepada Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia untuk membina bangunan. Saya suka hendak bertanya adakah dasar Kerajaan memberi bantuan kewangan kepada persatuan-persatuan sukarela untuk membina bangunan sepertimana yang telah dibuat dan dicarumkan kepada Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia? Ini adalah satu perkara yang baik, saya tidak menentang dan tidak menegur di atas bantuan sebanyak lebih kurang hampir \$300,000 kepada sebuah badan sukarela. Cuma saya hendak merayu sekiranya Kerajaan sudahpun memberi wang sebanyak hampir \$300,000 kepada Persatuan Bulan Sabit Merah untuk pembinaan bangunan mereka, maka bolehkah Kerajaan menimbangkan sumbangan kepada badan-badan sukarela belia pula untuk pembinaan-pembinaan bangunan Persatuan-persatuan Belia? Kita bukanlah banyak sangat persatuan-persatuan belia di negara ini dan saya suka merayu untuk melanjutkan dan memancangkan dasar yang telah ada kepada Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia tadi dapat pula Kerajaan memberi bantuan bukan sahaja kepada Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia tetapi juga kepada Persatuan Belia sukarela yang lain yang mempunyai cadangan-cadangan untuk membina bangunan-bangunan mereka.

Satu lagi perkara, yang suka saya hendak bertanya, Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya iaitu di bawah Kepala yang sama lebih tepat lagi kepada Pecahan-kepala 4,100 di situ ada diperuntukkan sebanyak US\$15,000 bagi projek Asia and Pacific Centre for Women and Development. Saya suka hendak

bertanya apakah bendanya Asia and Pacific Centre for Women and Development ini yang mana kita telah mencarumkan sebanyak US\$15,000.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya pergi kepada Kepala B. 18 iaitu berkenaan dengan Perkhidmatan Bomba yang mana sekarang Perkhidmatan Bomba telah diambilalih oleh Kerajaan Persekutuan daripada Kerajaan Negeri. Satu daripada sebab mengapa Perkhidmatan Bomba telah diambilalih oleh Kerajaan Persekutuan ialah supaya Perkhidmatan Bomba dapat dinaikkan kepada suatu perkhidmatan yang lebih baik dan lebih cekap serta lebih kemas. Itulah sebenarnya yang utama mengapa Perkhidmatan Bomba telahpun diambilalih oleh Kerajaan Persekutuan.

Malangnya, di setengah-setengah tempat bukannya perkhidmatan itu sudah bertambah baik malah perkhidmatan itu mulai merosot setelah diambilalih oleh Kerajaan Persekutuan. Contohnya, di kawasan saya iaitu Sepang, telah berlaku satu kebakaran dalam masa dua bulan yang lalu. Jarak tempat kebakaran dengan Balai Bomba tidak jauh daripada empat batu. Tetapi bomba itu sampai ke tempat kebakaran memakan masa lebih daripada 40 minit. Dan apabila bomba itu sampai ke tempat kebakaran itu, malangnya bomba tidak ada membawa air oleh kerana tangkinya sudahpun bocor dan apabila dia sampai ke tempat itu airnya sudahpun tidak ada di dalam tangki bomba itu. Apabila ditanya kepada pegawai berkenaan mengapa tangki bomba itu bocor, maka pegawai itu telah menyatakan bahawa kami telah mengadu kepada pihak yang berkenaan supaya kebocoran itu diperbaiki. Tetapi tidak dapat apa-apa kelulusan untuk memperbaiki tangki bomba itu. Maka akibatnya kereta bomba yang ada di daerah saya—Sepang, yang hanya sebuah itu tidak membawa air. Akibatnya daripada peristiwa dua bulan yang lalu itu, Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya nyatakan, maka rumah itu musnah habis dijilat api. Habis semua, langsung tidak dapat diselamatkan oleh Perkhidmatan Bomba.

Malah apabila bomba itu sampai dan apabila rakyat melihat pihak bomba telah membawa air, mereka menepok tangan memperli Perkhidmatan Bomba yang tidak boleh buat

sesuatu pun kerana tidak ada air di dalam tangki bomba itu. Perkara semacam itu menjatuhkan imej Kerajaan Persekutuan yang mana telahpun mengambilalih Perkhidmatan Bomba daripada Kerajaan-kerajaan Negeri. Maka saya sungguh-sungguh berharap kepada Kerajaan Persekutuan hendaklah memberi perhatian yang seberat-beratnya kepada Perkhidmatan Bomba supaya perkhidmatan yang Kerajaan beri benar-benar dapat memberi kepuasan dan kesan yang baik kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya pula menyentuh Kepala P. 26 berkenaan dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang mana wang sebanyak \$150,000 telahpun dibelanjakan untuk menurap semula bitumen track di Stadium Merdeka untuk kemudahan sukan Asia Tenggara Kesembilan di Kuala Lumpur.

Apa yang menyedihkan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa bitumen track ini pada hari ini sudah dikatakan obsolete. Negara-negara yang maju di dalam lapangan olahraga tidak lagi menggunakan track bitumen dan sekarang mereka menggunakan track lain iaitu satu track yang mana saya tidak dapat ingat tetapi bukan bitumen, tetapi tracknya menggunakan getah sebagai bahan asas dan kita sebagai sebuah negara yang mengeluarkan getah yang terbesar di dunia maka kitalah sepatutnya menggunakan track getah ini yang sekarang menjadi track yang telah diakui terbaik dan termoden di dunia dan mana-mana juga negara yang maju menggunakan jenis track getah ini dan tidak lagi menggunakan bitumen. Jadi sekiranya olahragawan dan olahragawati kita hendak meningkatkan mutunya hingga sampai ke peringkat Asian, dunia ataupun Komonwel maka saya fikir baik adalah sekurang-kurangnya kita mesti mempunyai satu track getah bagi kegunaan di negara kita ini. Pada hari ini tidak ada satu pun track semacam ini bagi kegunaan olahragawan dan olahragawati. Maka saya cuma berharap bahawa Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dapat memikirkan untuk mengadakan kemudahan sekurang-kurangnya satu track yang bitumen tetapi track menggunakan getah sebagai kemudahan untuk olahragawan dan olahragawati di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang suka saya hendak sentuh ialah berkenaan dengan Kepala B. 55 Kementerian Perhubungan, berhubung dengan Pusat Kawalan Trafik Udara Kawasan yang mana kita memerlukan membayar kepada Kerajaan Singapura sebanyak \$1 juta. Apakah bayaran ini yang kita terpaksa beri kepada Kerajaan Singapura yang berjumlah \$1 juta ini yang bersabit dengan Pusat Kawalan Trafik Udara Kawasan. Ini satu perkara yang saya suka hendak mendapat sedikit penerangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan.

Sekarang saya sentuh pula, Tuan Yang di-Pertua

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat masa Ahli Yang Berhormat bercakap sudah sampai. Kalau ada lagi boleh sambung dalam peringkat Jawatankuasa tetapi tidak boleh sentuh secara am lagi.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Jemput Yang Berhormat Menteri-menteri menjawab.

6.00 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada dua orang Ahli Yang Berhormat iaitu Ahli Yang Berhormat dari Mukah dan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor yang telah menimbulkan beberapa perkara mengenai Kementerian Kesihatan.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor telah menyatakan satu keadaan penyakit kulit yang telah berlaku di kawasan Kuala Selangor. Beliau bertanya samada ini adakah disebabkan chemical, racun-racun serangga ataupun air yang telah dicemarkan oleh bahan-bahan kimia ini. Apa yang dapat saya katakan di sini, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ini merupakan satu perkara yang specific, maka inginlah saya memberi pengakuan kepada Yang Berhormat itu perkara ini akan disiasat dan saya akan mengarah pihak Jabatan Perubatan dan Kesihatan Negeri Selangor untuk mendapat maklumat mengenai perkara ini dan jika perlu tindakan yang sewajarnya akan diambil.

Ahli Yang Berhormat dari Mukah telah menimbulkan empat perkara;

- (i) kekurangan doktor;
- (ii) kekurangan pakar-pakar untuk berkhidmat di luar bandar;
- (iii) dispensary di Dalat; dan
- (iv) permohonan supaya ditambahkan lagi sekolah-sekolah jururawat dan pengambilan jururawat-jururawat.

Mengenai dispensary di Dalat saya rasa Yang Berhormat Menteri Kesihatan dalam menggulung perbahasan pada hari kelmarin telahpun menjawab perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Jadi untuk menjimatkan masa saya tidaklah berhajat hendak mengulas lagi perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kekurangan doktor saya memanglah bersimpati dengan sentimen yang telah disarankan oleh Yang Berhormat itu terutama sekali mengenai perkhidmatan perubatan dan kesihatan di luar bandar. Adalah menjadi hasrat Kerajaan supaya perkhidmatan kesihatan dan perubatan di luar bandar diberi keutamaan. Dalam hubungan ini umpamanya di Semenanjung Malaysia beratus-ratus klinik dalam Rancangan Malaysia Ketiga sahaja akan dibangun, begitu juga di Sabah dan Sarawak.

Mengenai kekurangan doktor ini adalah satu masalah yang besar yang kita hadapi bukan sahaja di negara kita ini bahkan beberapa negara yang lain dan bukan sahaja di Sarawak ataupun Sabah bahkan di beberapa buah negeri di Semenanjung Malaysia. Saya memang amat sedar betapa teruknya keadaan kekurangan doktor di Sarawak dan di Sabah dan tindakan-tindakan yang sewajarnya telah dan sedang diambil dan akan diambil untuk mengatasi masalah ini. Pada masa ini negeri Sarawak, kalau saya tidak salah, ada 15 orang doktor pelatih yang akan tamat latihan dalam bulan Jun dan daripada 15 orang ini 13 telah menyatakan hasrat mereka untuk berkhidmat dengan pihak Kerajaan. Jadi dengan adanya mereka-mereka ini nanti maka dapatlah kita mengurangkan sedikit keadaan kekurangan doktor di negeri Sarawak.

Selain dari itu pihak Kerajaan juga mengambil doktor-doktor berkelayakan dari luar negeri untuk bekerja sebagai pegawai kontrak

di Sarawak, begitu juga pakar-pakar daripada luar negeri dan keadaan ini akan berlanjutan sekurang-kurangnya sehingga universiti-universiti kita sendiri dapat mengeluarkan banyak lagi doktor-doktor untuk berkhidmat di negara kita. Kita harus memahami bahawa dalam tahun 1977 ada lebih kurang 2,922 orang doktor yang berdaftar di Malaysia ini dan dari angka ini hanya 1,648 sahaja berkhidmat dengan Kerajaan, ini dibahagikan kepada 13 buah negeri. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa keadaan sekarang adalah lebih baik daripada keadaan beberapa tahun dahulu di mana kita sangat-sangat kekurangan doktor. Sebagai satu contoh di Miri di mana saya sendiri pernah berkhidmat, dalam tahun 1965 di sana hanya ada 3 orang doktor, sekarang ada 8 dan 3-4 orang ialah doktor pakar selain daripada lima orang doktor-doktor yang menjalankan klinik-klinik prebet. Begitu juga di kawasan-kawasan lain di dalam dan di luar bandar.

Mengenai pakar-pakar untuk berkhidmat di luar bandar memanglah menjadi hasrat Kerajaan untuk meninggikan lagi taraf perkhidmatan dan kesihatan di luar bandar. Oleh itu adalah menjadi tujuan Kerajaan supaya pada satu masa yang akan datang kita akan dapat meletak pakar-pakar di hospital-hospital daerah yang besar supaya mereka yang tinggal berhampiran dengan hospital daerah itu dapat juga menikmati perkhidmatan kepakaran ini, tetapi ini terpaksa mengambil masa yang panjang sedikit.

Dalam usaha Kerajaan memperbaiki lagi dan meninggikan mutu perkhidmatan kesihatan dan perubatan di luar bandar pihak Kerajaan terutama sekali di Sarawak telah mengadakan beberapa jenis kakitangan umpamanya jururawat desa yang khas untuk diletakkan di kawasan-kawasan luar bandar.

Mengenai pembesaran sekolah jururawat dan pengambilan banyak lagi pelatih-pelatih, sukalah saya mengumumkan di sini bahawa di negeri Sarawak satu sekolah untuk jururawat desa akan dibina sebagai tambahan di satu kawasan yang bernama Serian. Dan saya difahamkan bahawa sekolah ini akan didirikan pada penghujung tahun ini dan akan dapat mengambil banyak jururawat-jururawat desa untuk memenuhi kehendak-kehendak rakyat di sana.

Saya juga telah difahamkan bahawa pihak sekolah-sekolah jururawat di Semenanjung Malaysia mungkin dapat memberi beberapa tempat untuk melatih bakal-bakal jururawat dari negeri Sarawak.

Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada beberapa perkara yang telah dibangkitkan dan perkara-perkara yang saya tidak dapat jawab saya akan ambil perhatian.

6.08 ptg.

Menteri Tak Berpotfolio (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh dua perkara sahaja yang ada berkait secara langsung dengan Jabatan Perdana Menteri.

Pertamanya berkenaan dengan kenaikan pencen yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Alor Star. Suka saya menyatakan di sini seimbang pula dengan hasrat Kerajaan untuk mengenangkan budi pesara-pesara kita terutamanya mereka yang dhaif maka Kerajaan telahpun membuat keputusan untuk memberi tambahan pencen kepada pesara-pesara yang tertentu. Tambahan pencen yang telah dipersetujui ialah sebanyak 20% daripada pencen-pencen penuh yang akan diberi kepada semua pesara yang bersara di bawah Skim Gaji Suffian. Skim Gaji Aziz dan pesara-pesara yang bersara dengan faktor 1/600 kerana mereka ini mendapat pencen yang sangat kecil. Tambahan pencen ini tidak dilangsungkan kepada mereka yang bersara di bawah Skim Gaji Harun. Keputusan ini adalah berkuatkuasa mulai 1hb Julai, 1977. Untuk melaksanakan keputusan ini bahawa Kerajaan akan mewujudkan satu elaun baru yang mengandungi tambahan 20% dari pencen penuh serta unsur-unsur yang bersamaan dengan Elaun Tambahan dan Elaun Bantuan Khas, jika berkenaan menurut kadar yang dipakai sekarang.

Sukacita, Tuan Yang di-Pertua, saya maklumkan bahawa keputusan tambahan pencen sebanyak 20% daripada pencen penuh ini adalah juga dilanjutkan kepada pesara-pesara di Sabah dan Sarawak yang menerima pencen di bawah Undang-undang Pencen di negeri itu dan juga kepada pesara-pesara Polis dan Angkatan Tentera yang berkenaan.

Oleh kerana tambahan pencen ini adalah berdasarkan kepada keadaan tempatan maka Kerajaan telah memutuskan juga iaitu ianya dihadkan kepada pesara-pesara yang bermastautin di Malaysia sahaja. Bahagian Pencen, J.P.A. adalah sekarang sedang giat membuat persediaan untuk melaksanakan pembayaran tambahan pencen ini kepada pesara-pesara yang berkenaan dan dijangka bahawa pembayaran ini boleh dilakukan mulai pertengahan bulan Mei tahun ini. Kerajaan memanglah sedar tentang perasaan pesara-pesara yang telah mengharapkan kenaikan pencen mereka akibat daripada keputusan Kerajaan untuk memberi kenaikan gaji kepada pekerja-pekerjanya yang sedang berkhidmat. Pertimbangan untuk membela nasib pesara-pesaranya tidak juga dilupakan. Adalah diharapkan bahawa dengan tambahan pencen ini pesara-pesara akan dapat sedikit relief daripada tekanan hidup yang dialami sekarang akibat daripada punca ekonomi yang tidak diingini.

Satu segi aspek lagi berkenaan dengan pencen yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor iaitu mencadangkan supaya pencen kepada kakitangan-kakitangan kita yang telah bersara dan telah bermastautin di luar negeri supaya pencen itu ditamatkan. Suka saya menyatakan di sini, cadangan itu memang tidak dapat ditimbangan kerana pencen itu adalah satu hak di bawah Undang-undang kita yang tidak dapat dihapuskan, walaupun kakitangan-kakitangan kita telah bersara dan telah bermastautin di luar negeri.

Lagi satu perkara, yang telah disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Alor Setar mengenai Biro Pengaduan Awam. Beliau telah meminta supaya sedikit penjelasan diberi atas fungsi-fungsi biro itu supaya orang ramai kita dapat lebih faham tentang itu. Bersabit dengan soalan Biro itu Kerajaan memang sedar ia ada memainkan peranan penting dalam usaha Kerajaan bagi mengadakan perkhidmatan awam yang secekap-cekapnya bagi kebaikan rakyat kita. Sejak pengujudannya pada 23hb Julai, 1971 Biro itu telah menyelenggarakan tugas-tugas dan tanggungjawab-tanggungjawab dengan cekap dan berkesan. Kecekapan dan kekesanannya

telahpun dihargai oleh mereka yang telah mengguna perkhidmatan Biro ini seperti mana yang dibuktikan oleh bilangan surat-surat penghargaan yang datangnya daripada pengadu-pengadu yang semakin meningkat, iaitu 217 dalam tahun 1975, 238 dalam tahun 1976 dan 266 dalam tahun 1977. Menjelang akhir tahun 1977 Biro ini telah menerima sebanyak 22,994 aduan dan telah memproses sebanyak 15,769 daripadanya. Sebanyak 7,225 aduan telah tidak diproses kerana aduan-aduan itu adalah berkaitan dengan perkara yang bersifat persendirian atau peribadi, perkara-perkara perkhidmatan, perkara-perkara yang bersifat kehakiman atau *sub judice* serta aduan-aduan yang remeh dan surat-surat layang. Dalam tahun 1977 sahaja sebanyak 2,888 aduan telah diterima dan 2,221 telah diproses.

Perangkaan-perangkaan yang disebutkan itu membuktikan dengan ternyata kecekapan dan kebolehan Biro ini kerana Biro ini bukan sahaja ditugaskan untuk menerima, menimbang, menapis dan mendapatkan penjelasan atau pembelaan bagi aduan-aduan mengenai sesuatu tindakan pentadbiran yang dirasai ada menjejaskan kepentingan orang ramai atau adalah mengenai sesuatu kelemahan dalam jentera pentadbiran Kerajaan, malahan ia ada juga ditugaskan memberi maklum-balas kepada Kerajaan mengenai perkara-perkara pentadbiran dan mengesan bidang-bidang masaalah dalam perjalanan jentera pentadbiran supaya tindakan pembedulan dapat diambil di mana didapati perlu. Di samping itu ia juga diwajibkan mengesan kejadian-kejadian ketiadaan keadilan sosial atau tanda-tanda dan sebab-sebab yang mendatangkan ketiadaan keadilan sosial samada dalam sektor awam, dalam sektor swasta dan mengemukakan syor-syor dasar kepada Kerajaan bagi membetulkan keadaan itu. Namun begitu, walaupun Biro ini telah menyelenggarakan tugas-tugas dan tanggungjawab-tanggungjawab dengan cekap, licin dan berkesan, Kerajaan sedar bahawa kekesanannya boleh diperbaiki lagi demi kepentingan menjamin supaya perkhidmatan-perkhidmatan yang diberi kepada orang ramai bukan sahaja adalah sentiasa memuaskan, malahan dapat sentiasa diperbaiki lagi. Oleh yang demikian, satu pasukan petugas telah dilantik dalam

tahun 1976 untuk mengkaji semula perjalanan Biro ini dan mengemukakan syor-syor dan perakuan-perakuan bagi memperbaiki lagi gerakannya.

Perakuan-perakuan pasukan petugas itu telahpun diterima sebulat-bulatnya oleh Kerajaan. Antara perakuan utama itu ialah:

- (1) penubuhan sebuah Jawatankuasa Tetap Pengaduan Awam yang berkuasa bertindak terhadap agensi-agensi Kerajaan yang didapati melengah-lengahkan tindakan ke atas sesuatu perkara yang diadakan. Jawatankuasa ini adalah dianggotai oleh Ketua Setiausaha Negara, Ketua Pengarah Biro Siasatan Negara dan Ketua Pengarah Yunit Penyelidikan Sosio-Ekonomi dan Perancang Am, Jabatan Perdana Menteri.
- (2) tambahan bilangan pegawai-pegawai biro seimbang dengan beban kerja dan tanggungjawabnya.
- (3) pengujudan satu seksi khas untuk menyelidik dan bertindak ke atas sungutan-sungutan dan aduan-aduan yang tersiar dalam semua suratkhbar tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya langkah-langkah baru ini saya yakin Biro ini akan dapat menyelenggarakan tugas-tugasnya dengan lebih berkesan lagi. Adalah tidak dapat dinafikan bahawa dalam usaha menyelenggarakan tugas-tugasnya Biro ini bukan sahaja memerlukan pegawai-pegawai yang berpengalaman luas dan pelbagai mengenai semua bidang-bidang pentadbiran Kerajaan, malahan pegawai-pegawai itu harus juga mempunyai naluri persepsi (essence of perception) kerana setiap aduan dan jawapan terpaksa dihalusi dan dikaji untuk memperkenalkan cacatan-cacatan atau kekurangan-kekurangan yang menyebabkan kemunculan bidang-bidang masalah itu. Dewasa ini saya berpuas hati bahawa pegawai-pegawai Biro ini adalah pegawai-pegawai yang bukan sahaja berkebolehan menjalankan tugas-tugas mereka tetapi ada juga berdedikasi.

Bersabit dengan kes dalam mana si pengadu tidak berpuas hati dengan satu penyiasatan yang telah dijalankan oleh Biro ini, sukacitalah saya menjelaskan bahawa kes ini berpunca daripada ketidak-puasan hati si pengadu kerana pelan-pelannya untuk

membina bangunan-bangunan rumah-rumah orang bercuti di atas beberapa lot tanah di Mukim Si Rusa, Port Dickson telah ditolak dan suka saya menjelaskan, aduan ini telahpun disiasat dengan teliti dan tidaklah ada apa-apa penyelewengan jika itu yang dibayangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua, bersabit dengan publisiti, Kerajaan memang sedar bahawa adalah penting bagi rakyat disedarkan akan perkhidmatan Biro kerana kekesanannya tergantung sangat kepada rakyat mengetahui akan wujudnya Biro ini. Oleh itu apabila Biro ini ditubuhkan dalam tahun 1971, publisiti yang luas telahpun diberi melalui suratkhbar-suratkhbar dan R.T.M. Sejak itu publisiti ada juga diberi dari masa ke masa melalui kenyataan daripada pengarahnya dalam suratkhbar-suratkhbar tempatan, di samping itu Biro ini ada juga mengeluarkan satu mark mengenai gerakannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya akhiri dengan menyatakan saya adalah berpuas hati bahawa publisiti yang telah diberi itu adalah mencukupi dan tidaklah payah diadakan satu kempen secara besar-besaran.

6.20 ptg.

Timbalan Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Tuan S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, saya suka memberi penjelasan atas satu perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sepang mengenai kes kebakaran di Tanjong Sepat baru-baru ini yang mana menurut Ahli Yang Berhormat itu kereta bomba yang menjalankan operasi didapati bocor. Perkara ini akan disiasat oleh Kementerian ini. Walau bagaimanapun, pihak Jabatan Perkhidmatan Bomba telah memperuntukkan satu unit kereta bomba untuk Balai Bomba di Sepang sebaik sahaja pesanan bekalan kereta bomba baru sampai dari luar negeri dalam pertengahan tahun ini.

6.21 ptg.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Rais Yatim): Tuan Yang di-Pertua, saya suka menjelaskan kedudukan masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus berhubung dengan tiadanya rapat umum bagi pilihan-raya di negeri Kelantan baru-baru ini.

Sesungguhnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Dewan yang mulia ini sudahpun menerangkan suasana yang memerlukan tindakan-tindakan seperti yang telah dijalankan oleh pihak-pihak berkenaan dan di atas pertimbangan keselamatan semata-mata maka telah diputuskan bahawa tidak wajar diadakan rapat umum dalam pilihan-raya tersebut, setelah penelitian yang sangat rapi dijalankan oleh pihak-pihak berkuasa berhubung dengan keselamatan dalam negeri.

Beliau telah membangkitkan bahawa menurut dakwaannya ada rapat-rapat umum diadakan di pusat-pusat tertentu terutama bila Menteri-menteri Pusat pergi ke Kelantan. Sebenarnya perjumpaan-perjumpaan tersebut adalah diadakan dalam dewan-dewan dan dalam kawasan-kawasan rumah dan tidak dalam lapangan ataupun padang-padang yang terbuka sebagaimana takrif rapat umum itu diterima. Oleh yang demikian, dakwaan beliau itu tidaklah tepat dan pihak Kerajaan tidak ada menggalakkan rapat-rapat umum seperti yang didakwa oleh beliau itu.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor membangkitkan tentang permit pekerja dan juga permit masuk dan menyatakan bahawa ada pelancung-pelancung yang menggunakan tourist visa yang digunakan untuk pekerjaan. Oleh kerana beliau tidak ada memberi maklumat-maklumat yang tepat, maka moleklah sekiranya Ahli Yang Berhormat itu memberitahu Kementerian ini agar penelitian dapat dijalankan.

6.24 ptg.

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu mengucapkan ribuan terima kasih atas semua komen-komen serta syor-syor yang telah dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang bangun membahaskan Rang Undang-undang ini. Saya hanya ingin untuk menyentuh empat perkara yang tidak disentuh oleh rakan-rakan saya daripada Kementerian-kementerian yang lain.

Perkara yang pertama dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Alor Star mengenai penyelarasan apabila perbelanjaan dan juga projek-projek dijalankan. Penyelarasan ini

telahpun ada di antara Kerajaan Persekutuan juga Kerajaan-kerajaan Negeri, misalnya melalui beberapa jawatankuasa-jawatankuasa tertentu khusus untuk mengadakan koordinasi ini, seperti National Finance Council ataupun jawatankuasa lain yang mana terdapat wakil daripada Kerajaan Pusat dan juga wakil dari Kerajaan-kerajaan Negeri. Contohnya, jawatankuasa-jawatankuasa yang mana dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, dihadiri oleh Menteri-menteri Besar atau Ketua-ketua Menteri atau wakil masing-masing dan juga jawatankuasa-jawatankuasa yang dibentuk seperti Jawatankuasa Penyelaras yang dihadiri oleh pegawai-pegawai daripada kedua-dua pihak Kerajaan. Begitu juga dengan adanya State Planning Unit di peringkat-peringkat negeri untuk mengadakan kerja-kerja penyelarasan projek-projek pembangunan.

Perkara yang kedua dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tumpat ialah mengenai pengawasan perbelanjaan di atas kakitangan atau tenaga kerja iaitu memandangkan, kata beliau, daya keluaran dan juga efficiency pekerja-pekerja kita nampaknya menurun. Di sini saya ingin menegaskan bahawa ada dijalankan kerja-kerja pengawasan terhadap penggunaan tenaga pekerja atau kakitangan Kerajaan di negara kita ini, misalnya di Kementerian Kewangan sendiri, Bahagian Belanjawan adalah meneliti dengan rapi di dalam masa diadakan budget examination penggunaan tiap-tiap kakitangan di tiap-tiap Jabatan yang memohon berkehendakkan peruntukan untuk kakitangan. Iaitu ditinjau samada perlu atau tidak kakitangan itu, perlu atau tidak post-post yang diminta itu dan juga apakah jenis kerja dan masa kerja atau beban tugas yang dijalankan supaya dipastikan tiap-tiap perbelanjaan ke atas kakitangan itu memang wajar dan diperlukan.

Dua perkara lain yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sepang ialah mengenai kereta-kereta baru yang dibeli untuk Persidangan ASEAN. Sebenarnya, 14 buah kereta baru telah dibeli untuk persidangan ini, 7 Mercedes 200, 7 Mercedes 280. Yang 7 Mercedes 200 itu telahpun dibahagikan kepada Jabatan-jabatan Kerajaan

yang sememangnya memerlukan kereta-kereta tersebut dan yang 7 Mercedes 280 itu telahpun digunakan untuk menggantikan kereta-kereta lama Menteri.

Tentang penjelasan yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat dari Sepang mengenai rumah peranginan di Morib, sememangnya Kerajaan baru sahaja siap membina beberapa buah rumah peranginan di Morib khusus untuk kegunaan kakitangan Kerajaan dan keluarga-keluarga mereka.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, manamana perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak disentuh samada oleh rakan-rakan saya terlebih dahulu dan juga saya adalah diambil perhatian dan akan diambil tindakan di mana yang perlu oleh Kementerian-kementerian serta Jabatan-jabatan yang berkenaan. Terima kasih.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan dipersetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Usul yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan bahawa sejumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$31,816,602 dan sejumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$147,536,670 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan masing-masing bagi tahun kewangan 1976 dan 1977, dan bagi menampung maksud kepala-kepala dan pecahan-pecahan kepala perbelanjaan yang dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 11 tahun 1978 bagi wang tambahan untuk tahun 1976 dan Kertas Perintah 13 tahun 1978 bagi wang tambahan untuk tahun 1977, diuntukkan jumlah-jumlah yang dinyatakan dalam ruangan sembilan dan sepuluh dan lapan dan sembilan bertentangan dengan Kepala-kepala dan pecahan-pecahan kepala dalam Kertas Perintah 11 tahun 1978 dan Kertas Perintah 13 tahun 1978 masing-masing.

Majlis Mesyuarat menjadi sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri mewakili Jabatan Perdana Menteri untuk mengemukakan Kepala Bekalan B. 10 untuk Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga dan Anggaran Tambahan Belanja Mengurus Yang Kedua serta Anggaran Tambahan Pembangunan bagi tahun 1977 di bawah Kepala B. 2, B. 4, B. 7, B. 8, B. 9 dan B. 11 bagi Belanja Mengurus Tambahan Kedua tahun 1977 dan B. 10 bagi tambahan Belanja Mengurus Yang Ketiga dan P. 8 bagi Pembangunan Tambahan Kedua.

Sekarang saya silakan Yang Berhormat Menteri dan saya harap sebelum Yang Berhormat mulakan, saya harap kerjasama daripada Yang Berhormat Menteri-menteri, saya harap kemukakan dengan ringkas kerana tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan dalam masa mengemukakan Rang Undang-undang ini dan usul ini sudah meliputi semua Kepala-kepala Pembangunan atau Pengurusan ini, begitu juga pada menjawabnya. Saya minta kerjasama daripada Yang Berhormat Menteri-menteri. Sila.

Kepala B. 10 (Jadual Pertama)—

Kepala B. 2, B. 4, B. 7, B. 8, B. 9 dan B. 11 (Jadual Kedua)—

Kepala P. 8 (Anggaran Pembangunan (Tam.) (Bil. 2), 1977)—

6.29 ptg.

Menteri Tak Berpotfolio (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Pengerusi, saya mengesyorkan supaya Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga tahun 1976 di bawah maksud B. 10 berjumlah \$720 juta dan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua tahun 1977 berjumlah \$27,938,523 diluluskan dan menjadi sebahagian daripada Jadual dan Anggaran Pembangunan Tambahan Bil. 2 tahun 1977 berjumlah \$10 diluluskan.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi, sebenarnya semua perincian-perincian yang berkenaan telah dicatitkan dalam Kertas Perintah ke 8 tahun

1978 iaitu berkenaan dengan Kepala B. 10 dan bagi B. 2, B. 4, B. 7, B. 8, B. 9 dan B. 11 yang telah dicatatkan dengan halusnya dalam Kertas Perintah 10 tahun 1978. Dan oleh sebab itu, Tuan Pengerusi, saya fikir tidak usahlah saya ulangi perincian yang telah ada dalam memorandum-memorandum itu, hanya saya usulkan supaya Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga, 1976 dan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua, 1977 diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual dan Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2) Tahun 1977 diluluskan.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, peruntukan Kepala B. 10 dan Anggaran-anggaran Pembangunan (Tambahan) bagi Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk dibahaskan.

6.31 ptg.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Pengerusi, saya menyentuh Kepala B. 8, Pecahan-kepala (iv) berkenaan dengan perbelanjaan memperbaiki dan memajak York House di London selama 99 tahun. Saya suka hendak bertanya kalau boleh kemudahan York House itu diperluaskan untuk meliputi Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Dewan ini dan juga Ahli-ahli Dewan Senet. Sekarang ini kemudahan York House itu tidak meliputi Ahli-ahli Parlimen untuk menggunakannya sekiranya mereka ada urusan rasmi semasa mereka berada di London. Saya suka bertanya sekiranya boleh diperluaskan khidmat York House di London itu bagi meliputi Ahli-ahli Parlimen baik Dewan Rakyat atau Dewan Negara.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Pengerusi, cadangan itu akan dicatatkan dan diambil perhatian dan akan ditimbang dengan sewajarnya.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat tak boleh jadikan perkara ini sebagai satu perbahasan, tetapi boleh buat soalan sahaja dalam Dewan ini.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Pengerusi, perkara yang saya bangkitkan tadi masih belum berjawab iaitu berkenaan dengan pecahan-kepala 4100 Kertas Perintah 10 Tahun 1978, muka 12

berkenaan dengan Asia and Pacific for Women and Development yang mana kita telah mencarumkan sebanyak US\$12,435. Saya suka hendak bertanya apakah Asian and Pacific Centre for Women and Development dan ini pertama kali pernah didengar perkara ini. Saya suka mendapat maklumat secara ringkas apakah sebabnya kita terpaksa menyumbang wang sebanyak US\$12,435.

Puan Rafidah Aziz: Tuan Pengerusi, izinkan saya menjawab. Pusat itu ialah untuk mengadakan kajian-kajian dan juga apa-apa projek yang boleh mendatangkan faedah kepada wanita-wanita khususnya di kawasan negara-negara yang sedang membangun. Yang sebenarnya satu seminar telah diadakan baru-baru ini di Teheran di mana Malaysia dijemput wakilnya untuk menghadiri seminar di situ.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$720,000 untuk Kepala B. 10 dipertimbangkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; wang sebanyak \$36,742 untuk Kepala B. 2, \$789,656 untuk Kepala B. 4, \$412,840 untuk Kepala B. 7, \$20,932,758 untuk Kepala B. 8, \$5,736,527 untuk Kepala B. 9, \$30,000 untuk Kepala B. 11 dipertimbangkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua; dan wang sebanyak \$10 untuk Kepala P. 8 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1977.

Kepala B. 15 (Jadual Kedua)—

Kepala P. 15 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1977)—

6.35 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Dato' Haji Ramli bin Omar): Tuan Pengerusi, saya mohon izin untuk membentangkan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua iaitu Kepala B. 15 Tambahan Belanja Mengurus, Anggaran Peruntukan Tambahan sebanyak \$1,143,583 adalah diperlukan bagi membiayai belanja mengurus Kementerian saya iaitu oleh kerana pertambahan pegawai dan kakitangan baru yang telah datang untuk mengisikan jawatan-jawatan kosong yang sedia ada juga untuk membolehkan Kementerian saya melaksanakan, Lapuran Gaji

Baru Kabinet yang mana peruntukannya telah tidak dimasukkan pada masa anggaran 1977 disediakan. Dari jumlah \$1,143,583 itu \$1,059,383 adalah dikehendaki di bawah peruntukan gaji sementara. Bakinya \$84,000 bagi perbelanjaan-perbelanjaan lain yang juga bertambah oleh sebab-sebab yang diterangkan di atas.

Kepala P. 15, Pecahan-kepala 31

Tambahan peruntukan sebanyak \$2 juta adalah untuk Pecahan-kepala 31 oleh kerana pertambahan aktiviti kemajuan perkembangan yang baru dilaksanakan oleh Kementerian saya. Permintaan daripada orang ramai untuk mendapatkan peruntukan bagi melaksanakan projek-projek kecil telah meningkat setelah bidang kuasa Kementerian ini diperluaskan dan meliputi juga kampung-kampung tradisional dan sekitar kampung-kampung baru. Dengan bertambahnya projek-projek kecil yang perlu dilaksanakan maka peruntukan sebanyak \$4 juta yang telah diluluskan dahulu itu tidak mencukupi. Tambahan peruntukan yang diminta itu juga akan digunakan untuk membiayai pelaksanaan projek-projek yang tidak sempat disiapkan pada tahun 1976 terutama projek-projek yang mana peruntukannya diluluskan pada penghujung tahun 1976. Projek-projek sambungan ini dilaksanakan dengan menggunakan peruntukan tahun 1977.

Kepala P. 15, Pecahan-kepala 21

Pada tahun 1977, Sabah telah diberi peruntukan sebanyak \$4,022,000, peruntukan tambahan sebanyak \$1,808,000 adalah diperlukan bagi 6 buah projek perumahan awam kos rendah yang telah diluluskan pada akhir tahun 1976.

Tuan Pengerusi, saya mohon kelulusan Dewan bagi Anggaran Peruntukan Tambahan Kementerian di bawah Kepala B. 15 (Mengurus) berjumlah \$1,143,583 dan Kepala P. 15 berjumlah \$3,808,000 menjadi sebahagian daripada Jadual.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,143,583 untuk Kepala B. 15 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua; dan wang sebanyak

\$3,808,000 untuk Kepala P. 15 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1977.

Kepala B. 18 dan B. 19 (Jadual Kedua)—

6.39 ptg.

Timbalan Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Tuan S. Subramaniam): Tuan Pengerusi, saya memohon kelulusan bagi peruntukan tambahan sebanyak \$4,486,583 bagi Kepala B. 18, Jabatan Bomba Malaysia dan sebanyak \$134,547 bagi Kepala B. 19, Jabatan Arkib dan Perpustakaan Negara di bawah Anggaran Belanja Mengurus, Tambahan Kedua Tahun 1977.

Di bawah Anggaran Belanja Mengurus, Tambahan Kedua Tahun 1977, tambahan sebanyak \$4,486,583 adalah diminta bagi membiayai Anggaran Belanja Mengurus Jabatan Bomba Malaysia berkaitan dengan pengambilan alih pentadbiran Perkhidmatan Bomba Kerajaan-kerajaan Negeri oleh Kerajaan Persekutuan yang mula berkuatkuasa pada 1hb Januari, 1976. Daripada jumlah \$4,486,583 itu sebanyak \$4,355,524 adalah dikehendaki untuk bayaran imbohan balik (reimbursement) kepada Kerajaan-kerajaan Negeri bagi perbelanjaan-perbelanjaan yang dilakukan oleh Perkhidmatan Bomba Negeri bagi tahun 1976. Baki tambahan sebanyak \$131,059 adalah dikehendaki untuk membayar bil-bil yang tidak dijelaskan bagi tahun 1976 oleh Jabatan-jabatan Bomba peringkat Negeri-negeri yang telah diambil-alih oleh Kerajaan Persekutuan.

Di bawah Kepala B. 19 iaitu Jabatan Arkib dan Perpustakaan Negara peruntukan tambahan sebanyak \$134,547 adalah dikehendaki bagi perbelanjaan mengurus untuk membiayai Projek Pustaka Peringatan Tun Abdul Razak (PINTAR). Peruntukan tambahan ini adalah untuk membayar gaji-gaji dan elaun-elaun 12 orang pegawai dan kakitangan yang dilantik untuk memulakan kerja-kerja di bahagian PINTAR di samping perbelanjaan bagi mengadakan pameran-pameran koleksi-koleksi Allahyarham Tun Abdul Razak di bandar-bandar ibu negeri Pantai Timur dan Utara Semenanjung Malaysia.

Tuan Pengerusi, saya mohon izin tuan untuk mencadangkan bahawa perbelanjaan tambahan di bawah Anggaran Belanja Mengurus, Tambahan Kedua Tahun 1977 bagi Kepala B. 18, Jabatan Bomba Malaysia sejumlah \$4,486,583 dan bagi Kepala B. 19, Jabatan Arkib dan Perpustakaan Negara sejumlah \$134,547 itu diluluskan jadi sebahagian daripada Jadual.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$4,486,583 untuk Kepala B. 18 dan \$134,547 untuk Kepala B. 19 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Kepala B. 22 (Jadual Kedua)—

6.40 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Paul Leong Khee Seong): Tuan Pengerusi, saya mohon izin mengemukakan peruntukan tambahan bagi Kementerian Perusahaan Utama sebanyak \$279,976 di bawah Kepala Bekalan B. 22 dijadikan sebahagian daripada Jadual Kepala Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan, 1977.

Tuan Pengerusi, peruntukan tambahan ini adalah dikehendaki bagi membiayai Projek Central Belt iaitu satu projek penyiasatan kimiabumi yang bertujuan menyiasat serta menentukan potensi logam di kawasan tengah Semenanjung Malaysia. Projek ini dijalankan dengan bantuan daripada Canadian International Development Authority (CIDA). Peruntukan sebanyak \$279,976 yang telah didahulukan daripada Kumpulan-wang Luar Jangka adalah diperlukan bagi mendapat khidmat kepakaran dari CIDA dan pekerja-pekerja khas serta memperolehi alat-alat kelengkapan tertentu. Projek ini dijangka akan memakan masa lebih kurang 5 tahun di bawah pengelolaan 5 orang pakar dari Canada.

Tuan Pengerusi, saya mohon supaya peruntukan tambahan sebanyak \$279,976 dijadikan sebahagian daripada Jadual.

6.45 ptg.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Pengerusi, untuk penjelasan sedikit sahaja iaitu apakah projek Central Belt yang diperlukan perbelanjaan \$279,976

ini iaitu projek yang diberi nama Central Belt. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan memberi penjelasan berkenaan apakah yang hendak dicari dan apa yang diharapkan boleh mendatangkan faedah daripada projek Central Belt.

Tuan Paul Leong Khee Seong: Tuan Pengerusi, tujuan Central Belt ialah untuk menjalankan satu exploration tinjauan kimiabumi yang bermakna ke atas keseluruhan kawasan Central Belt dan juga untuk memberi perhatian khas kepada pencarian uranium mineralization. Kita juga mencari logam-logam yang lain di Central Belt.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$279,976 untuk Kepala B. 22 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Kepala B. 23 (Jadual Kedua)—

6.48 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu anak Saga): Tuan Pengerusi, saya mohon izin membentangkan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua, 1977 bagi Kementerian Pertanian seperti berikut:

Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua, 1977 melibatkan beberapa Badan Berkanun di bawah Kementerian ini yang memerlukan sebanyak \$6,912,484 bagi Pecahan-kepala 4100 iaitu Bayaran Pindahan kepada Badan-badan Berkanun. Dari jumlah tersebut \$5,224,684 adalah diperlukan bagi membiayai tunggakan dan gaji kakitangan Badan-badan Berkanun di bawah jagaan Kementerian ini berikutan pelaksanaan Lapuran Gaji Jawatankuasa Kabinet. Badan-badan tersebut dan jumlah tambah yang dikehendaki baginya adalah seperti berikut:

- (1) Lembaga Pemasaran Pertanian Malaysia (FAMA) \$460,000.
- (2) Lembaga Kemajuan Pertanian MUDA (MADA) \$658,175.
- (3) Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) \$158,920.

- (4) Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (MAJUIKAN) \$997,426.
- (5) Lembaga Pertubuhan Peladang \$2,950,163.

Sebanyak \$1,687,800 pula diperlukan bagi Lembaga Kemajuan Pertanian MUDA membeli 30 yunit jentera menuai padi untuk mengatasi kekurangan tenaga buruh diwaktu penuaian di kawasan MUDA. Masalah ini timbul berikutan kemarau panjang yang melewati jadual tanaman padi di kawasan itu.

Tuan Pengerusi, saya mohon peruntukan tambahan sebanyak \$6,912,484 di bawah Pecahan-kepala 4100 Kepala Bekalan B. 23 Belanja Mengurus, 1977 sepertimana yang dibentangkan menjadi sebahagian daripada Jadual.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$6,912,484 untuk Kepala B. 23 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Kepala B. 20 (Jadual Pertama)

Kepala B. 25 (Jadual Kedua)—

6.50 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Abdul Manan bin Othman): Tuan Pengerusi, saya mohon izin kelulusan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga tahun 1976 di bawah Kepala B. 20 yang berjumlah \$202,000 dan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua tahun 1977 di bawah Kepala B. 25 sebanyak \$2,590,000 bagi Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Segala keterangan-keterangan lanjut berhubung dengan peruntukan-peruntukan ini ada terkandung dalam Kertas Perintah Bilangan 8/78 dan Bilangan 10/78.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Pengerusi, jumlah wang sebanyak \$2 juta lebih telah diperuntukan kepada Lembaga Kemajuan Pelancungan untuk menggalakkan pelancungan. Saya suka

mendapat tahu apakah projek-projek yang termasuk dalam wang untuk dibelanjakan sebanyak \$2 juta ini untuk menggalakkan pelancungan ini.

Tuan Abdul Manan bin Othman: Tuan Pengerusi, galakan-galakan yang dibuat oleh Lembaga Kemajuan Pelancungan ialah mengenalkan Malaysia di seberang laut dengan mengadakan literature dan juga menghadiri seminar pelancungan di seberang laut.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$202,000 untuk Kepala B. 20 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan wang sebanyak \$2,590,000 untuk Kepala B. 25 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Kepala B. 55 (Jadual Pertama)

Kepala B. 26 (Jadual Kedua)—

6.53 ptg.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Pengerusi, kelulusan tambahan Belanja Mengurus yang terkandung dalam Kepala B. 55 sebanyak \$102,083 kerana membayar bonos kakitangan Muzium dan lain-lain perbelanjaan seperti yang dibutirkan di dalam Kertas Perintah 8/78.

Kedua, Belanja Mengurus di bawah Kepala B. 26 sebanyak \$3,416,276 kerana perbelanjaan mengurus pertandingan Sukan Asia Tenggara pada bulan November 1977 yang lalu dan telah berlangsung dengan jayanya. Butir-butir perbelanjaan terkandung dalam Kertas Perintah 10/78. Oleh itu saya mohon mencadangkan supaya Anggaran Perbelanjaan Tambahan dalam Kepala-kepala yang tersebut di atas diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

6.54 ptg.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Pengerusi, jumlah sebanyak \$150,000 telah diperuntukkan dan telah dibelanjakan untuk menurap semula bitumen track Stadium Merdeka. Saya suka hendak bertanya samada Yang Berhormat Menteri bercadang untuk hendak mengadakan satu track getah (rubberised track) bagi Stadium Merdeka kerana inilah yang nampaknya yang termaju track bagi kegunaan olahraga

pada masa ini dan harganya pun tidak lebih daripada \$150,000 mungkin \$200,000 lebih. Saya suka hendak bertanya, adakah Yang Berhormat Menteri bercadang untuk hendak memperbaiki lagi track ini dan ditukarkan track daripada bitumen kepada rubberised track.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Pengerusi, sebenarnya track di Stadium Merdeka itu adalah track yang dianggap tetap dan perbelanjaan sebanyak \$150,000 itu memanglah satu perbelanjaan yang agak besar. Tetapi itu hanya untuk menurap tambahan sahaja. Kalau dibuat baru, mungkin perbelanjaannya dianggarkan \$1 juta lebih. Jadi dalam keadaan sekarang ini track di Stadium Merdeka itu adalah dianggap baik. Yang kedua, ada track yang tetap juga di Kompleks Sukan di Kampung Pandan yang sekarang ini sudahpun dibuat dengan perbelanjaan yang besar juga dan dua track yang sebenarnya ada dalam Wilayah Persekutuan ini dan kita anggap ini adalah suatu track yang baik setakat ini.

Raja Dato' Nasron bin Raja Ishak: Tuan Pengerusi, saya hendak meminta penerangan mengenai peruntukan tambahan yang dikehendaki sejumlah \$1,072,000 sebagai sumbangan Kerajaan kepada Tabong Sukan Asia Tenggara ke Sembilan. Apakah sumbangan yang dimaksudkan itu?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Pengerusi, sumbangan ini seperti yang saya terangkan tadi perbelanjaan sebanyak \$3,416,276 termasuk perbelanjaan mengurus untuk menyelenggarakan sukan sebagai tuan rumah dalam Sukan Asia Tenggara. Jadi perbelanjaan yang menelan belanja sebanyak \$1,072,000 itu termasuklah latihan, makanan, transport, tambang-menambang dan sebagainya.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$102,083 untuk Kepala B. 55 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan wang sebanyak \$3,416,276 untuk Kepala B. 26 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Kepala B. 28 (Jadual Kedua)—

6.57 ptg.

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Pengerusi, peruntukan sebanyak \$51,080 adalah dikehendaki di bawah Kepala B. 28, Kementerian Pertahanan bagi membiayai pembayaran caruman pencen kepada 8 orang pegawai dan 17 orang anggota Tentera Laut India yang telah dipinjamkan untuk berkhidmat dengan Tentera Laut Di Raja Malaysia secara berperingkat-peringkat antara tahun 1966 hingga tahun 1975.

Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai dan anggota-anggota Tentera Laut India ini diambil berkhidmat dalam Tentera Laut Di Raja Malaysia secara pinjaman adalah sebagai sebahagian daripada tindakan yang diambil oleh Tentera Laut Di Raja Malaysia untuk memenuhi keperluan jangka pendek yang mendesak bagi pegawai-pegawai dan anggota-anggota teknikal.

Tambahan sebanyak \$51,080 adalah perlu bagi Pecahan-kepala 4500 Pencen dan Ganjaran, Belanja Mengurus Anggaran Tambahan Kedua, 1977 bagi Kementerian Pertahanan.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$51,080 untuk Kepala B. 28 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Kepala B. 23 (Jadual Pertama)

Kepala B. 29 (Jadual Kedua)—

6.58 ptg.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Pengerusi, saya bangun membentangkan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga tahun 1976 yang berjumlah \$32 juta di bawah Kepala B. 23, Pecahan-kepala 4100 Bayaran Pindahan dan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua tahun 1977 di bawah Kepala B. 29, Pecahan-kepala 3200 Kemudahan dan 4100 Bayaran Pindahan berjumlah \$66,305,964 bagi Kementerian Pelajaran.

Tambahan sebanyak \$30 juta untuk dibelanjakan dalam tahun 1976 adalah dikehendaki bagi membiayai pembayaran gaji dan bonos bagi kakitangan dan guru-guru di sekolah-sekolah menengah dan rendah dan bagi membiayai perbelanjaan bagi mengadakan mesyuarat Majlis Penasihat Hal Ehwal Pelajaran Ugama Islam dan bagi kursus intensif Bahasa Malaysia bagi guru-guru sekolah rendah yang telah diadakan dalam tahun 1976.

Jumlah tambahan sebanyak \$66,305,964 yang dikehendaki untuk dibelanjakan dalam tahun 1977 adalah bagi maksud-maksud yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya dalam Anggaran Belanja Mengurus tahun 1977 yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan 1977.

Tambahan sebanyak \$37,562,800 adalah dikehendaki bagi membiayai perbelanjaan berikut:

- (i) \$1,836,160 bagi mengadakan kursus matrikulasi sains, skim Latihan Tenaga Pengajar di Universiti Sains Malaysia dan untuk menampung kekurangan peruntukan dalam tahun 1976;
- (ii) \$880,000 bagi menubuhkan Pusat Asasi Sains, Universiti Malaysia;
- (iii) \$34,758,140 bagi membiayai tunggakan dan gaji kakitangan di Universiti-universiti dan Pusat-pusat Pengajian Tinggi berikutan dengan pelaksanaan Laporan Gaji Jawatankuasa Kabinet baru-baru ini;
- (iv) \$888,500 bagi membiayai kerja-kerja membina sekatan ruang pejabat Kementerian Pelajaran di Wisma Mirama.

Tambahan sebanyak \$28,743,164 adalah dikehendaki bagi membiayai pembayaran tunggakan gaji guru-guru Ugama di beberapa buah Negeri di Semenanjung Malaysia dan lain-lain perbelanjaan berikutan dengan pengambilalihan pentadbiran pelajaran Ugama Islam oleh Kerajaan Persekutuan dari Kerajaan-kerajaan Negeri.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$32,000,000 untuk Kepala B. 23 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan wang sebanyak \$66,305,964 untuk Kepala B. 29 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Kepala B. 25 (Jadual Pertama)—

Kepala P. 31 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1977)—

7.01 m/m.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Abdul Manan bin Othman): Tuan Pengerusi, saya mohon izin untuk mengemukakan perbelanjaan tambahan bagi tahun 1976 di bawah Kepala B. 25—Belanja Mengurus Kementerian Luar Negeri berjumlah \$3,800,000 dan di bawah Kepala P. 31 Anggaran Pembangunan Tambahan berjumlah \$4,346,000 untuk diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Segala keterangan-keterangan lanjut ada terkandung dalam Kertas Perintah Bil. 8 dan Bil. 14 tahun 1978.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$3,800,000 untuk Kepala B. 25 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama, dan wang sebanyak \$4,346,000 untuk Kepala P. 31 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1977.

Kepala B. 28 dan B. 29 (Jadual Pertama)

Kepala B. 33, B. 34 dan B. 36 (Jadual Kedua)

Kepala P. 32 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1977)—

7.04 m/m.

Puan Rafidah Aziz: Tuan Pengerusi, izinkan saya membentangkan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga bagi tahun 1976 dan Tambahan Kedua bagi tahun 1977 serta Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1977 untuk Kementerian Kewangan yang meliputi anggaran jabatan-jabatan yang termasuk di bawah portfolio

Kementerian Kewangan dan saya mencadangkan supaya peruntukan berikut ini diluluskan, iaitu:

- (a) Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga tahun 1976 di bawah Kepala B. 28 peruntukan kepada Kumpulanwang Terkanun berjumlah \$300,000,000. Kepala B. 29—Kastam dan Eksais Di Raja. Jumlah keduanya ialah \$302,800,000.
- (b) Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua tahun 1977 di bawah Kepala B. 3—Perkhidmatan Am Perbendaharaan sebanyak \$51,774,751. Kepala B. 34 peruntukan kepada Kumpulanwang Terkanun \$14,618,000. Kepala B. 36—Jabatan Hasil Dalam Negeri sebanyak \$469,104. Jumlah besarnya \$66,861,855.
- (c) Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2) tahun 1977 di bawah Kepala P. 32—Perbendaharaan berjumlah \$25,000,000 dan jumlah besarnya ialah \$394,661,855. Butir-butir lanjut telahpun saya berikan dalam ucapan-ucapan saya semasa membentangkan Rang Undang-undang Perberkalan Tambahan untuk tahun 1976 dan 1977 serta usul mengenainya.

Saya mohon mencadangkan.

7.05 mlm.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Pengerusi, adalah menjadi pengetahuan umum pada hari ini bahawa kebanyakan daripada Majlis-majlis Tempatan tidak mampu, tidak terdaya untuk membayar gaji kakitangan dan pekerja-pekerja di bawah Majlis Kerajaan Tempatan. Dengan hal yang demikian mereka telah membuat pinjaman-pinjaman yang tertentu dan mungkin pinjaman-pinjaman ini tidak akan dapat dibayar oleh kerana tidak kemampuan badan-badan yang tersebut. Dengan hal yang demikian, adakah Kementerian Kewangan bercadang untuk mengkaji suatu sekim bantuan subsidi memberi grant terus menerus kepada setengah-setengah daripada Majlis ataupun badan Kerajaan Tempatan yang memang tidak

mampu dan tidak boleh membayar gaji-gaji kakitangan mereka daripada punca pendapatan, cukai-cukai yang dikenakan oleh badan-badan tempatan itu. Terima kasih.

Puan Rafidah Aziz: Tuan Pengerusi, untuk menampung perbelanjaan-perbelanjaan Majlis-majlis Tempatan membayar gaji dan tunggakan di masa yang lepas ini akibat kenaikan kenaikan gaji dan sebagainya telahpun ada satu peruntukan kewangan diberi melalui pinjaman kepada Majlis-majlis Tempatan yang menghendaknya. Untuk masa akan datang telahpun ada dirumuskan formula-formula tertentu di mana Majlis-majlis Tempatan akan dapat peruntukan-peruntukan tertentu bagi membiayai kerja-kerja mereka iaitu mengikut garis-garis yang tertentu di dalam formula seperti yang disyorkan oleh Jawatankuasa yang ditubuhkan mengenainya.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$300,000,000 untuk Kepala B. 28, dan \$2,800,000 untuk Kepala B. 29 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; wang sebanyak \$51,774,751 untuk Kepala B. 33, \$14,618,000 untuk Kepala B. 34 dan \$469,104 untuk Kepala B. 36 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua; dan wang sebanyak \$25,000,000 untuk Kepala P. 32 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1977.

Kepala B. 37 (Jadual Kedua)—

7.08 mlm.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Pengerusi, saya mohon mengemukakan supaya peruntukan tambahan yang diperlukan oleh Kementerian Perusahaan Awam di bawah B. 37. Peruntukan ini ialah:

- (1) Untuk sewaan pejabat Kementerian dan kelengkapan;
- (2) Untuk mengisi stokpail beras oleh L.P.N.;
- (3) Untuk tunggakan gaji pekerja-pekerja projek-projek MARA termasuk EPF, sewa rumah dan bonos yang mana jumlah wang yang diperlukan ialah sebanyak \$70,633,059.

Pada keseluruhannya bagi Belanja Mengurus Tambahan di bawah Kementerian Perusahaan Awam untuk diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$70,633,059 untuk Kepala B. 37 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Kepala B. 32 (Jadual Pertama)

Kepala B. 38 (Jadual Kedua)

7.09 mlm.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Pengerusi, saya mohon mengemukakan Anggaran Tambahan bagi Kementerian Kesihatan di bawah peruntukan Belanja Mengurus Kepala B. 32 bagi tahun 1976 berjumlah \$11,000,000 dan bagi Kepala B. 38 bagi Anggaran tahun 1977 berjumlah \$70,000,000. Tambahan peruntukan berjumlah \$11,000,000 bagi Anggaran tahun 1976 adalah bagi Pecahan-kepala 1100 dan 1300 iaitu bagi menampung pembayaran bonos kepada kakitangan Kementerian Kesihatan bagi menampung kenaikan kadar caruman Kerajaan untuk Kumpulanwang Simpanan Pekerja.

Tambahan ini juga adalah disebabkan oleh pengisian beberapa jawatan di bawah Jabatan Perubatan Negeri Sarawak. Tambahan peruntukan berjumlah \$90,000,000 bagi Anggaran tahun 1977 adalah bagi membiayai pembayaran kenaikan gaji dan tunggakan akibat pelaksanaan Laporan Gaji Jawatankuasa Kabinet. Jumlah tambahan yang agak besar ini adalah disebabkan bilangan kakitangan Kementerian ini yang begitu banyak di seluruh Malaysia dan semua itu telah dibayar kenaikan dan tunggakan gaji dalam tahun 1977.

Tuan Pengerusi, saya mohon Majlis meluluskan menjadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-undang Perbelanjaan Tambahan peruntukan tambahan sebanyak \$11,000,000 bagi peruntukan Belanja Mengurus 1976 di bawah Kepala B. 32 dan \$70,000,000 bagi peruntukan Belanja Mengurus tahun 1977 di bawah Kepala B. 38

dan butir-butirnya masing-masing terkandung dalam Kertas Perintah 8/1978 dan Kertas Perintah 10/1978 yang dibentangkan.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$11,000,000 untuk Kepala B. 32 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan wang sebanyak \$90,000,000 untuk Kepala B. 38 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Kepala B. 34, B. 36, B. 38 dan B. 39 (Jadual Pertama)—

Kepala B. 39, B. 41 dan B. 44 (Jadual Kedua)

7.11 mlm.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Rais Yatim): Tuan Pengerusi, saya mohon kelulusan anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga 1976 bagi Kepala B. 34, B. 36, B. 38 dan B. 39 yang berjumlah \$33,915,000 dan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua 1977, Kepala B. 39, B. 41 dan B. 44 yang berjumlah \$18,009,600 diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

7.12 mlm.

Raja Dato' Nasron bin Raja Ishak: Tuan Pengerusi, menyentuh berkenaan dengan Kepala B. 39, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah meminta peruntukan tambahan bagi Kementerianya. Saya tidak dapat sentuh secara detail. Di sini saya suka membawa perhatian Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri berkenaan dengan kejadian-kejadian di kawasan saya, Kuala Selangor iaitu ada surat-surat beranak yang telah digunakan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab iaitu surat beranak dipunyai oleh orang-orang yang telah meninggal dunia, tidak diambil semula dan ini digunakan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab untuk menyeludupkan mereka yang datang ke Malaysia mengambil kad pengenalan dan sebagainya.

Kalaulah Kementerian berkenaan dapat menyiasat satu lapuran Report No. 1309/76 Batang Berjantai, perkara ini boleh dibuktikan. Saya percaya ada banyak perkara-perkara seperti yang saya katakan tadi berlaku pada tempat-tempat ataupun di pekan-pekan yang letaknya di tepi pantai.

7.14 *mlm.*

Tuan Rais Yatim: Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih di atas maklumat yang disampaikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor. Lapuran berhubung dengan kes surat beranak yang didakwa digunakan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab itu akan diambil tindakan untuk disiasat dan sekiranya Report No. 1309/76 ini sesungguhnya merupakan kenyataan, maka saya akan menguruskan supaya disiasat.

7.15 *mlm.*

Tuan Richard Dampeng anak Laki (Serian): Tuan Pengerusi, izinkan saya menyentuh sedikit berkenaan dengan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga 1976 dan Anggaran Kedua 1977, muka 3 bilangan 14 seperti yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sejumlah \$51,924,600.

Dalam hal ini saya suka membangkitkan perkara perbelanjaan mengurus dalam Bahagian Pendaftaran Beranak dan Mati, Perkahwinan, Anak Angkat khususnya bagi negeri Sarawak patutlah dimasukkan ke dalam Belanja Mengurus Tambahan ini oleh sebab kebanyakan tempat-tempat yang sudah saya lawati dalam negeri Sarawak ada menimbulkan banyak masalah-masalah untuk permohonan mendapatkan sijil beranak. Ada yang sebulan-hingga tiga tahun baru berhasil dan kadang-kadang langsung tidak berhasil. Sebab-sebab utamanya anak-anak ini dilahir tidak dilaporkan dalam waktu yang dikehendaki oleh Pejabat Pendaftaran Beranak dan Mati, Perkahwinan dan Anak Angkat kerana anak-anak ini dilahirkan di rumah panjang yang hanya diuruskan oleh bidan-bidan kampung yang tidak bertauliah. Anak-anak ini apabila dilahirkan tidak ada mempunyai apa-apa rekod sebab tidak dilaporkan kepada Kerajaan.

Ibu bapa mereka tidak mengetahui apakah pendaftaran beranak itu. Kebanyakan daripada mereka ini tinggal jauh di luar bandar.

Tuan Pengerusi: Tidak payah panjang-panjang Yang Berhormat? Teruskan kepada tujuannya sahaja.

Tuan Richard Dampeng anak Laki: Saya minta Yang Berhormat tambahkan wang untuk perbelanjaan ini.

7.17 *mlm.*

Tuan Rais Yatim: Pandangan Ahli Yang Berhormat dari Serian itu adalah diambil perhatian yang berat dan dalam menyediakan anggaran yang akan datang akan diambil kira sekali.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$32,000,000 untuk Kepala B. 34, \$14,000 untuk Kepala B. 36, \$945,000 untuk Kepala B. 38 dan \$956,000 untuk Kepala B. 39 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan wang sebanyak \$4,000,000 untuk Kepala B. 39, \$3,780,000 untuk Kepala B. 41 dan \$10,229,600 untuk Kepala B. 44 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Kepala B. 45 (Jadual Pertama)—

7.18 *mlm.*

Tuan Rais Yatim: Tuan Pengerusi, bagi pihak Menteri Undang-undang, sukalah saya memohon izin agar peruntukan Belanja Mengurus Tambahan Ketiga 1976 di bawah Kepala B. 45 berjumlah \$24,276 diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$24,276 untuk Kepala B. 45 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama.

Tuan Pengerusi: Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat.

Kepala B. 53 (Jadual Kedua)

Kepala P. 53 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1977)—

7.19 mlm.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Pengerusi, saya mohon izin mengemukakan Anggaran-anggaran untuk Belanja Mengurus (Tamb.) 1977 dan Anggaran Pembangunan (Tamb.) 1977 bagi Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar di bawah Kepala B. 53 dan P. 53 dalam Jadual Anggaran Perbelanjaan Mengurus (Tamb.) dan Anggaran Pembangunan (Tamb.) untuk diluluskan.

Anggaran Tambahan di bawah Kepala B. 53 berjumlah \$590,440 untuk perbelanjaan mengurus dan di mana butir-butirnya dirujuk kepada Kertas Perintah 10/1978.

Anggaran Tambahan di bawah Kepala P. 53 berjumlah \$2,947,330 untuk Perbelanjaan Pembangunan, butir-butirnya dirojokkan di bawah Kertas Perintah 14/1978.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya Anggaran Belanja Mengurus (Tamb.) dan Belanja Pembangunan (Tamb.) 1977 dijadikan sebahagian daripada Jadual, dan diluluskan.

7.20 mlm.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Pengerusi, di rimba Hutan Simpan Endau-Rompin ada terdapat beberapa ekor rhinoceros Sumatra yang begitu istimewa sekali kerana tidak ada terdapat di mana-mana dalam dunia ini binatang jenis hidupan liar itu melainkan di hutan rimba Endau-Rompin. Saya suka hendak mendapat penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan apakah tindakan-tindakan yang telah dilakukan bagi menjaga keselamatan rhinoceros jenis Sumatra itu yang berada sekarang di hutan rimba Endau-Rompin.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Pengerusi, sebagaimana yang kita semua tahu masalah ini telahpun dirundingkan dengan pihak Kerajaan Negeri untuk mendapatkan kawasan itu sebagai kawasan hutan simpan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$590,440 untuk Kepala B. 53 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua; dan wang sebanyak \$2,947,330 untuk Kepala P. 53 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1977.

Kepala P. 52 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1977)—

7.23 mlm.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan K. Pathmanaban): Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya peruntukan tanda sebanyak \$10 sahaja yang dikehendaki di bawah Kepala P. 52—Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat dimasukkan dalam Jadual. Butir-butir tentang peruntukan tambahan ini adalah tertera di dalam Kertas Perintah 14/78.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$10 untuk Kepala P. 52 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1977.

Kepala B. 56 (Jadual Pertama)

Kepala B. 55, B. 59, B. 60 dan B. 61 (Jadual Kedua)

Kepala P. 62 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1976)

Kepala P. 55 dan P. 58 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1977)—

7.25 mlm.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Pengerusi, saya mohon izin untuk mengemukakan tambahan bekalan bagi Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawah Kementerian ini yang diperlukan bagi tahun 1976 dan 1977 berjumlah \$76,365,145 yang dibahagikan kepada tambahan Belanja Pembangunan sejumlah \$57,424,154 dan tambahan Belanja Mengurus Tambahan berjumlah \$18,940,991.

Kedudukan pecahan peruntukan tambahan adalah seperti berikut:

Pertama, Anggaran Belanja Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2) Tahun 1976. Tambahan yang diperlukan bagi Anggaran Belanja Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2) Tahun 1976 ialah sejumlah \$31,624,114 bagi maksud P. 62—Jabatan Talikom.

Kedua, Anggaran Belanja Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2) Tahun 1977. Tambahan yang diperlukan bagi Anggaran Belanja Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2) Tahun 1977 ialah berjumlah \$25,800,040 iaitu bagi maksud-maksud pembangunan di mana butir-butirnya dirujuk kepada Kertas Perintah 14/78.

Ketiga, Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga, 1976. Tambahan yang diperlukan bagi Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga, 1976 ialah berjumlah \$68,170 bagi maksud B. 56.

Keempat, Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua, 1977. Tambahan yang diperlukan bagi Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua, 1977 ialah berjumlah \$18,872,821 iaitu bagi maksud bekalan seperti yang terdapat dalam Kertas Perintah 10/78.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya Anggaran Belanja Pembangunan (Tambahan) 1976/1977 berjumlah \$57,424,154 dan Anggaran Belanja Bekalan Tambahan 1976/1977 berjumlah \$18,940,991 bagi Kementerian ini dan Jabatan-jabatan di bawah Kementerian ini dijadikan sebahagian daripada Jadual diluluskan.

7.27 *mlm.*

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh Kepala B. 55, Pecahan-kepala 4100 yang mana tambahan sebanyak \$1,101,612 adalah dikehendaki bagi membiayai pembayaran tuntutan Kerajaan Singapura mengenai Perbelanjaan Pusat Kawalan Trafik Udara Kawasan bagi tahun 1971, 1972 dan 1973 dan juga untuk membiayai lain-lain perbelanjaan Kementerian ini dalam tahun 1977. Apa yang saya hendak bertanya apakah yang terpaksa kita membayar \$1 juta lebih itu kepada Kerajaan Singapura bersabit dengan Pusat Kawalan Trafik Udara Kawasan.

Kedua, saya suka menyentuh di bawah Kepala P. 55 berkenaan dengan pinjaman yang berjumlah \$253.1 juta kepada Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia Berhad bagi membiayai membeli lima buah "L.N.G. Carriers" yang mana sekarang ini dipinta sejumlah \$15 juta dikehendaki sebagai pembayaran ansuran yang ketiga.

Soalan saya, Tuan Pengerusi, setakat yang saya tahu bahawa "L.N.G. Carriers" ini belum lagi dapat menjalankan perkhidmatannya dan saya bimbang bahawa pinjaman yang diberi kepada Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia itu mungkin tidak akan dapat dibayar balik oleh kerana keempat-empat kapal itu belum lagi menjalankan khidmatnya. Adakah satu-satu rancangan oleh Kementerian Perhubungan untuk menanggukkan bayaran ansuran itu ataupun mengkaji semula perjanjian itu supaya tidak diberi lagi pinjaman yang diperlukan memandangkan bahawa keempat-empat kapal itu belum lagi menjalankan khidmatnya.

7.28 *mlm.*

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Pengerusi, ingin saya membuat dua tiga pertanyaan masalah perkhidmatan pos iaitu Kepala B. 61 yang berjumlah \$16,229,269 iaitu untuk Belanja Mengurus. Saya hendak bertanya kepada Kementerian yang berkenaan disebabkan Belanja Mengurus ini besar, samada Kementerian sedar atau tidak banyak saya dengar khabar kononnya kawalan masalah membeli tayar motokar perkhidmatan pos ini selalunya dimainkan. Apabila peruntukan dikeluarkan untuk membeli tayar baru, tayar baru itu digunakan sehari atau dua hari selepas itu tayar baru menjadi tayar celup. Samada betul atau tidak, saya minta pihak Kementerian mengawasi dan memberi perhatian perkara ini dan saya menyokong peruntukan ini.

7.29 *mlm.*

Raja Dato' Nasron bin Raja Ishak: Tuan Pengerusi, izinkan saya menyentuh P. 55 sekali lagi kerana di dalam saya membahaskan pada awal tadi, saya dinasihatkan supaya membawa butir-butirnya di dalam perbahasan sekarang. Jadi P. 55 ini adalah untuk pembayaran ansuran yang ketiga

kepada Perbadanan Perkapalan Antara-bangsa Malaysia Berhad. Apa yang saya hendak tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan pengakuan daripada beliau iaitu jika saya sampaikan satu lapuran berkenaan dengan pengaduan-pengaduan yang saya terima bersabit dengan penyelewengan-penyelewengan yang dilakukan oleh beberapa pegawai-pegawai kanan di dalam Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia Berhad, umpamanya, claims yang dibuat yang patut tidak dibayar oleh pihak yang berkenaan untuk membeli suit, blouse atau dress isterinya, membeli satu bungkus "Benson and Hedges", membeli dua botol Black Label dan membeli satu botol V.S.O.P.. Jadi, bolehkah Kementerian yang berkenaan menyasat sedalam-dalamnya supaya penyelewengan ini dapat ditentukan samada betul atau fitnah.

7.30 mlm.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Pengerusi, saya bagi pihak Kementerian ini berterima kasih kepada pihak Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan beberapa masalah, terutama sekali Ahli Yang Berhormat dari Sepang yang membangkitkan Kepala B. 55, Pecahan-kepala 4100 mengenai pembayaran sebanyak \$1,091,612 kepada Kerajaan Singapura. Pembayaran ini adalah merupakan pembayaran kepada Kerajaan Singapura oleh kerana pada tahun 1971, 1972 dan 1973 kita menggunakan alat-alat perkhidmatan kawalan udara yang dimiliki oleh Kerajaan Singapura. Kawalan ini walaupun di dalam ruang angkasa Malaysia tetapi oleh kerana kelengkapan alat pada masa itu belum terdapat yang dipunyai oleh kita, maka kita telah menggunakan alat-alat dan kuasa kawalan udara itu daripada Singapura yang terpaksa kita membayar bayaran-bayaran itu kepada Kerajaan Singapura tetapi pada masa ini kawalan-kawalan udara itu telahpun kita lengkapkan dan dikuasai oleh Kerajaan Malaysia.

Mengenai perkara pinjaman kepada M.I.S.C., ini bolehlah saya jelaskan secara pendek bahawa kapal-kapal L.N.G. ini telahpun dipesan dan ditempah, maka pinjaman yang diperuntukkan sebanyak

\$15,300,000 itu adalah merupakan pinjaman untuk membayar ansuran ataupun membayar tempahan yang dikehendaki bagi memenuhi keperluan tempahan yang sebenar.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sepang mengenai tayar-tayar motokar sebagaimana yang disebutkan yang digunakan oleh Jabatan Pos, saya sendiri tidaklah menyedari masalah ini tetapi bagaimanapun bolehlah saya memberi keyakinan kepada Ahli Yang Berhormat itu sekiranya perkara ini benar, Kementerian akan mengambil tindakan untuk menyasat keadaan itu.

Berhubung dengan permintaan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor berkait dengan peruntukan tambahan yang dikehendaki sebanyak \$15,300,000 sebagai memenuhi pinjaman kepada pihak M.I.S.C., Kementerian saya sedia menerima kalau sekiranya ada pengaduan-pengaduan yang hendak disampaikan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$68,170 untuk Kepala B. 56 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; wang sebanyak \$1,297,534 untuk Kepala B. 55, \$1,336,018 untuk Kepala B. 59, \$10,000 untuk Kepala B. 60 dan \$16,229,269 untuk Kepala B. 61 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua; wang sebanyak \$31,624,114 untuk Kepala P. 62 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1976; dan wang sebanyak \$25,890,030 untuk Kepala P. 55 dan \$10 untuk Kepala P. 58 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1977.

Kepala B. 64 dan B. 65 (Jadual Kedua)

Kepala P. 65 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1976)

Kepala P. 64 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1977)—

7.35 mlm.

Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Pengerusi, saya mohon izin

membentangkan tambahan-tambahan peruntukan Kementerian saya bagi tahun 1976/1977 untuk dipertimbangkan dan diluluskan.

Dalam tahun 1976 peruntukan Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua yang dikehendaki adalah sebanyak \$192,488. Untuk tahun 1977, Tambahan Kedua yang dikehendaki bagi Anggaran Belanja Mengurus ialah sebanyak \$9,856,300 dan \$2,640,500. Tambahan Kedua yang dikehendaki bagi Anggaran Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 1977 ialah sebanyak \$71,654,060 secara langsung dan \$2.2 juta secara pinjaman.

Tuan Pengerusi, saya mohon izin peruntukan-peruntukan tambahan seperti yang tersebut di atas dapat dipertimbang dan diluluskan.

7.37 mlm.

Tuan Au How Cheong: Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan agar Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam ini menimbangkan supaya memberi bantuan 100% kepada tiap-tiap rancangan bekalan air di kawasan luar bandar. Buat sementara ini Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam hanya membekalkan 2/3 daripada perbelanjaan rancangan bekalan air luar bandar dan 1/3 daripadanya dipikul oleh Kerajaan-kerajaan Negeri. Oleh kerana sumber kewangan Kerajaan-kerajaan Negeri adalah terhad jika dibandingkan dengan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan, banyak rancangan bekalan air tidak dapat ditunaikan kerana kadang-kadang Kerajaan Negeri tidak sanggup membayar bahagian 1/3 itu. Memadangkan Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam telah memberi peruntukan sepenuhnya kepada rancangan-rancangan bekalan letrik di kawasan-kawasan luar bandar, saya sangat-sangat berharap peruntukan 100% dapat diberi bagi rancangan-rancangan bekalan air juga.

Selain daripada itu, saya juga merayu kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya Pejabat Pendaftaran dan Pemeriksaan Kenderaan ditubuhkan di bandar Telok Anson.

7.38 mlm.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Pengerusi, izinkan saya menyentuh Pecahan-kepala 123 berkenaan dengan Bangunan-bangunan Kerajaan, muka 10 Kertas Perintah 14 Tahun 1978. Bagi meneruskan ucapan saya, sebanyak \$37.5 juta adalah dikehendaki di bawah Rancangan Malaysia Ketiga bagi membiayai kerja-kerja menyiapkan 5 buah blok Pejabat Kerajaan di Jalan Duta dan pada fahaman saya bahawa kelima-lima blok yang disebutkan itu telahpun hampir-hampir siap, malah 2 atau 3 daripada blok itu telahpun disediakan bagi menempatkan Kementerian Kewangan. Jalan Duta ini ialah satu tempat yang agak residential area yang terkemuka dan juga tempat yang tinggi nilainya dari segi tempat residence dan juga tempat pejabat, malangnya blok yang dibina oleh Kementerian yang berkenaan amat menyedihkan. Blok ini amat buruk sekali, langsung tidak selaras dan sejajar dengan tempat di mana bangunan itu dibina, apatah lagi bangunan itu untuk menempatkan Kementerian Kewangan.

Daripada fahaman saya sepertimana juga Bank Negara bangunan yang ada berkenaan dengan kewangan haruslah menimbulkan suatu perasaan keyakinan dan kepercayaan orang ramai terhadap keutuhan dan kekuatan badan institusi kewangan itu seperti Bank Negara, apatah lagi Kementerian Kewangan satu-satunya Kementerian yang penting di dalam Kerajaan kita yang seharusnya mencerminkan perasaan kepercayaan dan keyakinan orang ramai terhadap keutuhan dan kekuatan Kementerian itu. Tetapi apabila kita lihat Kementerian Kewangan ini ditempatkan di suatu bangunan yang begitu tidak langsung menarik dan tidak langsung menimbulkan kepercayaan dan keyakinan, saya khuatir dan takut kepercayaan orang ramai dan Kerajaan-kerajaan luar negeri kepada Kementerian Kewangan kita akan terjejas. Maka dengan demikian saya sungguh-sungguh berharap bahawa Kementerian yang berkenaan di dalam membina bangunan-bangunan yang tertentu untuk tujuan-tujuan yang khusus biarlah bangunan itu sesuai dengan tempat di mana bangunan itu dibina dan biarlah bangunan itu sesuai dengan tujuan dan objektif bangunan itu dibina dan contoh yang lima blok ini amat mendukacitakan dan amat dikesalkan.

Yang kedua, saya suka menyentuh Kertas Perintah 13/78, Pecahan-kepala 216 berkenaan dengan "Tenaga" di mana sebanyak \$69 juta adalah dikehendaki sebagai penambahan kepada stok biasa Lembaga Letrik Negara makin bertambah. Dengan hal yang demikian, kaitan Kerajaan dengan Lembaga Letrik Negara ini makin lebih dan makin rapat, maka apa yang dilakukan oleh Lembaga Letrik Negara akan menolong memperkuat ataupun menjejaskan imej Kerajaan dan keadaan yang berlaku sekarang sungguhpun pada keseluruhannya Lembaga Letrik Negara banyak memberi faedah dan pertolongan kepada rakyat, tetapi ada juga cerita-cerita kelewatan, kelambatan kerjakerja dan projek Lembaga Letrik Negara ini dan saya berharap dengan penambahan wang Kerajaan di dalam Lembaga Letrik Negara ini maka Kerajaan akan dapat menambahkan pengawasannya kepada pelaksanaan projek-projek bekalan letrik di luar bandar terutamanya, supaya biarlah kerjakerja yang baik dalam kerja pembekalan letrik di luar bandar itu kalau berjalan dengan baik maka yang akan mendapat nama baik bukan sahaja Lembaga Letrik Negara, tetapi Kerajaan yang berkenaan. Tetapi akhir-akhir ini nampaknya pelaksanaan projek-projek bekalan letrik di luar bandar kurang memuaskan. Cerita ini telah lama, tetapi nampaknya belum lagi dapat diatasi. Dahulu sudah timbul sekali sewaktu keributan berkenaan dengan kelewatan dan kelambatan projek-projek bekalan letrik luar bandar, kemudian bila sudah reda sedikit akhir-akhir ini timbul semula keributan kelewatan projek-projek bekalan letrik di luar bandar itu. Maka saya sungguh-sungguh berharap dan merayu kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan dengan penyertaan tambahan Kerajaan kepada Lembaga Letrik Negara ini, saya sungguh-sungguh berharap bahawa keadaan akan bertambah baik, maka semua pelaksanaan projek-projek bekalan letrik di luar bandar akan dapat berjalan dengan licin dan tidaklah lagi timbul perkara-perkara yang mengeciwakan, seperti tidak ada tiang, kurang tiang, tidak ada dawai, tidak ada meter, tidak ada alat-alat dan sebagainya. Ini amat mendukacitakan sekiranya perkara ini tidak dapat diatasi apabila Kerajaan telah menambahkan penyertaan di dalam Lembaga Letrik Negara ini.

7.55 *mlm.*

Raja Dato' Nasron bin Raja Ishak: Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh Kepala B. 64, Pecahan-kepala 1100, Item No. 8—Keselamatan Jalanraya iaitu peruntukan dalam anggaran \$42,500 dan peruntukan tambahan yang dikehendakki \$12,500.

Tuan Pengerusi, saya tidak mengetahui apakah rancangan-rancangan yang akan dibuat di bawah Keselamatan Jalanraya ini, walau bagaimanapun saya suka membawa perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan iaitu memandang kepada angka-angka kemalangan yang membawa kepada kematian makin bertambah daripada setahun ke setahun, agar perkara-perkara berikut diambil perhatian. Kita dapati sekarang perhentian-perhentian bus dibuat di selekoh-selekoh jalan di mana pemerhatian ataupun pandangan orang-orang yang menggunakan jalanraya terlindung oleh kerana perhentian-perhentian bus. Adakah perhentian-perhentian bus ini dibuat tanpa dikawal iaitu diambil ketahui sebelum didirikan samada perhentian bus (bus stand) itu akan melindungi perhatian pengguna-pengguna bus.

Yang kedua, saya juga sangat-sangat mengambil berat atas keadaan sekolah-sekolah di mana didapati pemandu-pemandu kereta tidak mempedulikan had laju yang telah dihadkan di sekolah-sekolah. Dari itu, saya berharap kepada pihak Kementerian yang berkenaan dapat membina dekat jalan itu—separuh daripada separuh tempat diadakan bump di mana terpaksa kereta-kereta mengurangkan lajunya kerana bump yang ada dibuat di tengah-tengah jalan. Saya fikir dengan jalan ini dapatlah kita mengawal kanak-kanak ataupun murid-murid sekolah.

Yang ketiga, Tuan Pengerusi, berkali-kali saya menyebutkan di dalam Dewan yang mulia ini berkenaan dengan perkara-perkara yang kerap menandatangani kemalangan. Sungguhpun barangkali perkara yang saya hendak sebutkan ini tidak ada kaitan dengan Jabatan Kerja Raya, tetapi disebabkan oleh di bawah peruntukan yang dikehendakki itu iaitu Pecahan-kepala 8—Keselamatan Jalanraya, saya minta supaya dapat pihak yang berkenaan bekerjasama dengan pihak Polis dan juga pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian mengawasi kereta-kereta yang dipasang di tempatan.

Saya sendiri bersusah-payah membuat kajian sendiri kerana anak saya sendiri berumur 21 tahun telah menjadi mangsa kemalangan dan membawa kepada kematian, iaitu kereta yang dipandunya adalah jenis kereta Jepun dan sesudah di post-mortem didapati bahawa kerana kereta ini tidak begitu elok mekhanismnya, iaitu apabila dibrek, breknya tidak begitu makan, maka kemalangan telah terjadi.

Bukan saya hendak mengatakan keseluruhan kereta-kereta yang dipasang di tempatan ini mutunya tidak baik, tetapi di dalam 10 kereta yang menemui kemalangan di jalanraya, 8 adalah kereta jenis Jepun. Jadi, saya harap supaya dapat Kementerian yang berkenaan berhubung dengan Kementerian-kementerian yang lain supaya keselamatan jalanraya terpelihara.

7.48 mlm.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai peruntukan Kementerian saya.

Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson telah mengesyorkan bahawa Kerajaan Pusat membantu 100% ongkos bekalan air luar bandar.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, di negeri-negeri yang dianggap kurang maju iaitu Perlis, Kedah, Kelantan, Trengganu dan Melaka, Kerajaan Pusat menanggung 100% perbelanjaan bekalan air luar bandar. Walau bagaimanapun, Kementerian saya akan mengambil perhatian tentang syor yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson dan memberi pertimbangan yang sewajarnya.

Ahli Yang Berhormat juga mencadangkan bahawa satu Pejabat Pengangkutan Jalan dibina di Telok Anson. Izinkan saya memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa sebenarnya Jabatan Pengangkutan Jalan sekarang menimbang secara berat kemungkinan menempatkan suatu Pejabat Pengangkutan Jalan yang baru di Telok Anson memandangkan bahawa kalau suatu

pejabat dibina di sana ia dapat memberi perkhidmatan bukan sahaja kepada Telok Anson tetapi juga kepada kawasan-kawasan di sekitarnya.

Ahli Yang Berhormat dari Sepang telah membangkitkan perkara blok-blok Kerajaan yang dibina di Jalan Duta. Beliau berpendapat bahawa bangunan Perbendaharaan tidak berapa elok dan tidak berapa sesuai untuk sebuah Kementerian yang begitu penting seperti Kementerian Kewangan. Malangnya, Tuan Pengerusi, saya tidak dapat menerima pendapat Ahli Yang Berhormat itu sebab seperti Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini dari semasa ke semasa pernah menyuarakan Kerajaan harus menjimatkan kewangan sebab kewangan yang disimpan oleh Kementerian Kewangan ialah kewangan rakyat dan kalau Kementerian Kewangan sedia menggunakan standard plan untuk bangunan Kementerian ini menunjukkan bahawa Kementerian ini membuat satu contoh kepada agensi-agensi Kerajaan yang lain menjimatkan kewangan bagi negara kita. Saya rasa kita harus memuji Kementerian yang berkenaan atas kesediaannya.

Ahli Yang Berhormat dari Sepang juga telah membangkitkan apa yang dikatakan kelambatan dan kelewatan dalam pelaksanaan projek-projek letrik luar bandar. Tuan Pengerusi, semalam Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam telah menjelaskan dengan panjang lebar kedudukan bekalan letrik luar bandar. Seperti beliau sebutkan, pada masa permulaan banyak masalah dihadapi dan selepas teguran-teguran yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini, Kementerian kami telah memberi perhatian yang lebih berat. Suatu akibatnya ialah penubuhan pasukan-pasukan petugas di Ibu Pejabat L.L.N. dan kemudiannya di beberapa negeri di Utara Semenanjung Malaysia dan nampaknya masalah yang dihadapi pada peringkat permulaan sedang diatasi. Kadar implementasi sekarang ini boleh dikatakan lebih memuaskan. Walau bagaimanapun, L.L.N. memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat dari Sepang dan Ahli Yang Berhormat dari Tumpat tadi yang membangkitkan masalah letrik di kawasan-nya bahawa ia akan bekerja dengan lebih

kuat lagi supaya projek-projek bekalan letrik luar bandar dilaksanakan dengan seberapa cepat yang mungkin.

Tuan Pengerusi, Ahli dari Kuala Selangor telah memberi banyak pendapat berkenaan keselamatan jalanraya dan bagi pihak Kementerian saya mengucapkan terima kasih dan akan mengambil perhatian di atas syorsyor dan pendapat-pendapat yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih, Tuan Pengerusi.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$9,856,300 untuk Kepala B. 64 dan \$2,640,500 untuk Kepala B. 65 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua; wang sebanyak \$192,488 untuk Kepala P. 65 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1976; dan wang sebanyak \$73,854,060 untuk Kepala P. 64 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1977.

Kepala B. 66 (Jadual Kedua)

Kepala P. 66 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1977)—

7.55 m/m.

Setiasaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Haji Embong bin Yahya): Tuan Pengerusi, saya mohon izin membentangkan Peruntukan Tambahan sebanyak \$8,486,644 bagi Anggaran Belanja Mengurus dan Tambahan sebanyak \$11,781,220 bagi Anggaran Pembangunan bagi Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah bagi Tambahan Kedua, 1977 untuk diluluskan sebagai sebahagian daripada peruntukan tambahan yang dikehendaki seperti berikut:

Kepala B. 66: Pecahan-kepala 1100—Gaji dan Upahan—\$8,486,644.

Kepala P. 66: Pecahan-kepala 1—Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan—\$9,784,020.

Pecahan-kepala 4—Rancangan Tanah Jengka:

(a) Pembangunan Utama—\$678,180

(b) Bekalan Air—\$250,000

Pecahan-kepala 15—Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak:

(ii) Pemberian—\$1,069,000

Pecahan-kepala 26—Sukatan Air Pasang—Peruntukan Tanda \$10.

Pecahan-kepala 27—Bangunan Mesin Fotosukat—Peruntukan Tanda \$10.

Ulusan-ulasan terhadap Peruntukan-peruntukan Tambahan Kedua yang dikehendaki bagi tajuk-tajuk tersebut bagi Belanja Mengurus dan Pembangunan telah dicatitkan dalam Kertas Perintah Bilangan 9 dan 10 tahun 1978 bagi Belanja Mengurus dan Kertas Perintah 13 dan 14 tahun 1978 bagi Belanja Pembangunan. Dengan ini saya mohon mencadangkan supaya Peruntukan-peruntukan Tambahan Kedua berjumlah \$20,267,864 diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$8,486,644 untuk Kepala B. 66 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua; dan wang sebanyak \$11,781,220 untuk Kepala P. 66 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1977.

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan bahawa sejumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$31,816,602 dan sejumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$147,536,670 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan masing-masing bagi tahun kewangan 1976 dan 1977, dan bagi menampung maksud kepala-kepala dan pecahan-pecahan kepala perbelanjaan yang dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 11 Tahun 1978 bagi wang tambahan untuk tahun 1976 dan Kertas Perintah 13 Tahun 1978 bagi wang tambahan untuk tahun 1977, diuntukkan jumlah-jumlah yang dinyatakan dalam

ruangan sembilan dan sepuluh dan lapan dan sembilan bertentangan dengan Kepala-kepala dan pecahan-pecahan kepala dalam Kertas Perintah 11 Tahun 1978 dan Kertas Perintah 13 Tahun 1978 masing-masing.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Bacaan Kali Yang Ketiga

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1976 dan 1977) telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah disetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbang usul yang diadarkan kepadanya dan bersetuju dengan usul itu. Seterusnya saya mencadangkan:

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan bahawa sejumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$31,816,602 dan sejumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$147,536,670 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan masing-masing bagi tahun kewangan 1976 dan 1977, dan bagi menampung maksud kepala-kepala dan pecahan-pecahan kepala perbelanjaan yang dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 11 Tahun 1978 bagi wang tambahan untuk tahun 1976 dan Kertas Perintah 13 Tahun 1978 bagi wang tambahan untuk tahun 1977, diutukkan jumlah-jumlah yang dinyatakan dalam ruangan sembilan dan sepuluh dan

lapan dan sembilan bertentangan dengan Kepala-kepala dan pecahan-pecahan-kepala dalam Kertas Perintah 11 Tahun 1978 dan Kertas Perintah 3 Tahun 1978 masing-masing.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan bahawa sejumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$31,816,602 dan sejumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$147,536,670 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan masing-masing bagi tahun kewangan 1976 dan 1977, dan bagi menampung maksud kepala-kepala dan pecahan-pecahan kepala perbelanjaan yang dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 11 Tahun 1978 bagi wang tambahan untuk tahun 1976 dan Kertas Perintah 13 Tahun 1978 bagi wang tambahan untuk tahun 1977, diutukkan jumlah-jumlah yang dinyatakan dalam ruangan sembilan dan sepuluh dan lapan dan sembilan bertentangan dengan Kepala-kepala dan pecahan-pecahan-kepala dalam Kertas Perintah 11 Tahun 1978 dan Kertas Perintah 13 Tahun 1978 masing-masing.

RANG UNDANG-UNDANG PER- UNTUKAN DIRAJA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

8.00 mlm.

Menteri Tak Berpotfolio (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Diraja (Pindaan) dibaca bagi kali yang Kedua.

Mengikut fasal 35 (1) Perlembagaan Persekutuan, Parlimen hendaklah dengan undang-undang memperuntukan suatu Peruntukan Diraja bagi Yang di-Pertuan Agong yang termasuk peruntukan untuk membayar

annuity kepada Raja Permaisuri Agong. Peruntukan Diraja itu hendaklah dipertanggungjawabkan kepada Kumpulan Wang Disatukan dan tidak boleh dikurangkan dalam masa Yang di-Pertuan Agong memegang jawatannya.

Bagi melaksanakan fasal 35 (1) itu maka satu Ordinan Peruntukan Diraja No. 70 Tahun 1957 (Civil Lists Ordinance No. 70, 1957) telah diluluskan pada 31hb Ogos, 1957. Semenjak itu Jadual Pertama kepada Undang-undang itu telah beberapa kali dipinda dan peruntukan yang ditunjukkan dalam Jadual Pertama itu pada masa ini adalah seperti berikut:

Kelas I ..	Peruntukan Di Raja	\$ 315,600
Kelas II ..	Gaji Pegawai dan Kakitangan Istana	557,000
Kelas III ..	Perbelanjaan Istana	400,000
Kelas IV ..	Kurniaan Di Raja	20,000
	Jumlah ..	<u>\$1,292,600</u>

Berkenaan dengan pindaan-pindaan kepada Jadual Pertama yang diperlukan, sukalah saya menerangkannya seperti berikut:

(a) *Kelas II—Gaji Pegawai dan Kakitangan Istana*

Tambahan sebanyak \$190,000 adalah dikehendaki untuk menemui kenaikan gaji dan elaun, dan caruman majikan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja berikutan dengan pelaksanaan Lapuran Gaji Jawatankuasa Kabinet. Dengan Tambahan ini peruntukan Kelas II akan menjadi \$747,000 dan dikuatkuasakan mulai daripada 1-1-76 iaitu tarikh pelaksanaan Lapuran Gaji Jawatankuasa Kabinet.

(b) *Kelas III—Perbelanjaan Istana*

Peruntukan Kelas III adalah untuk perbelanjaan sehari-hari bagi menemui kewajipan-kewajipan Istana. Tambahan peruntukan sebanyak \$44,000 adalah dikehendaki bermula daripada 1-1-77 bagi membiayai perbelanjaan-perbelanjaan perkhidmatan, penyelenggaraan dan bekalan yang semakin bertambah. Dengan tambahan ini peruntukan Kelas III akan berjumlah \$444,000.

(c) *Kelas IV—Kurniaan Di Raja*

Perbelanjaan bagi Kelas IV ialah untuk pembayaran ampun kurnia. Peruntukan sekarang sebanyak \$20,000 setahun didapati tiada mencukupi untuk menampung perbelanjaan. Tambahan sebanyak \$3,000 adalah diperlukan dan ini akan menjadikan jumlah peruntukan Kelas IV berjumlah \$23,000 dan dikuatkuasakan mulai 1-1-77.

Ringkasnya tambahan-tambahan yang diminta bagi keseluruhannya adalah seperti berikut:

Kelas II	\$190,000
Kelas III	\$ 44,000
Kelas IV	\$ 3,000
	<hr/>
JUMLAH:	<u>\$237,000</u>

Pindaan kepada peruntukan-peruntukan ini seperti telah disebutkan di atas tadi hendaklah dikuatkuasakan mulai daripada 1-1-76 bagi Kelas II, dan mulai daripada 1-1-77 bagi Kelas III dan Kelas IV.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan.

Dato' Seri Haji Kamaruddin b'n Haji Mohd. Isa: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Rang Undang-undang—

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan pindaan kepada Rang Undang-undang sebagaimana yang telah diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat seperti berikut:

Rang Undang-undang:

Potong perkataan-perkataan "1hb Januari 1976" yang terdapat dalam kurungan di bawah tajuk panjang.

Bill:

Delete the words "1st January 1976" appearing in the brackets under the long title.

Ini adalah kerana bukan semua peruntukan tambahan dikuatkuasakan pada 1hb Januari 1976.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 1—

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan pindaan kepada Fasal 1 sebagaimana yang telah diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat seperti berikut:

Fasal 1:

Masukkan selepas sahaja perkataan-perkataan "1hb Januari 1976" perkataan-perkataan "mengenai pindaan kepada Klas II dan pada 1hb Januari 1977 mengenai pindaan-pindaan kepada Klas-klas III dan IV, sebagaimana dikemukakan oleh seksyen 2".

Clause 1:

Insert immediately after the words "1st January 1976" the words "in respect of the amendment to Class II and on the 1st January 1977 in respect of the amendments to Classes III and IV, as introduced by section 2".

Tuan Pengerusi, hanya perbelanjaan tambahan mengenai gaji kakitangan dan pegawai Istana sahaja (Klas II) yang hendak diberi kuatkuasa kebelakangan dari 1hb Januari 1976 supaya selari dengan Lapuran Jawatankuasa Jumaah Menteri mengenai gaji dan syarat-syarat perkhidmatan dalam sektor awam. Perbelanjaan tambahan mengenai lain-lain kategori yang dinyatakan itu (Klas-klas III dan IV) telah dilakukan hanyalah dari 1hb Januari 1977 dan oleh itu hendaklah berkuatkuasa kebelakangan dari tarikh itu.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 1 seperti dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG ANGKATAN TENTERA (PINDAAN) 1978

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

8.10 mlm.

Timb'lan Menteri Pertahanan (Tuan Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Akta bagi meminda Akta Angkatan Tentera 1972 dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Kerajaan telah meluluskan skim gaji, elaun dan perkhidmatan yang baru kemudian dari ini disebut skim "gaji baru" bagi Angkatan Tentera pada bulan September tahun 1977. Untuk menyamakan tarikh penerimaan faedah-faedah gaji baru antara anggota-anggota tentera dan pekerja-pekerja awam yang sudah pun menikmati skim gaji baru mereka, Kerajaan telah memutuskan untuk menguatkuasakan skim gaji baru mulai dari 1hb Januari 1976 dan menetapkan tarikh perlaksanaannya sebagai 1hb Julai, 1977.

Pembayaran gaji mengikut tanggagaji baru kepada anggota-anggota Angkatan Tentera telah dilaksanakan pada bulan Oktober, 1977 iaitu sebulan dari tarikh Kerajaan membuat keputusan mengenai "gaji baru" sementara pembayaran tunggakan pula diselesaikan sepenuhnya pada penghujung tahun 1977. Pembayaran elaun-elaun mengikut skim baru juga telah dilaksanakan sepenuhnya.

Pembayaran pencen, ganjaran dan lain-lain faedah tamat perkhidmatan juga adalah dipersetujui untuk dikuatkuasakan mulai 1hb Januari 1976. Ini bermakna pegawai dan anggota-anggota tentera yang masih berkhidmat pada 1hb Januari 1976, termasuk mereka yang kini telahpun bersara/menamatkan perkhidmatan telah layak untuk mendapat pencen mengikut skim baru. Malangnya pembayaran pencen tidak seperti pembayaran gaji dan elaun kerana ianya tidak

boleh dibuat tanpa kelulusan undang-undang maka pencen mengikut skim gaji baru bagi anggota-anggota Angkatan Tentera hingga kini masih belum dapat dibayar lagi. Peraturan-peraturan yang baru yang mengandungi segala perbekalan-perbekalan berkenaan pencen, ganjaran dan lain-lain faedah tamat perkhidmatan baru seperti yang telah diluluskan untuk dikuatkuasakan ke atas Angkatan Tentera kita adalah perlu diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, peraturan-peraturan pencen yang masih digunakan sekarang dan yang akan dipinda ini adalah dibuat di bawah beberapa ordinan dan enakmen iaitu Malay Regiment Enactment, Federation Regiment Ordinance, 1952, Navy Ordinance 1958 dan Air Force Ordinance 1958. Semua ordinan dan enakmen ini telah dimansuhkan oleh Akta Angkatan Tentera 1972 yang berkuatkuasa mulai daripada 1hb Jun, 1976. Peraturan pencen yang sedang dideraf sekarang ini adalah dengan itu perlu dibuat di bawah kuasa Akta Angkatan Tentera 1972. Malangnya, Akta ini adalah berkuatkuasa mulai dari 1hb Jun, 1976 walhal Peraturan-peraturan baru yang hendak di buat di bawahnya bagi melaksanakan skim "gaji baru" Angkatan Tentera perlu dikuatkuasakan mulai dari 1hb Januari, 1976 iaitu suatu tarikh yang kebelakangan dari tarikh kuatkuasa Akta Angkatan Tentera itu sendiri. Untuk mengatasi masalah ini kelonggaran-kelonggaran dan pengubahsuaian di mana perlu dengan itu, terpaksa dibuat di dalam Akta Angkatan Tentera 1972.

Oleh itu, pindaan kepada Akta Angkatan Tentera 1972 seperti yang terkandung di dalam Rang Undang-undang yang dikemukakan untuk diluluskan ini adalah dengan itu diperlukan.

Oleh kerana Akta Angkatan Tentera adalah berkuatkuasa mulai 1hb Jun, 1976 maka jika tidak ada apa-apa perbekalan tambahan dimasukkan di dalam Akta tersebut, peraturan-peraturan yang diperlukan bagi melaksanakan "gaji baru" Angkatan Tentera ini tidak boleh dikuatkuasakan mulai 1hb Januari, 1976 kerana tarikh ini adalah kebelakangan dari tarikh berkuatkuasa Akta "ibu", iaitu Akta Angkatan Tentera 1972. Seksyen-seksyen yang memberi kuasa kepada Majlis Angkatan Tentera dengan kelulusan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda

Yang di-Pertuan Agong untuk membuat peraturan-peraturan berkenaan gaji, elaun, skim perkhidmatan dan pencen anggota-anggota tentera (i.e. seksyen-seksyen 157, 187 dan 206) perlu dibekalkan dengan proviso-proviso yang sesuai bagi membolehkan pihak berkenaan membuat peraturan-peraturan di bawah seksyen-seksyen ini dengan kuatkuasa kebelakangan dari tarikh kuatkuasa Akta Angkatan Tentera 1972 itu sendiri. Proviso-proviso tambahan yang diperlukan itu adalah seperti yang dicadangkan untuk diluluskan pada hari ini seperti di fasal 2, 4 dan 5 Rang Undang-undang ini.

Selain dari memasukkan proviso-proviso tambahan kepada seksyen-seksyen yang disebutkan di atas dua buah seksyen yang lain adalah juga dipinda oleh Rang Undang-undang yang dikemukakan untuk diluluskan ini, iaitu seksyen kecil (2) seksyen 217 dan seksyen 185.

Pindaan yang dicadangkan kepada seksyen kecil (2) seksyen 217 adalah bertujuan untuk membolehkan peraturan-peraturan yang dibuat di bawah enakmen dan ordinan yang dimansuhkan oleh seksyen kecil (1) seksyen 217 Akta Angkatan Tentera untuk dikekalkan pemakaiannya sehingga peraturan-peraturan itu sendiri dimansuhkan. Kelonggaran ini adalah diperlukan supaya di dalam jangkamasa yang diambil untuk membuat peraturan-peraturan baru di bawah Akta Angkatan Tentera 1972, peraturan yang sedia ada, yang telah dibuat di bawah enakmen, ordinan yang terdahulu, boleh terus digunakan. Pindaan kepada seksyen kecil (2) seksyen 217 adalah dibuat melalui fasal 6 Rang Undang-undang ini.

Pindaan kepada seksyen 185 pula ialah bertujuan untuk membolehkan pihak Kerajaan memindahkan sebahagian dari wang pencen, ganjaran atau lain-lain bayaran tamat perkhidmatan yang layak diterima oleh seseorang anggota tentera itu kepada pihak Kerajaan Pusat atau Negeri sebagai cara memungut balik apa-apa hutang anggota berkenaan kepada Kerajaan Pusat atau Negeri yang masih belum dijelaskan. Pindaan

yang dicadangkan ini juga akan membolehkan pemindahan sebahagian dari pencen, ganjaran, atau lain-lain bayaran tamat perkhidmatan kepada bekas isteri atau anak-anak anggota yang berkenaan sebagai wang saraan bekas isteri atau anak yang berkenaan, jika diperintahkan oleh sesebuah mahkamah.

Dengan adanya pindaan-pindaan ini, pihak Kerajaan akan dapat melaksanakan skim gaji baru Angkatan Tentera dengan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

8.17 mlm.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais (Parit): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberi sokongan saya kepada Angkatan Tentera ini. Dalam pada itu izinkan saya menyentuh satu dua perkara berkaitan dengan perkara ini. Seksyen 185 (b) memberi kuasa kepada Mahkamah untuk memerintahkan supaya Anggota Angkatan Tentera membayar apa-apa jumlah wang yang patut dibayar kepada isteri atau bekas isteri mereka. Saya suka mendapat tahu samada perkataan mahkamah termasuk Mahkamah Syariah kerana kebanyakan daripada anggota tentera ini terdiri dari mereka yang beragama Islam.

Satu perkara lagi ialah mengenai emolumen mereka iaitu samada sewa rumah yang mereka perolehi pernah diulangkaji memandangkan banyak di antara mereka yang menyewa rumah kerana kekurangan quarters. Dalam perkara ini ingin saya mendapat penjelasan samada quarters Angkatan Tentera Udara di Butterworth ini dikhaskan untuk Pasukan Angkatan Tentera Australia. Kalau betul begitu Kerajaan patut mendirikan quarters untuk Angkatan Tentera Udara kita yang ditempatkan di sana.

Dalam perkara quarters ini, ingin saya menarik perhatian Kementerian yang berkenaan bahawa banyak daripada anggota-anggota Angkatan Tentera Laut kita yang bertugas di Woodlands Singapura menyewa rumah di Johor.

Baru-baru ini ada banyak di antara mereka membayar sewa yang tinggi iaitu lebih daripada sewa rumah yang mereka perolehi. Oleh itu saya suka mencadangkan sebagai satu langkah jangka pendek oleh kerana pengkalan Tentera Laut akan berpindah dari Woodlands, maka Kerajaan hendaklah menempatkan mereka itu di satu tempat iaitu menyewa satu rumah flat yang disewa oleh Kerajaan, lebih elok lagi jika flat berhampiran dengan Woodlands kerana tidaklah susah hendak memanggil mereka ini kiranya berlaku apa-apa kecemasan.

8.21 mlm.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Timbalan Menteri yang berkenaan dan saya berpendapat apa sahaja habuan yang diberi oleh Kerajaan dalam Rang Undang-undang yang akan memberi keistimewaan kepada Angkatan Tentera, saya yakin untuk menjaga keselamatan, patutlah kita sokong. Kerana saya dapat tahu pada tiap-tiap hari yang istimewa seperti hari Kemerdekaan, hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan di mana sahaja, selalu menyebut nama Angkatan Tentera.

Dengan adanya Rang Undang-undang ini, saya berpendapat tepatlah sebagaimana kita selalu menyatakan keistimewaan kepada tentera. Di samping itu, saya berharap selain daripada tentera biasa maka Tentera Wataniah juga patutlah dikajikan yang mana saya dapat tahu hari ini walaupun elaun mereka telah dinaikkan daripada \$37 seminggu kepada \$39; kalau tidak silap saya, tetapi saya berharap patut ditimbang semula memandangkan keadaan inflasi dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada elaun-elaun dan gaji kita naikkan, tuntutan tambang kenderaan patutlah juga kita kaji semula, kerana saya selalu dengar sungutan daripada pegawai-pegawai tentera baik pun tentera biasa ataupun khasnya yang berpangkat bawah, kerap kali tuntutan boleh dikatakan tuntutan yang kebelakangan, tidak berpatutan dengan kedudukan harga barang pada hari ini. Dengan sebab itu saya berharap mendapat pertimbangan daripada

pihak Kementerian bukan sahaja elaun dan gaji bahkan segala-galanya sebagaimana yang disebutkan oleh wakil dari Parit tadi.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhir sekali selain daripada kenaikan elaun yang diberi, untuk menjaga keselamatan dunia dan akhirat, di sini saya suka ulang sekali lagi rayuan saya di dalam Titah Ucapan yang lepas. Saya sangat bersetuju segala kebaikan yang diberi seperti elaun dan segalanya, tetapi di samping itu patutlah kita amati kehendak Tuhan benda yang haram seperti arak jangan kita adakan langsung dalam majlis tentera apatah lagi hari ini kita beri harga istimewa pula dengan harga yang murah. Kalau boleh pendapat saya seboleholehnya tidak payah diadakan langsung, kalau hendak diadakan juga, biarlah harganya dinaikkan istimewa.

Seperti hari ini kita tidak nafikan tentera samada askar ataupun pegawainya adalah menjaga keamanan seluruh Malaysia. Di samping itu kita tidak boleh menafikan kadang-kadang kalau ada orang yang hendak minum, katanya: Marilah kita beramai-ramai meraikan tentera, oleh kerana dapat minuman yang murah. Seolah-olah selain daripada menjaga keamanan buat satu bukti, syahid dan sebagainya, ada satu pekerjaan pula yang mengajak orang buat jahat. Dengan sebab itu saya merayu dan berharap kepada Kerajaan khususnya kepada Kementerian yang berkenaan sudah kita hendak buat baik menjaga keamanan patut Kerajaan beri pertimbangan dan pihak tentera juga patutlah sepertimana saya kata tadi benda yang tidak baik itu patut kita tinggalkan, yang baik kita buat dan pihak Kerajaan juga akan beri sepenuh-penuh perhatian kepada Angkatan Tentera, begitu juga rakyat.

8.24 *mlm.*

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut berdiri memberi setinggi-tinggi tahniah kepada Timbalan Menteri Pertahanan yang telahpun membentangkan suatu Rang Undang-undang yang memang lama telah ditunggu-tunggu oleh Dewan Rakyat ini.

Tidak payahlah saya menceritakan dengan panjang lebar di atas khidmat cemerlang Angkatan Tentera kita demi kepentingan keamanan dan kesejahteraan negara. Oleh

kerana mengakui khidmat mereka yang cemerlang itulah maka saya berdiri di sini memberi setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan dan Kerajaan yang bukan sahaja telah membentangkan Rang Undang-undang ini tetapi membuat satu Rang Undang-undang yang berani kerana ada dua sifat Rang Undang-undang ini yang dianggap paling istimewa dan hanya satu Kerajaan yang berani sahaja yang boleh membuat Rang Undang-undang yang begini rupa iaitu yang pertama Rang Undang-undang ini setengah tempatnya with retrospective effect iaitu kenaikan gajinya itu boleh dikira ke belakang sehinggakan sebelum kuatkuasa Undang-undang. Ini suatu perkara yang amat istimewa dan luar biasa tetapi kerana memandangkan dan menghargai khidmat tentera yang begitu cemerlang, maka Kerajaan sampai begitu berani membuat undang-undang di retrospective kuatkuasanya sebelum daripada kuatkuasa undang-undang yang berjalan pada bulan Jun tahun 1976.

Yang kedua, sebahagian daripada Rang Undang-undang ini juga menyatakan bahawa mengikut satu daripada fasalnya iaitu pencen, ganjaran atau lain-lain pemberian tidak boleh ditahan, diasing atau di levy bagi atau berkenaan dengan apa-apa hutang atau tuntutan lain kecuali bagi maksud-maksud iaitu bagi hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan Persekutuan atau kepada Kerajaan mana-mana negeri, atau perintah mana-mana mahkamah supaya membayar apa-apa jumlah wang bagi menanggung isteri atau bekas isteri atau anak yang belum dewasa; samada setaraf atau tidak bagi anggota yang diberi pencen, ganjaran atau lain-lain pemberian. Ini satu lagi aspek yang paling istimewa di dalam undang-undang yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan kita, iaitu pencen, ganjaran dan lain-lain pemberian itu tidak boleh dilevy dan sebagainya kecuali di dalam perkara yang saya nyatakan.

Ini satu lagi perkara yang istimewa dan saya memberi tahniah di atas keberanian Kerajaan yang telah membentangkan satu Akta yang begitu berani, yang begitu berkesan dan sekali lagi saya menyertai rakan-rakan saya di dalam ucapan mereka mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan

dan Kerajaan di atas usaha yang begitu baik bagi menjaga kepentingan tentera kita yang memberi khidmat yang cemerlang. Cuma satu perkara yang masih lagi mungkin dapat diperbaiki iaitu menjaga kepentingan anggota-anggota Angkatan Tentera kita setelah mereka berkhidmat selain daripada mendapat pencen, kalau boleh tengoklah pula apa-apa aspek kebajikan untuk menolong mereka dapat memberi sumbangan terus selepas mereka berkhidmat di dalam Angkatan Tentera samada untuk mencari kerja lain ataupun dalam tindakan-tindakan menasabah yang lain.

8.29 mlm.

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Parit, Kangar dan Sepang atas pandangan dan sokongan mereka itu dan pandangan-pandangan yang memerlukan tindakan-tindakan sewajarnya adalah dalam catitan Kementerian ini.

Saya ingin menjelaskan satu persoalan yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit tentang istilah "mahkamah". Istilah mahkamah di sini adalah dimaksudkan mana-mana mahkamah yang diiktiraf oleh Kerajaan dan bagi orang Islam termasuklah Mahkamah Syariah. Sekian.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 6 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN- WANG PINJAMAN PERUMAHAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

8.30 mlm.

Timbalan Menteri Kewangan (Puan Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Kumpulanwang Pinjaman Perumahan (Pindaan) 1978 dibacakan bagi kali yang kedua.

Pada tahun 1971 manakala Akta Kumpulanwang Pinjaman Perumahan dibincangkan oleh Parlimen, Menteri Kewangan adalah diberi kuasa meminjamkan wang sebanyak \$1,000 juta untuk maksud Akta itu. Sehingga akhir bulan Mac 1978 sebanyak \$686,748,935.14 telah digunakan. Pada tahun ini, hitung-panjang sebanyak \$22,099,492.92 sebulan telah dibayarkan daripada Tabung Kumpulanwang ini. Ini bermakna had \$1,000 juta itu akan dicapai pada tahun 1979. Ini adalah dianggarkan berasaskan kepada jumlah permohonan yang diterima setiap hari, tambahan kepada jumlah pinjaman yang diberi kepada seseorang pemohon yang layak dan juga memandangkan kepada golongan baru seperti angkatan tentera yang akan diberi pinjaman perumahan mengikut dasar Kerajaan dan mengikut Sekim Perkhidmatan Angkatan Tentera. Dengan sebab itu adalah dicadangkan supaya had \$1,000 juta ini ditarik balik dan Menteri Kewangan diberi budibicara supaya wang dalam tabung ini diisikan dengan pinjaman atau peruntukan dari Kumpulanwang Yang Disatukan dari masa ke semasa mengikut keperluan Tabung Akta Kumpulanwang Pinjaman Perumahan. Dengan maksud ini Seksyen 3 mencadangkan menarik balik had maksima \$1,000 juta ini.

Satu cadangan lain ialah untuk membetulkan kepada ketinggalan kakitangan yang bertugas di Parlimen daripada menikmati kemudahan-kemudahan di bawah Akta ini. Untuk memenuhi maksud ini cadangan Seksyen-kecil (iv) di bawah Seksyen 5 dalam Akta ini adalah dicadangkan.

Seksyen-kecil (iv) akan dikuatkuasakan mulai 3hb September, 1971 supaya pinjaman yang telah diluluskan kepada mereka yang di dalam perkhidmatan Parlimen adalah diliputi oleh Akta ini.

Satu lagi cadangan yang dibuat ialah untuk membolehkan Menteri Kewangan menggunakan budibicaranya untuk memberi pinjaman atau subsidi dalam satu-satu kes yang berkehendakkan pertimbangan "compassionate". Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat mengetahui Seksyen 5 menyenaraikan mereka yang boleh mendapat pinjaman perumahan di bawah Akta ini. Adalah dicadangkan bahawa Menteri Kewangan diberi kuasa untuk menimbangkan samada seseorang isteri atau suami kepada seseorang peminjam boleh diberi pinjaman berasaskan kepada syarat-syarat yang tertentu pinjaman perumahan yang telah diminta oleh suami atau isterinya akan tetapi pemohon itu telah meninggal dunia dalam menjalankan urusan Kerajaan sebaik sahaja permohonan telah dibuat. Ini akan memenuhi dua tujuan iaitu pertamanya, Kerajaan Persekutuan sebagai majikan yang baik bersedia memberi pertolongan kepada keluarga pegawai yang meninggal dunia di bidang-bidang di mana Kerajaan boleh memberi pertolongan; dan kedua, menunjukkan Kerajaan mengiktiraf kerja dan sumbangan pegawai atau pemohon yang berkelayakkan yang telah meninggal dunia sebaik sahaja permohonan telah dikemukakan melalui saluran yang tertentu. Bagi maksud ini, Seksyen 5, Seksyen-kecil (v) adalah dicadangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 5 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

PERTUBUHAN ANTARA PARLIMEN— PARLIMEN ASEAN—PENUBUHAN

8.35 *mlm.*

Menteri Tak Berpotfolio (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Dewan ini mengambil keputusan bahawa satu Pertubuhan Antara Parlimen-parlimen ASEAN hendaklah ditubuhkan mengikut Statut yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini dan yang telah dipersetujui dengan sebulat suara di suatu mesyuarat perwakilan-perwakilan Parlimen dari semua negara ASEAN yang berlangsung di Manila pada 2hb September, 1977.

Pada awal tahun 1975 satu perwakilan Parlimen Malaysia yang diketuai oleh Allahyarham Tan Sri Nik Ahmed Kamil telah menghadiri Persidangan Pertama Parlimen Negara-negara ASEAN di Jakarta. Persidangan itu telah membincangkan pengesyoran mengenai rupa dan bentuk sebuah Persatuan Parlimen ASEAN pada masa hadapan dan bertujuan menggubal satu Statut yang akan menubuhkan badan tersebut. Hasil daripada Persidangan pertama itu, sebuah Jawatankuasa Kerja yang bermesyuarat di Indonesia sekali lagi, telah dapat menghasilkan satu rangka statut untuk pertimbangan perwakilan dari Parlimen-parlimen negara ASEAN dalam mesyuarat yang berikutnya. Pada penghujung 1975, Persidangan Kedua Persatuan Parlimen-parlimen ASEAN telah diadakan di Kuala Lumpur, di mana Statut tersebut telah dikaji dengan lebih mendalam.

Penubuhan sebuah Pertubuhan Antara Parlimen-parlimen ASEAN akan memberi faedah kepada Malaysia dan juga kepada negara-negara ASEAN yang lain. Selain daripada merapatkan hubungan peribadi antara Ahli-ahli Parlimen atau Badan-badan

Perundangan Negara-negara ASEAN pertubuhan ini akan menyatukan tindakan bersama bagi memaju dan mencapai persefahaman serta kerjasama yang lebih erat di antara negara-negara ASEAN.

Berasaskan kesedaran inilah maka, dalam persidangan di Manila pada bulan September, 1977, Pertubuhan Antara Parlimen-parlimen ASEAN, ringkasnya AIPO, telah mencapai persetujuan dan telah menandatangani satu Statut bagi menubuhkan AIPO. Perwakilan Malaysia yang diketuai oleh Allahyarham Tan Sri Nik Ahmed Kamil telah menyumbangkan daya-usaha dan buah fikirannya, untuk menjayakan persidangan tersebut.

Sebagaimana yang terkandung dalam Statut yang telah dibentangkan di hadapan Majlis pada 5hb April, AIPO ditubuhkan dengan empat matlamat dan tujuan besar, iaitu:

- (i) Untuk meningkatkan kerjasama yang lebih rapat di kalangan Parlimen-parlimen negara anggota ASEAN dan mengeratkan lagi perhubungan dan persefahaman di kalangan ahli-ahlinya;
- (ii) Untuk membantu pencapaian matlamat-matlamat ASEAN sebagaimana yang terkandung dalam Deklarasi ASEAN pada bulan Ogos, 1967 yang telah dibuat di Bangkok, Thailand;
- (iii) Untuk mengkaji, membincangkan dan mencadangkan penyelesaian-penyelesaian kepada masalah-masalah kepentingan bersama; dan
- (iv) Untuk memaklumkan Parlimen-parlimen anggota AIPO mengenai langkah-langkah yang diambil dan kemajuan yang dicapai oleh tiap-tiap Parlimen dalam menuju matlamat-matlamat dan tujuan-tujuannya.

Kita berharap AIPO dapat menjalankan kerja-kerjanya dalam semangat kerjasama yang tulin dan mencapai hasil-hasil yang akan membawa faedah bersama kepada negara-negara anggota ASEAN.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah bercadang hendak menjelaskan satu persatu akan peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Statut ini kerana saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat telahpun menelitinya.

Dalam mengemukakan usul ini, sukalah saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, dalam persidangan yang ketiga AIPO di Manila, keputusan telah dibuat iaitu Statut ini akan berkuatkuasa apabila pihak Parlimen negara-negara masing-masing menerima dan mengesahkannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

8.40 m/m.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop (Padang Rengas): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Usul yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri yang mencadangkan supaya ditubuhkan satu Pertubuhan Antara Parlimen-parlimen ASEAN mengikut Statut yang telah dibentangkan di hadapan Dewan yang mulia ini. Sungguhpun kita telah larut malam sedikit, tetapi saya harap dengan izin Tuan Yang di-Pertua dan juga dengan fahaman dan tolerance dari Ahli-ahli Yang Berhormat rakan-rakan saya, saya dapat mengambil masa sedikit kerana sebabnya Allahyarham Tan Sri Nik Ahmed Kamil yang kita masih ingat dan kita kasihi adalah berkaitan dengan perkara ini, kerana beliau adalah yang menjadi ketua perwakilan daripada Malaysia dalam beberapa perundingan dan perbincangan yang telah diadakan dengan perwakilan daripada negara-negara ASEAN yang lain. Dan sebagai menghormatinya saya rasa terpaksa saya sebagai seorang ahli dari perwakilan itu memberi sedikit penjelasan dan penerangan sedikit sebanyak dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan menyatakan bagaimana bangganya saya sendiri yang telah dipilih menjadi ahli delegasi yang telah mewakili Malaysia di bawah pimpinan seperti yang saya katakan tadi Allahyarham Tan Sri Nik Ahmed Kamil dalam perundingan-perundingan untuk membincang dan merangka strategi untuk menubuhkan Pertubuhan ini. Kami telah mengadakan perjumpaan-perjumpaan dengan wakil-wakil negara Indonesia, Filipina, Singapura, Thailand, di Jakarta, di Manila dan Kuala

Lumpur dalam masa lebih kurang dua tahun. Dalam perjumpaan-perjumpaan tersebut perbincangan dan perundingan telah berjalan dengan baik dalam suasana yang penuh dengan perasaan persefahaman dan saling mengerti di antara wakil-wakil yang hadir. Kepada saya pengalaman dalam perundingan-perundingan ini sangatlah saya hargai dan adalah menjadi bukti yang jelas dan nyata bahawa kelima-lima buah negara di dalam ASEAN amat sangat-sangat memerlukan kerjasama, pertalian yang erat dan persefahaman antara satu dengan lain di antara negara-negara tersebut demi ketenteraman, keselamatan, kebahagiaan, kemajuan bersama negara-negara ASEAN bagi masa ini dan bagi jenerasi-jenerasi yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya berpendapat bahawa Pertubuhan Antara Parlimen-parlimen ASEAN adalah sangat penting dan besar faedahnya bagi negara-negara ASEAN. Melalui Pertubuhan ini Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia akan ada organisasi dan saluran yang tertentu untuk menghubungi dan bekerjasama dengan rakan-rakan mereka "the law makers" dari negara-negara yang lain. Perhubungan ini akan berupa perhubungan antara wakil-wakil rakyat yang biasa pula, selain daripada perhubungan antara Kerajaan dengan Kerajaan, Yang Berhormat Menteri dengan Yang Berhormat Menteri dan pegawai dengan pegawai. Perhubungan yang demikian adalah lebih bebas dan informal dengan masing-masing pihak tidak begitu terikat sangat oleh protokol dan dasar-dasar yang telah ditetapkan. Oleh itu wakil-wakil rakyat kelima buah negara itu akan dapat peluang berjumpa dan bertukar-tukar fikiran dengan rakan-rakan mereka dari negeri lain itu dengan lebih bebas dan dengan secara tidak rasmi, dan mereka mungkin pula dapat mengemukakan pendapat-pendapat mereka kepada Kerajaan dan Yang Berhormat Menteri-menteri di negeri masing-masing selepas mereka telah dapat peluang berunding dan berbincang sama-sama sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, Pertubuhan ini bukannya sebagai mengganti sebarang saluran perhubungan yang ada sekarang di antara negara-negara ASEAN tetapi sebenarnya ialah berupa sebagai satu saluran

tambahan untuk membantu supaya menjadi lebih erat, lebih banyak dan lebih berkesan perhubungan antara Malaysia dengan negara-negara ASEAN yang lain.

Saya percaya kepentingan-kepentingan dan masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat dan masyarakat dalam negara-negara ASEAN mungkin serupa sahaja dan tidak jauh bezanya antara satu dengan lain. Oleh itu, melalui Pertubuhan ini wakil-wakil negara-negara ASEAN akan dapat peluang bersama-sama membincang masalah-masalah tersebut dan mencapai keputusan-keputusan bersama untuk mengatasi masalah-masalah yang tersebut. Dalam Pertubuhan ini perbincangan dan perundingan akan dapat berjalan dalam suasana yang baik antara rakan dengan rakan yang serupa peranannya dan serupa tanggungjawabnya kerana mereka yang hadir bukanlah mewakili Kerajaan Negeri masing-masing tetapi adalah hadir dalam mesyuarat satu Pertubuhan mereka sendiri, masing-masing sebagai ahli Pertubuhan yang tersebut dan sebagai rakan seperti saya katakan tadi yang serupa tanggungjawab dan peranan yang dimain dalam negeri masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, Statut untuk Pertubuhan yang dicadangkan ini yang telah dibentangkan di hadapan Dewan yang mulia ini ialah satu dokumen yang telah dirangka, dipersetujui oleh wakil-wakil daripada kelima buah negara ASEAN selepas beberapa kali perundingan diadakan di antara delegasi-delegasi daripada negeri-negeri yang tersebut. Oleh sebab wakil-wakil itu datang dari negeri yang berasingan antara satu dengan lain, tentulah banyak buah fikiran dan pendapat-pendapat mereka yang berlainan dan ada kalanya bertentangan antara satu dengan lain. Tetapi oleh sebab semua wakil-wakil yang tersebut sedar dan lebih didorongi oleh tujuan dan keazaman untuk mencapai persefahaman persetujuan dan persatuan antara satu dengan lain maka pada akhirnya delegasi-delegasi tersebut telah dapat merangka Statut yang dibentangkan ini untuk mencapai tujuan-tujuan yang tersebut dalam Artikel 2 Statut itu. Seperti yang disebutkan Statut itu tujuan-tujuan ini adalah untuk membantu lagi tindakan dan kegiatan-kegiatan untuk mencapai matlamat-matlamat yang tersebut dalam ASEAN dan declaration pada bulan Ogos, 1967 yang telah dibuat di kota Bangkok, Thailand.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil peluang ini menyebut bahawa idea dan syor untuk menubuhkan sebuah organisasi seperti yang dicadangkan ini ialah dari saudara-saudara kita Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Perwakilan Rakyat Indonesia. Delegasi merekalah yang telah mula mengesyorkan perjumpaan dan perundingan antara wakil-wakil dari Parlimen lima buah negara ASEAN dan telah banyak memberi sumbangan tenaga dan buah fikiran yang berharga dalam hal ini. Di samping itu saya tidak pula mengkecil-kecilkan sumbangan tenaga dan buah fikiran delegasi-delegasi dari negara-negara ASEAN yang lain. Sememangnya dan sepatutnya kita hargai dan sanjung tinggi sumbangan-sumbangan yang telah dibuat oleh mereka dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai penutup saya ambil peluang ini menyebut dan menyatakan penghargaan saya yang tinggi atas peranan yang telah dimainkan oleh Allahyarham Tan Sri Nik Ahmed Kamil dalam perkara ini dan juga kepimpinannya yang bermutu kepada delegasi Malaysia dalam perundingan-perundingan yang berkenaan. Dengan ketinggian kalibar dan oleh sebab pengalamannya yang banyak dan luas Allahyarham Tan Sri Nik Ahmed Kamil yang kita semua masih ingat dan kasihi ia telah memainkan peranan yang terpenting dalam mesyuarat-mesyuarat yang telah diadakan di Jakarta, di Kuala Lumpur dan Manila. Ahli-ahli delegasi negara-negara yang lain itu sentiasa menghormati kebolehan Allahyarham Tan Sri dan seringkali ianya telah dengan khasnya diminta pendapat dan buah fikiran.

Statut yang salinannya dibentangkan di hadapan Dewan yang mulia ini telah ditandatangani oleh Allahyarham Tan Sri itu di Manila pada 2hb September, 1977 bagi pihak delegasi dari Malaysia. Saya berharap daya-usaha dan tenaga Allahyarham Tan Sri yang sangat-sangat dihargai itu akan diberi penghargaan dan sokongan yang penuh oleh Dewan yang mulia ini supaya moga-moga segala cita-cita yang suci-murni yang menjadi matlamat-matlamat dan tujuan-tujuan pertubuhan ini mungkin dapat dicapai demi kemajuan, ketenteraman dan kebahagiaan bersama negara-negara ASEAN.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

8.50 mlm.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya (Maran): Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk menyokong usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri:

Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan bahawa satu Pertubuhan Antara Parlimen-parlimen ASEAN hendaklah ditubuhkan mengikut Statut yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini dan yang telah dipersetujui dengan sebulat suara di suatu mesyuarat perwakilan-perwakilan Parlimen dari semua negara ASEAN yang berlangsung di Manila pada 2hb September, 1977.

Tuan Yang di-Pertua, seperti juga dengan Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas, saya merasa bertuah kerana telah berpeluang untuk mengikuti perkembangan pertubuhan ini sebagai junior member dari peringkat permulaannya hinggalah ke tarikh Statut ini dipersetujukan oleh semua perwakilan Parlimen ASEAN di Manila pada 2hb September, 1977.

Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini mengucapkan terima kasih saya yang tidak terhingga kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah memberikan kepercayaan kepada saya untuk bersama-sama mewakili Parlimen Malaysia pada tiap-tiap tahun sehinggalah wujudnya Statut ini. Kita juga harus tidak lupa untuk memberikan setinggi-tinggi penghargaan kepada usaha dan khidmat bakti Allahyarham Tan Sri Datuk Nik Ahmed Kamil, bekas Speaker Dewan yang mulia ini yang beliau selaku Ketua Perwakilan Parlimen Malaysia telah banyak menyumbangkan tenaga dan fikiran bagi mewujudkan Statut ini. Maka adalah sangat sesuai usul ini dibuatkan sekarang ini sebagai satu penghormatan (tribute) kepada Allahyarham itu.

Tuan Yang di-Pertua, Statut ini telah lengkap digubal setelah beberapa persidangan yang diadakan di Jakarta pada tahun 1975 selama dua kali, di Kuala Lumpur pada tahun 1976 dan di Manila pada tahun 1977. Di dalam proses penggubalannya, Perwakilan Parlimen ASEAN

telah menempuhi berbagai liku-liku, berbagai-bagai masalah dan cabaran dan hampir-hampir menempuh jalan buntu di dalam persidangannya di Kuala Lumpur pada tahun 1976 tetapi dengan adanya semangat yang begitu kuat di kalangan Ahli-ahli Parlimen ASEAN bagi melaksanakan hasrat dan cita-cita ASEAN yang diisytiharkan di Bangkok pada 8hb Ogos, 1967 maka Statut ini berjaya juga digubal di Manila pada tahun 1977. Statut ini lahir setelah 3 tahun perbincangan. Di dalam perbincangan itu berbagai-bagai masalah telah berbangkit kerana ada di antara negara itu mempunyai corak pemerintahan yang berlainan. Di dalam persidangan itu berbagai aspek telah dikaji dan dipertimbangkan dengan sepenuhnya untuk menyesuaikan dengan keadaan yang berlainan yang wujud di tiap-tiap negara ahli. Akhirnya, kata sepakat telah diperolehi dan ianya dilahirkan menerusi Statut ini.

Tuan Yang di-Pertua, Statut ini digubal di atas persetujuan perwakilan secara musyawarah (consensus) dan bukannya secara suara majority. Inilah semangat perwakilan AIPO yang berdasarkan kepada persetujuan secara musyawarah pertubuhan ASEAN itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, hasrat dan cita-cita pertubuhan AIPO ini adalah jelas dan nyata. Tujuan utamanya ialah untuk memupuk persefahaman serta kerjasama yang erat di kalangan Dewan Perundangan Negara-negara ASEAN bagi melaksanakan hasrat dan cita-cita ASEAN. Ahli-ahli Parlimen ASEAN mempunyai penuh kesedaran bahawa kejayaan ASEAN bukanlah menjadi tanggungjawab di antara Kerajaan dengan Kerajaan sahaja tetapi penglibatan di antara rakyat dengan rakyat menerusi wakil-wakilnya tidak kurang juga perlu dan pentingnya bagi mencapai matlamat ASEAN. Pertubuhan ini akan menjalankan segala aktiviti berdasarkan kepada semangat dan cita-cita ASEAN itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya pertubuhan AIPO ini maka lahirlah suatu lagi forum yang tidak kurang juga pentingnya dari pertubuhan IPU ataupun CPA di mana segala masalah bersama dapat dibincangkan menerusi saluran yang baik. Sungguhpun peranannya mungkin terhad di

dalam erti kata bahawa ianya tidak mempunyai kuasa mengikuti Kerajaan masing-masing di dalam sesuatu keputusan yang dibuatnya akan tetapi pertubuhan ini dengan secara tidak langsung dapat membuka jalan bagi memudahkan lagi negara-negara ASEAN mencapai hasrat dan cita-citanya dalam masalah pembangunan serantau.

Tuan Yang di-Pertua, Parlimen Negara-negara ASEAN telah menempuh sejarah baru dengan pertubuhan AIPO ini. AIPO adalah satu pertubuhan di antara Parlimen dengan Parlimen ataupun di antara rakyat dengan rakyat dan bukannya didorongkan oleh Kerajaan masing-masing. Ini melambangkan bahawa konsep ASEAN adalah diterima dan mendapat sokongan pada keseluruhannya oleh rakyat di negara ASEAN sendiri. Maka ini dengan sendirinya membuktikan kepada negara-negara lain bahawa ASEAN bukanlah satu pertubuhan yang didorongkan oleh mana-mana negara besar atau negara super powers tetapi ianya adalah didorongkan oleh rakyat negara-negara ASEAN yang mempunyai sikap pragmatismenya sendiri terhadap kemakmuran dan kestabilan di rantau ini.

Saya mempunyai penuh keyakinan bahawa peranan yang akan dimainkan oleh AIPO akan mendatangkan banyak kesan dan faedah kepada negara-negara ASEAN di masa-masa akan datang. Peranannya akan bertambah significant lagi di masa-masa yang akan datang.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong dengan sepenuhnya akan Usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini.

8.56 m/m.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan tertubuhnya tidak lama lagi, insya Allah, ASEAN Inter-Parliamentary Organisation (AIPO) ini. Ini merupakan satu lagi milestone di dalam perhubungan yang erat di antara negara-negara dan rakyat dan Kerajaan rantau ini, iaitu rantau ASEAN.

Saya percaya dengan tertubuhnya AIPO ini maka ini akan menjadikan satu lagi punca kekuatan dan kerjasama yang akan mengeratkan lagi perhubungan yang sudahpun erat

di antara rakyat, Kerajaan dan negara-negara ASEAN. Cuma saya berasa kurang senang sedikit apabila membaca Statut ini kerana apa yang saya harap-harap ada tetapi tidak ada, iaitu saya mengharapkan sekurang-kurangnya AIPO ini mempunyai sedikit kuasa perundangan tanpa menjejaskan kedaulatan negara-negara yang menjadi ahli AIPO ini tetapi malangnya kuasa perundangan yang terhad tanpa menjejaskan kedaulatan negara-negara anggota nampaknya tidak ada di dalam Statut ini. Walau bagaimanapun, saya percaya mungkin itu menjadi matlamatnya, sekurang-kurangnya ini akan menjadi permulaan ke arah tujuan dan matlamat supaya AIPO ini menjadi satu badan yang mempunyai sedikit-sebanyak kuasa perundangan tanpa menjejaskan kedaulatan anggota-anggota AIPO. Untuk permulaan, kalau pun AIPO ini tidak ada kuasa perundangan (legislative) yang perlu diratifykan oleh Parlimen-parlimen yang menjadi anggota, kalau itu pun tidak ada, untuk permulaan mungkin ada baiknya keahlian AIPO ini diperluaskan supaya tiap-tiap individu menjadi ahlinya. Di dalam bentuk dan keadaannya sekarang tiap-tiap anggota cuma menghantar 15 wakil sahaja, iaitu keahliannya bukan kepada individu tetapi keahliannya sekarang ini ialah kepada badan, iaitu bagi Malaysia ini Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Dengan hal yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, perhubungan dan interplay di antara ahli-ahli ini adalah terhad kepada 15 orang sahaja daripada anggota-anggota AIPO ini. Ini mungkin akan merugikan.

Saya percaya keseluruhan Ahli-ahli Parlimen kita, baik Dewan Rakyat ataupun Dewan Negara kalau diberi peluang dengan sukacitanya suka hendak menawarkan diri mereka untuk menjadi ahli AIPO ini tetapi apakan daya kerana Statut ini nampaknya menghadkan keahliannya bukan kepada ahli perseorangan tetapi kepada badan perundangan. Kalau itu tidak dapat dilakukan mungkin dapat dipertimbangkan supaya wakil daripada badan-badan itu ditambah daripada 15 orang, katalah, kepada 50 atau 60 orang supaya perjumpaan itu akan lebih besar, lebih meriah kerana buat permulaan badan ini tidak ada kuasa perundangan, badan ini cuma pada permulaannya untuk

bermesra, untuk berkenal sahaja dan untuk bertukar-tukar fikiran. Dengan hal yang demikian, sekiranya keahliannya besar, bilangannya banyak maka ia tidaklah menjadi suatu badan yang cumber some ataupun suatu badan yang tidak boleh berjalan dengan berkesan, tetapi apabila badan ini sudah mempunyai kuasa-kuasa perundangan, kuasa-kuasa legislative, maka barulah saya fikir sampai masanya untuk badan itu memperkecilkan keahliannya supaya ianya dapat bergerak secara licin dan lancar sepertimana yang diharap-harapkan.

Walaupun bagaimanapun, saya amat mengalukan tertubuhnya, insya Allah, AIPO ini tidak berapa lama lagi dan saya berdoa moga-moga badan ini akan berjalan dengan baik, mencapai kemajuan demi kemajuan dari masa ke semasa dan di dalam jangka waktu yang tidak lama badan ini akan dapat mempunyai kuasa-kuasa legislative ataupun kuasa-kuasa perundangan yang boleh diratifykan sebelum dapat dikuatkan oleh anggota-anggota yang menjadi ahlinya.

9.02 mlm.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Tak Berpotfolio dan saya hendak mengambil peluang ini mengucapkan tahniah kepada beliau. Saya sedar bahawa masa sudah lewat dan oleh kerana

Tuan Yang di-Pertua: Tidak mengapa, ini yang akhir.

Dr Goh Cheng Teik: oleh kerana perkara ini adalah satu perkara yang bersejarah sekali, izinkan saya bercakap selama 3-4 minit berkenaan dengan

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak bataskan waktunya sebab ini perkara yang akhir dalam Urusan Mesyuarat hari ini.

Dr Goh Cheng Teik: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas dan Maran telah sebutkan, sebenarnya persatuan ini dicapai bukan dengan senangnya. Pada permulaannya penganjur persatuan ini, iaitu Dewan Perwakilan Indonesia, telah menyediakan satu

statut dan penganjur ini mengharapkan dapat mengusahakan statut itu pada mesyuarat yang pertama. Tetapi ia tidak berjaya. Kemudian mesyuarat-mesyuarat diadakan lagi di Puncak dan di Kuala Lumpur dan sehingga mesyuarat di Manila, statut tidak dapat diluluskan. Jadi, ini merupakan suatu usaha, suatu perjuangan yang besar sekali. Ia menjelaskan bahawa banyak kesabaran dan banyak kebijaksanaan perlu diadakan sebelum satu persatuan yang dapat menyelaraskan kepentingan negara-negara ASEAN dapat ditubuhkan.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat tadi telah sebutkan dalam perbahasan ini Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan Rakyat Malaysia haruslah meningkatkan peranan yang dimainkan oleh dua tokoh Parlimen yang tidak ada dengan kita sekarang iaitu Bapak Domo Pranoto, Ketua Delegasi Indonesia dan Tan Sri Nik Ahmed Kamil, Ketua Delegasi Malaysia. Kedua-dua tokoh ini telah tunjukkan pimpinan mereka yang bijak dan dapat mengatasi masalah yang dihadapi oleh penganjur-penganjur pertubuhan ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti kita sedia maklum di ASEAN para Menteri dan para Ketua-ketua Negara telahpun mengadakan hubungan yang rapat dan telah memainkan peranan besar untuk mewujudkan perasaan serantau. Saya rasa kenalah pada masa ini para penggubal undang-undang iaitu "the law makers" atau "the legislators" dari negara-negara ASEAN memainkan peranan mereka menambah lagi satu lapisan kerjasama serantau.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap penggubal-penggubal undang-undang di ASEAN buat permulaannya dapat mengatasi suatu masaalah yang besar sekali iaitu nasionalisme yang sempit. Boleh dikatakan bahawa pada saat ini Asia Tenggara merupakan Semenanjung Balkan di Eropah sebelum Perang Dunia Pertama. Pada saat ini Asia Tenggara menghadapi bahaya Balkanization. Misalnya, di Indo-China kita lihat bahawa konflik telah timbul di antara Kampuchea dan Vietnam dan satu konflik antara negara, baikpun di Indo-China mahupun di kawasan lain di Asia Tenggara tentulah memberi peluang kepada kuasa-kuasa besar campur

tangan dan menjatuhkan kestabilan serantau di Asia Tenggara. Jadi kalau para penggubal-penggubal undang-undang di Asia Tenggara dapat bekerjasama dan mengatasi nasionalism yang sempit, dapat mewujudkan satu perasaan serantau, saya percaya bahawa apa yang dialami oleh penduduk-penduduk Semenanjung Balkan mungkin tidak perlu dialami oleh penduduk-penduduk Asia Tenggara.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai penutup izinkan saya memetik daripada ucapan Ketua Delegasi Malaysia, Tan Sri Nik Ahmed Kamil, di Mesyuarat Manila:

"The journey to a Regional Parliament for South-East Asia is very long, winding and weary but here in Manila ASEAN Parliamentarians have taken what could be the *first small step of commencement* by signing the Statutes and launching the ASEAN Inter-Parliamentary Organisation."

Tuan Yang di-Pertua, dengan langkah meluluskan usul ini yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri dari Jabatan Perdana Menteri, Dewan ini tentu akan mengambil satu langkah tambahan ke tujuan yang akhir iaitu satu Parlimen serantau untuk Asia Tenggara.

Sekali lagi saya menyokong usul yang dikemukakan.

9.10 mlm.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengucapkan banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas, Maran, Sepang dan juga Nibong Tebal yang telah memberi komen-komen atas usul yang telah dibentangkan bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dan Jabatan Perdana Menteri suka merakamkan perasaan kenangan dan juga atas jasa baik yang telah dikemukakan terhadap Allahyarham Tan Sri Nik Ahmed Kamil itu dan juga menghargai sangat-sangat segala komen-komen yang telah dikemukakan dengan begitu tegas dan jujur.

Tuan Yang di-Pertua, memang benar seperti yang telah dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Nibong Tebal iaitu sebuah Parlimen ASEAN adalah satu matlamat yang akhir dan juga adalah satu

impian suci kepada pengasas A.I.P.O. bagi menubuhkan sebuah Parlimen ASEAN itu dan dengan usul ini kita telah mengambil satu langkah yang kecil kepada matlamat yang akhir itu walaupun langkah yang kecil, akan tetapi adalah suatu langkah yang penting dan demi satu langkah kecil itu insya Allah matlamat ini untuk menubuhkan satu Parlimen ASEAN ini akan tercapai.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan bahawa satu Pertubuhan Antara Parli-men-parlimen ASEAN hendaklah di-

tubuhkan mengikut Statut yang telah di-bentangkan di hadapan Majlis ini dan yang telah dipersetujui dengan sebulat suara di suatu mesyuarat perwakilan-perwakilan Parlimen dari semua negara ASEAN yang berlangsung di Manila pada 2hb September, 1977.

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga satu tarikh yang belum ditetapkan dan saya berdoa mudah-mudahan Ahli Yang Berhormat sekalian selamat balik, sentiasa di dalam lindungan Allah.

Dewan ditangguhkan pada pukul 9.13 malam.